

# **BAB I: PENGENALAN**

## **1.0 Pendahuluan**

Perkataan “Penguatkuasaan” bererti satu tindakan untuk memastikan orang ramai mematuhi undang-undang atau peraturan tertentu.<sup>1</sup> Lazimnya ia dijalankan oleh pihak berkuasa awam seperti anggota polis, pegawai narkotik dan lain-lain (*law enforcement officers = members of the police force, the drugs squad, etc.*)<sup>2</sup> Dalam konteks undang-undang jenayah Islam, lazimnya ia dijalankan oleh penguatkuasa agama. Di dalam kajian ini pula, penggunaan perkataan “penguatkuasaan” kerap-kali digunakan untuk merujuk perkara-perkara yang berhubung kait dengan penguatkuasa agama (tidak termasuk tugas-tugas pendakwaan dan kehakiman).

Pada dasarnya, melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang Islam merupakan suatu kewajipan bagi setiap Muslim. Ianya perlu bagi menjamin keharmonian, keselamatan dan kestabilan sesebuah masyarakat. Umumnya mengetahui, kelemahan dari aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan akan menghilangkan kewibawaan satu sistem undang-undang. Hal ini disebabkan, objektif utama kewujudan sesuatu undang-undang itu ialah sebagai satu instrumen pencegahan dari perlakuan jenayah. Ertinya di sini, kewujudan undang-undang sahaja tidak cukup untuk merealisasikan objektif di atas, tanpa disertai dengan tindakan yang konkrit. Apa yang penting di sini ialah sesuatu undang-undang itu dapat memberi sumbangan yang bernilai kepada kepentingan agama, masyarakat dan negara. Bagaimanapun, realitinya tugas penguatkuasaan undang-undang tidaklah semudah yang kita fikirkan, kadangkala melibatkan isu-isu sensitif antaranya menyentuh soal kebebasan individu. Prosesnya juga kadangkala rumit disebabkan

---

<sup>1</sup>Oxford Advanced Learner’s Dictionary (2000) , Oxford: University Press, 6<sup>th</sup> Edit, ms 383 , “enforce.....To make sure that people obey a particular law or rule”

<sup>2</sup> English (Peter Collin), E-Kamus 5.02 Profesional Edition, V:5, 2001-2007 Alaf Teras, “Enforcement”

terdapat sekatan yang menghalang penguatkuasaannya. Setiap langkah dibuat secara berhati-hati kerana sebarang kelemahan dan kesilapan penguatkuasaan akan mengundang tohmahan di kalangan segelintir masyarakat.

Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam, senario masyarakat hari ini menguji kewibawaan penguatkuasa agama untuk menangani isu-isu moral. Keadaan ini, ada kaitannya dengan masalah kelonggaran sistem kawalan institusi kekeluargaan mengakibatkan timbulnya isu-isu negatif seperti perlakuan maksiat, meminum minuman keras dan budaya melepak di pasar-raya pasar raya. Senario ini dibantu lagi oleh faktor persekitaran dengan kecanggihan media-media massa dan pertambahan taman-taman rekreasi, menjadikan kes-kes tangkapan dan aduan kesalahan jenayah syariah meningkat dari tahun ke tahun.<sup>3</sup> Berdasarkan statistik yang dikumpul oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) dari tahun 2004 hingga 2009 menunjukkan bahawa kesalahan berkhawat dan persetubuhan haram adalah kesalahan yang paling banyak dilaporkan berbanding dengan kesalahan-kesalahan lain. Bagi kesalahan khalwat contohnya terdapat 315 kes pada tahun 2004 kemudian meningkat lagi kepada 360 kes pada tahun 2005. Kes itu menurun ke 330 kes pada tahun tahun 2006. Bagaimanapun kes ini mengalami peningkatan hampir dua kali ganda sebanyak 579 kes pada tahun 2007,<sup>4</sup> kemudian kembali menurun sebanyak 199 kes pada tahun 2008 dan 179 kes pada tahun 2009.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> *Morality under scrutiny*, <http://www.Brudirect.com/DailyInfo/News/Archive/Apr07/010407/nite18.htm>, 8 Jun, 2010 “Common sense tells that an increase in social problems equals a decline in moral values, said Ustazah Hajah Rashidah Haji Mohd Hanifah, the head of religious enforcement at the Department of Syariah Affairs, Ministry of Religious Affairs. The situation raises questions about possibilities that parents may be too lenient towards their children's freedom, that teenagers, may have been subjected to too much negative exposure to media, or that the social issue is a negative consequence of advances in information technology.”

<sup>4</sup> *Statistik Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah Yang Direkodkan Di Seluruh Negara Dari Tahun 2004 Hingga Januari-Jun 2008*-Sumber dari Unit Sismi Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah KHEU Brunei.

<sup>5</sup> *Statistik Kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang direkodkan di seluruh Negara dari tahun 2009*-sumber dari Unit Sismi, Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah KHEU Brunei.

Menyedari hakikat itu, peranan agensi penguatkuasa agama amat penting dalam melaksanakan dan menguatkuasakan sesuatu perundangan untuk menjaga kestabilan, keharmonian dan kesucian agama Islam. Di Negara Brunei Darussalam, tugas penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam dijalankan oleh JHES dan Pusat Dakwah Islamiah (PDI), kedua-dua agensi ini terletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). JHES melalui beberapa agensi penguatkuasa dibawahnya, mengendalikan kes-kes penyelewengan akidah, pemakanan orang Islam dan ketatasusilaan atau moral orang Islam. Terdapat tiga bahagian penguatkuasaan di bawah JHES iaitu Bahagian Penguatkuasaan Agama (BPA), Bahagian Kawalan Akidah (BKA) dan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH).<sup>6</sup> Selain itu, dari segi pengawalan bahan-bahan terbitan, dikendalikan oleh Unit Penapisan Dan Kawalan Terbitan-Terbitan PDI.<sup>7</sup>

Untuk memastikan agensi-agensi ini mempunyai bidangkuasa, beberapa undang-undang yang diguna-pakai untuk mengawal perjalanan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam iaitu Akta Majlis Ugama Islam Penggal 77<sup>8</sup> (selepas ini digelar Akta P77), Kanun Acara Jenayah Penggal 7 (selepas ini digelar CPC) dan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. Di samping itu, terdapat statut lain iaitu Perintah Undang-undang Keluarga Islam 1999, Akta Daging Halal Penggal 183 dan Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini Penggal 25.<sup>9</sup>

Dari segi pentadbiran keadilan jenayah Islam terdapat dua lagi agensi yang berkait rapat dengan JHES, setelah proses penguatkuasaan dijalankan iaitu Bahagian Pendakwaan

---

<sup>6</sup> Struktur Organisasi Jabatan Hal Ehwal Syariah 2007

<sup>7</sup> Pamflet Unit Penapisan Dan Kawalan Terbitan-Terbitan, Pusat Dakwah Islamiah 2009

<sup>8</sup> 'Akta' ialah undang-undang yang telah dimuatkan dalam kumpulan undang-undang yang dikenali sebagai Laws Of Brunei dengan diberi nombor sirinya bagi setiap penggal sementara 'Perintah' ialah undang-undang yang belum dimuatkan dalam Laws Of Brunei.

<sup>9</sup> Pendakwaan bagi Kesalahan-kesalahan dalam Akta Daging Halal Penggal 183 dan Akta Terbitan-terbitan Yang Tidak Diingini Penggal 25 diletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Sivil, penguatkuasaan mengenai bahan terbitan dan pemakanan halal tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Syarie di bawah kawalan Unit Perundangan Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Mahkamah Syariah di bawah pentadbiran Jabatan Kehakiman Negara.<sup>10</sup>

Di samping itu, terdapat agensi-agensi kerajaan yang lain juga, turut sama membantu menjayakan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah mengikut takat dan bidangkuasa masing-masing. Agensi-agensi kerajaan itu seperti Pasukan Polis Di-Raja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Bandaran dan Kementerian Kesihatan (menyediakan kemudahan makmal saintifik). Begitu juga peranan yang telah dimainkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai agensi yang berfungsi menyusun dasar pentadbiran negara contohnya tentang isu penjualan arak di Brunei. Pada tahun 1987, JPM telah mengeluarkan Surat Keliling larangan pengimportan minuman keras dan larangan penjualannya di dalam negeri.<sup>11</sup> Tindakan pengharaman oleh kerajaan ini meninggalkan kesan positif dari segi penguatkuasaan jenayah kerana ia secara tidak langsung dapat mengawal berlakunya perlakuan maksiat dan perkara-perkara negatif yang lain seperti penyakit-penyakit sosial dan keruntuhan institusi keluarga.

## **1.1 PERMASALAHAN KAJIAN**

Penguatkuasaan undang-undang Islam di Brunei kembali berfungsi sekitar tahun 1960 an setelah sekian lama tidak di beri perhatian di bawah pentadbiran Residen Inggeris (1906-1959). Sehingga ke hari ini, peranan dan tanggungjawab ini masih diteruskan oleh Bahagian penguatkuasa agama (BPA) di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES). Pada hari ini juga kita melihat kewujudan agensi penguatkuasa agama ini sudah

---

<sup>10</sup> Awg Salim Hj Besar ( Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Hj), (2005), *Perkembangan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah Di Brunei Sejak Tahun 1955 hingga Sekarang* dalam *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah* . Bandar Seri Begawan : Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri. ms 138

<sup>11</sup> Bagaimanapun pengecualian kemasukannya diberikan secara terhad kepada orang bukan Islam, tidak melebihi 12 tin sahaja bagi keperluan persendirian dan upacara atau majlis keagamaan mereka.

menjangkau ke usia 50 tahun. Berdasarkan faktor usia ini, sudah tentu banyak pengalaman yang ditimba dalam jangka masa tersebut. Ironinya, penguatkuasa agama masih lagi dikatakan lemah. Seringkali juga kedengaran kritikan dan sindiran pihak-pihak tertentu terhadap tindakan yang dijalankan oleh penguatkuasa agama. Jika timbul isu-isu seperti tidak membuat tangkapan orang yang disyaki, tidak melakukan siasatan terhadap perkara yang diadukan, berkelakuan kasar dan tidak beretika semasa menjalankan serbuan, siasatan tidak mengikut prosedur yang betul dan proses penyelesaian satu-satu kes mengambil masa bertahun-tahun. Ini adalah di antara contoh respons dari pelbagai pihak, secara ringkas boleh kita senarai pendekkan kepada beberapa permasalahan berikut iaitu:

1. Kelemahan penguatkuasa agama mengendalikan kes-kes jenayah syariah.
2. Penguatkuasaan yang tidak berkesan
3. Kelambatan pengendalian kes.

Mahkamah Syariah juga mengambil perhatian tentang perjalanan penguatkuasaan. Perkara ini pernah ditimbulkan dalam satu kes perbicaraan di Mahkamah Rendah Syariah,<sup>12</sup> hakim syarie dalam kes ini memberi ulasan mengenai beberapa kelemahan penguatkuasa dari pengetahuan, kecekapan dan kemahiran dalam membuat siasatan. Persoalannya di sini, sejauhmanakah kelemahan itu wujud seperti yang didakwa oleh pandangan umum (*public opinion*) dan pengamal undang-undang di atas. Apakah faktor yang menyebabkan kelemahan ini dan apakah cara terbaik untuk menyelesaikan isu dan permasalahan penguatkuasaan. Setakat ini tidak ada jawapan yang lebih terperinci menjelaskan persoalan ini. Ketiadaan bahan terbitan yang membincangkan isu-isu penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei, mendorong penulis mengkaji perkara ini.

---

<sup>12</sup> Kes Jenayah Bil : *Pendakwa Syarie Lawan Mohd Vaedmarny Elleys dan Hajah Sofinaz Hj Abd Majid* (MRHS/J/BM: 83/2005)

Turut menjadi perhatian penulis, peristiwa yang berlaku pada tahun 2000 dengan penaiktarafan struktur dan fungsi mahkamah syariah dari segi kuasa, logistik dan lain-lain kemudahan. Perubahan ini seiring dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah Penggal 123. Perkembangan ini mencetuskan persoalan penulis: Apakah tidak wajar berlaku perubahan yang sama di peringkat akar umbi (penguatkuasa agama). Apa yang jelas, terdapat perkaitan yang rapat di antara peranan penguatkuasa, pendakwa dan hakim. Mengulas mengenai perkara ini Prof Dr Mahmud Saedon berpendapat faktor kejayaan mahkamah untuk memutuskan sesuatu kes bergantung kepada kejayaan pihak pendakwa mengemukakan fakta, maklumat dan bahan bukti. Kejayaan ini menurutnya lagi tidak akan terlaksana jika bahan bukti tidak disempurnakan dengan baik oleh pegawai penguatkuasa.<sup>13</sup> Sehubungan dengan itu, penulis cuba mengupas isu dan permasalahan mengenai perkara ini untuk memperjelaskan kedudukan penguatkuasaan jenayah Islam. Usaha ini juga tidak secara langsung boleh dimanfaatkan untuk penambahbaikan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan-permasalahan kajian di para 1.1 di atas, beberapa persoalan berikut diberi penekanan dalam kajian ini iaitu:

1. sejauhmanakah kelemahan-kelemahan penguatkuasaan jenayah Islam masa kini di Brunei itu wujud dan bagaimana cara mengatasinya,
2. apakah halangan-halangan yang menyebabkan sesuatu kesalahan tidak dikuatkuasakan

---

<sup>13</sup> Mahmud Saedon Prof Dr. (2002) "*Kearah Perlaksanaan Undang-undang Di Negara Brunei Darussalam*" dalam JUUSBDB Bandar Seri Begawan: DBP ,Jil 2 Bil 2 , ms 96-97

3. Apakah cadangan penambahbaikan ke arah memperkasakan agensi penguatkuasa agama di Brunei.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian dalam penulisan ini tertumpu kepada beberapa perkara berikut iaitu untuk:

1. mengkaji konsep penguatkuasaan jenayah dalam Islam.
2. menilai perkembangan penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei Darussalam dahulu dan masa kini.
3. menilai sejauhmanakah kelemahan penguatkuasa agama dalam menjalankan tugas
4. mengenal pasti isu-isu, masalah-masalah dan halangan-halangan yang dihadapi dalam usaha penguatkuasaan undang-undang
5. mencadangkan penyelesaian terhadap masalah-masalah dan isu-isu yang timbul

### **1.4 SKOP KAJIAN**

Kajian ini tertumpu kepada permasalahan-permasalahan berkaitan penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam (syariah) yang diberi kuasa kepada agensi penguatkuasa agama di JHES Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Brunei dalam tempoh tiga tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2007 hingga 2009. Tempoh tersebut dibuat kerana data-data yang diperolehi dalam masa tiga tahun kebelakangan masih relevan untuk dijadikan bahan kajian. Perbincangan tertumpu kepada penguatkuasaan kesalahan jenayah Islam dan prosedur yang dijalankan oleh penguatkuasa agama. Bermula dari menerima aduan, proses tangkapan, menyiasat, membuka kertas siasatan (IP) dan penyerahan kes ke Bahagian Pendakwaan. Terdapat empat kategori kesalahan-

kesalahan itu, pertama akidah seperti ajaran sesat dan mengajar tanpa tauliah, kedua: moral seperti khalwat dan persetubuhan haram, ketiga: kesalahan-kesalahan matrimonial seperti *talaq* di luar mahkamah dan keempat kesalahan-kesalahan umum seperti makan di khalayak ramai di bulan Ramadan, meminum minuman keras dan lain-lain. Kesemua kesalahan ini terkandung di bawah Akta P77 dan Perintah Undang-undang Keluarga Islam 1999.<sup>14</sup>

## 1.5 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kualitatif yang memerlukan data-data yang khusus bagi memperjelaskan masalah dan persoalan pokok iaitu untuk menjelaskan persoalan apa, mengapa dan bagaimana. Untuk itu penulis melakukan kajian lapangan dan kajian perpustakaan bagi mendapatkan bahan-bahan yang perlu seperti penjelasan berikut:

### 1. kajian lapangan:

Metode ini merupakan metode utama dalam kajian ini. Lokasi kajian dilakukan di Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) dalam masa enam bulan. JHES adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan beribu pejabat di Bangunan Madrasah di Bandar Seri Begawan. Ia mempunyai tiga agensi penguatkuasa di bawahnya iaitu:

- i. Bahagian Penguatkuasa Agama (BPA): ditempatkan di Bangunan Baitul Mal Jalan Kota Batu lebih kurang 5 kilometer dari Bandar Seri Begawan (BSB). Bahagian ini mengendalikan kes-kes moral, maksiat, kesalahan matrimonial dan

---

<sup>14</sup> Kesalahan berhubung dengan pemakanan orang Islam dan kesalahan-kesalahan mengenai bahan terbitan di bawah Akta Daging Halal, Perintah Sijil Halal dan Akta Bahan Terbitan Yang Tidak Diingini tidak akan disentuh kecuali diperlukan untuk menjelaskan masalah tertentu.



kesalahan umum. Cawangan Bahagian ini ada di tiga daerah iaitu Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

- ii. Bahagian Kawalan Akidah ditempatkan di Ibu Pejabat Bangunan Madrasah BSB mengendalikan hanya kes-kes akidah dan ajaran salah.<sup>15</sup>

Tumpuan kajian banyak tertumpu di BPA. Jumlah anggota BPA seramai 59 orang di seluruh negara iaitu 42 orang di BSB, Belait 5 orang, Tutong 7 orang dan Temburong 5 orang.<sup>16</sup> Kepentingan kajian lapangan ini dibuat, disebabkan perkara-perkara berikut, antaranya ialah untuk:

- i. mendapatkan bahan maklumat tentang undang-undang, peraturan dan prosedur yang digunakan
- ii. Meninjau proses kerja BPA secara langsung dan pentadbiran BPA dari segi organisasi, peruntukan perbelanjaan siasatan, pembahagian tugas, skim perkhidmatan, pengurusan fail-fail siasatan dan pengendalian barang-barang kes.
- iii. Meninjau kekuatan dan kelemahan penguatkuasa agama, masalah dan isu-isu yang dihadapi

Untuk mendapatkan data-data mengenai perkara di atas, beberapa kaedah pengumpulan data digunakan iaitu:

- a. Temubual secara berstruktur<sup>17</sup> dan tidak berstruktur. Responden bagi temubual melibatkan Ketua Penguatkuasa Agama, ketua Merinyu (penguatkuasa) dan beberapa pegawai penyiasat. Temubual ini bertujuan untuk mengetahui isu-isu, masalah dan halangan penguatkuasa agama. Individu-individu yang berkaitan di jabatan-jabatan lain juga turut ditemubual seperti bekas Ketua Pendakwaan Dan Penyiasatan, Hakim Syarie,

---

<sup>15</sup> Bahagian Kawalan makanan halal juga di ibu pejabat Bangunan Madrasah mengendalikan perkara-perkara hal ehwal makanan halal (Tidak termasuk dalam kajian ini, disebutkan kerana untuk menerangkan struktur bahagian di bawah JHES)

<sup>16</sup> Sumber BPA 2008

<sup>17</sup> Lampiran A : Contoh soalan temu bual berstruktur

pendakwa syarie, peguam syarie, pegawai penggubal di Unit Perundangan Islam dan Pegawai penyiasat Polis. Untuk tujuan itu, alat perakam suara mengikut format digital bagi memudahkan memasukkan hasil rakaman ke komputer. Bagi temubual secara berstruktur, satu set soalan terbuka disediakan. Soalan-soalan temubual berstruktur di susun berdasarkan objektif kajian. Manakala soalan yang tidak berstruktur bergantung kepada idea-idea semasa dan bersifat spontan.

b. Observasi: Teknik ini bertujuan untuk menghasilkan deskripsi terperinci tentang bagaimana PPA menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Melalui cara ini, satu pemahaman secara mendalam dapat dibuat. Data-data yang terkumpul dapat di yakini kerana subjek kajian (PPA) disaksikan sendiri oleh penulis tanpa perantaraan. Langkah-langkah dalam observasi ini ialah pertama mengenal-pasti pembolehubah kajian iaitu ciri, nilai atau aspek yang menjadi fokus pemerhatian berdasarkan pengetahuan yang sedia ada atau teori-teori penguatkuasaan. Pemerhatian ditumpukan kepada aplikasi peraturan dan prosedur penguatkuasaan dan masalah-masalah yang timbul semasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Kekuatan dan kelemahan penguatkuasaan di direkod dan diukur dari segi kelancaran operasi, kepimpinan, kepatuhan kepada prosedur yang lazim digunakan seperti tatacara perisikan, laporan FIR, permohonan waran, serbuan, tangkapan dan siasatan. Untuk tujuan itu, disediakan satu kamera digital untuk merakam kegiatan-kegiatan yang mereka jalankan.

c. Penelitian fail-fail kes di Bahagian Penguatkuasaan Agama: cara ini bertujuan melihat bagaimana susunan dan kandungan yang dokumen yang diperlukan untuk melengkapkan kertas siasatan. Penelitian fail-fail kes itu dibuat untuk memperolehi maklumat keseluruhan satu-satu kes antaranya dari segi fakta kes, jenis kesalahan dalam statut, prosedur siasatan yang digunakan dan ekshibit yang dilampirkan berdasarkan

kehendak undang-undang keterangan. Melalui kaedah penelitian ini juga dapat menilai kecekapan PPA dalam menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan. Begitu juga melalui kaedah penelitian fail ini dapat mengesan masalah-masalah penguatkuasaan terutama fail-fail yang ditutup disebabkan terdapatnya kes-kes yang tidak menepati elemen kesalahan dan bukti yang tidak cukup untuk dilanjutkan ke Bahagian Pendakwaan.

## 2. Kajian kepustakaan

Metode ini digunakan untuk memperolehi apa juga bahan-bahan dan maklumat yang bersesuaian dan mengikut keperluan kajian sebagai contoh bahan-bahan sejarah bagi menjelaskan latarbelakang sejarah penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei dan bahan-bahan berkaitan dengan permasalahan diberi tema bagi menjelaskan persoalan kajian tertentu. Bahan-bahan yang diperolehi mempunyai pelbagai bentuk seperti statut, penghakiman kes-kes syariah,<sup>18</sup> buku, jurnal, artikel, kertas-kerja, manuskrip, surat, memorandum, rekod, penyata, surat-khabar dan laman-laman web agensi-agensi penguatkuasa serta maklumat mengenai agensi-agensi penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Brunei, Jabatan kastam Dan Eksais Diraja dan lain-lain seperti data-data statistik, pamflet<sup>19</sup> dan laporan-laporan.

## 3. Metode analisis data

Selepas proses pengumpulan data yang berkaitan dengan persoalan kajian, menerusi beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai seperti temubual, pemerhatian, dapatan dari fail-fail kes, memorandum, minit mesyuarat dan lain-lain, proses seterusnya ialah menganalisis data-data yang terkumpul bagi menjelaskan makna dan petunjuk dari

---

<sup>18</sup> Kes-kes di Mahkamah Syariah Brunei tidak disenaraikan dalam rekod dalam bentuk jurnal seperti MLJ, CLJ dan lain-lain. Kes-kes hanya diperolehi langsung daripada Mahkamah.

<sup>19</sup> Pamflet (pamflét) risalah, Kamus Dewan Edisi Keempat, E-Kamus 5.02 Profesional Edition (Perisian Komputer)

data-data itu. Oleh kerana kajian ini bersifat kualitatif, gabungan beberapa teknik yang difikirkan sesuai digunakan untuk menganalisis data-data yang terkumpul iaitu:

Pertama: menggunakan analisis historis sebagai metode dalam menjelaskan fakta-fakta sejarah dan kaitannya dengan penguatkuasaan pada masa kini contohnya disebutkan pada bab kedua sejarah penguatkuasaan jenayah Islam mengikut urutan zaman yang dapat memberikan ciri-ciri unik dalam setiap tempoh masa yang tertentu.

Kedua: mengkategorikan data-data mengikut pemboleh ubah yang tertentu sebagai contoh mengkategorikan kelemahan penguatkuasaan kepada tiga kategori iaitu undang-undang, pentadbiran dan individu (penguatkuasa). Apabila proses pembahagian kategori ini telah dilakukan, isu, corak, pola dan fenomena data dapat dikenal pasti dan selanjutnya lebih memudahkan lagi tafsiran kepada data.

Ketiga: menganalisis dengan cara melakukan perbandingan sama ada perbezaan dan persamaan antara dua fakta contohnya penggunaan gari oleh PPA adakah sama kuasanya dengan pegawai polis. Tujuannya ialah sejauhmana keluasan kuasa yang ada pada PPA atau ada kaitannya dengan tahap perbezaan kesalahan syariah dan sivil.

Keempat: kaedah Induktif iaitu proses pemahaman masalah kajian yang dilakukan secara generatif hasil dari usaha yang berterusan untuk menjelaskan permasalahan kajian sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Ahmad ‘Azam Mohd Shariff<sup>20</sup> setelah mengkaji beberapa faktor penyebab kelemahan penguatkuasa agama, beliau mendapati program yang diatur banyak berbentuk teori dan kurang menekankan soal praktikal.

---

<sup>20</sup> Ahmad ‘Azam Mohd Shariff (2007), Penguatkuasaan Nilai Moral melalui undang-undang di Malaysia : Analisis ke atas akta kesalahan jenayah syariah (Wilayah-wilayah persekutuan) 1997 dan Akta Prosedur jenayah syariah (wilayah-wilayah persekutuan) 1997 dalam “Jurnal undang-undang Dan Masyarakat” Fakulti Undang-Undang UKM : Selangor, Jil 11 , ms 30

Kelima: kaedah deduktif ialah data proses pemahaman dengan menggunakan teori yang sedia ada untuk menilai amalan yang berlaku contohnya teori kekaburan peruntukan undang-undang boleh membawa kepincangan penguatkuasaan digunakan untuk menilai amalan yang dipraktikkan di Brunei.

## 1.6 ULASAN KAJIAN LEPAS

Perbincangan mengenai dengan penguatkuasaan jenayah Islam di peringkat pra bicara (tidak termasuk di peringkat pendakwaan) adalah satu aspek yang penting dalam pelaksanaan sistem keadilan jenayah Islam. Kekuatan dan kelemahan penguatkuasaan bergantung kepada sejauhmana usaha penguatkuasaan itu dibuat. Aspek yang lazimnya diberi penekanan oleh penulis-penulis tentang penguatkuasaan berkaitan dengan undang-undang dan penerangan peruntukannya, kelemahan penguatkuasa dan beberapa persoalan yang memberi kesan kepada ketidakseimbangan penguatkuasaan undang-undang.

Berdasarkan tinjauan penulis berhubung dengan penguatkuasaan jenayah Islam dan isu-isu yang dihadapi, tidak diberi perhatian oleh penulis-penulis di Brunei. Setakat ini tidak ada penulisan khusus membincangkan perkara ini di Brunei. Kebanyakan penulis lebih tertumpu kepada sejarah kehakiman dan prosiding jenayah di dalam perbicaraan (*trial*) di Mahkamah Syariah.<sup>21</sup> Walaubagaimanapun terdapat beberapa penulisan

---

<sup>21</sup> Mahmud Saedon (Prof Dr.), (2001), “Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 Dan Hubungannya dengan penubuhan Mahkamah Syariah “ dalam Jurnal Undang-Undang Syariah Di Brunei Darussalam (JUUSBD), Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) . Jil 1 Bil 1 ms 2-22, Mahmud Saedon Prof Dr. (2002) “Kearah Perlaksanaan Undang-undang Di Negara Brunei Darussalam” dalam JUUSBD Bandar Seri Begawan: DBP ,Jil 2 Bil 2 ms 1-18, Salim Awg Besar (2002) “Undang-Undang Pentadbiran Islam Dan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam” dalam Abdul Monir

mengenai pelaksanaan beberapa kesalahan jenayah Islam seperti khalwat dan persetubuhan haram di peringkat perbicaraan di Mahkamah Syariah, akan tetapi masih tidak menyentuh tentang penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di peringkat pra bicara seperti yang dimaksudkan dalam kajian ini.<sup>22</sup>

Di peringkat serantau, contohnya di Malaysia, perbincangan seperti itu (penguatkuasaan) sering disentuh oleh penulis-penulis. Beberapa pendekatan yang digunakan oleh penulis-penulis dalam bentuk teoritikal, perbandingan undang-undang sivil dan syariah dan perbincangan mengenai isu-isu penguatkuasaan. Kajian-kajian di Malaysia adalah relevan dibuat rujukan disebabkan oleh faktor sejarah, persekitaran dan perundangan yang berkait rapat.

Di Malaysia, pendekatan yang paling banyak disentuh oleh penulis-penulis ialah tentang konsep penguatkuasaan jenayah di dalam Islam. Ia merupakan metode asas bagi kebanyakan penulis sebelum menjelaskan perbincangan mereka lebih lanjut. Bentuk tulisan mereka dipersembahkan secara deskriptif dengan memberi penjelasan dari perspektif hukum syarak iaitu dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang terdapat di dalam al-Quran, hadis dan pandangan fuqaha.

---

Yaacob (Peny) *"Pembangunan Undang-undang di Rantau Asean,"* Kuala Lumpur : IKIM ms 97-132, Hamid Bin Bakal (2005), "Perkembangan undang-undang Ugama sejak tahun 2004" dalam "Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam"(SPMSNBD) Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri ms 103-120, Salim Besar (2005) "Perkembangan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah di Brunei sejak tahun 1955 hingga sekarang" dalam SPMSNBD ms 138-150, Siti Zaliha Salim (1992) , "Sistem Kehakiman Brunei Dan Perbandingannya dengan sistem Kehakiman Islam" , MA Tesis , Bangi:UKM, Sarbini Md Tahir (2001) bertajuk Persetubuhan Haram Di Bawah Akta Mahkamah Kadi Di Brunei dalam JUUSBDBil 1 Bil 1 ms 91-100, juga Sarbini Md Tahir Khalwat (2002) Di Bawah Akta Mahkamah Kadi dalam JUUSBDBil 2 Bil 2 ms 44-70, Hj Sawas Hj Jebat ( 2002 ) "Prosedur Perbicaraan Di Mahkamah Kadi " dalam JUUSBDBandar Seri Begawan: DBP, Jil 2 Bil 2 ,ms 35-42, Nik Rahim Nik Wajis (Dr) (2002) , Pembuktian Kes Melalui Qarinah Perbandingan Di antara Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Syariah Di Negara Brunei Darussalam , dalam JUUSBDBil 2 bil 2, Hj Sawas Hj Jebat (2002) "Pembuktian Kesalahan Zina Menurut Islam Dan Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77" dalam JUUSBDBandar Seri Begawan: DBP Jil 2 bil ms 60

<sup>22</sup> *Persetubuhan Haram Di Bawah Akta Mahkamah Kadi Di Brunei* oleh Sarbini Md.Tahir Jil 1 Bil 1 Hlm 91-100, *Khalwat Di Bawah Akta Mahkamah Kadi* oleh Sarbini Md. Tahir Ibid jil 2 bil 2 Hlm 44-70

Abdullah Abu Bakar misalnya membuat pendekatan pandangan dari perspektif hukum syarak mengenai proses pra bicara seperti kesahan aduan, kedudukan pihak orang yang enggan hadir ke mahkamah dan beberapa hak tertuduh dengan merujuk kepada kes-kes yang berlaku pada zaman Nabi. Beliau merumuskan dengan merujuk kitab-kitab klasik menunjukkan konsep penguatkuasaan itu berpaksikan landasan atau prinsip “amar makruf nahi munkar”.<sup>23</sup>

Dr Zainal Azam Abd Rahman<sup>24</sup> juga mempunyai pendekatan yang sama dalam hal ini, dengan meletakkan prinsip hukum syarak sebagai cara yang perlu diterapkan dalam proses penguatkuasaan contohnya cara menerima aduan, intipan dan penyiasatan.

Begitu juga pendekatan yang ditulis oleh Daud Muhammad<sup>25</sup> memberi penjelasan tentang pemakaian prinsip hukum syarak untuk membina identiti penguatkuasaan jenayah syariah contohnya beliau meletakkan satu panduan penguatkuasaan supaya mengambil langkah berhati-hati dalam proses penyiasatan di mana beliau menggariskan standard tahap penyiasatan hendaklah sampai kepada tahap penuh yakin dan tidak ada sebarang keraguan dan kesamaran.

Artikel yang dibuat oleh Shamrahayu A.Aziz juga dengan pendekatan yang sama berjaya memberi kupasan yang meyakinkan.<sup>26</sup> Usaha beliau ini, nampaknya cuba

---

<sup>23</sup> Abdullah bin Abu Bakar (1990) “Proses Prabicara Mengikut Undang-Undang Islam” dalam Prof Ahmad Ibrahim dll, “*Al-Ahkam: Undang-Undang Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, Jil 2 Bhg II ms 97

<sup>24</sup> Zainal Azam Abd Rahman "Acara Jenayah Dan Keperluan pembuktian: satu tinjauan ringkas mengenai beberapa isu berkaitan dari perspektif syariah dan fikah" dalam Abdul Monir Yaacob, Siti Shamsiah Md.Supi (2003)"*Pendakwaan Dan Penyiasatan konsep Dan Amalan*" Kuala Lumpur :IKIM, ms 133

<sup>25</sup> Daud Muhammad (2003), Konsep Penyiasatan Di Dalam Islam' dalam Abdul Monir Yaacob, Siti Shamsiah Md.Supi (2003)"*Pendakwaan Dan Penyiasatan konsep Dan Amalan*" Kuala Lumpur :IKIM, ms 83

<sup>26</sup> Shamrahayu A.Aziz (2008), “Penguatkuasaan Jenayah Syariah Dalam Konteks Perundangan” dalam *Seminar Isu-Isu Mahkamah Ke 10 Peringkat Kebangsaan*, Anjuran Jabatan Undang-undang Islam Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim & JKSM, bertempat Mahkamah Mut Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, 12 & 13 November 2008, ms.5

menonjolkan ciri-ciri unik penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah, bagaimanapun dengan nada yang terbuka menerima konsep asing berdasarkan prinsip *siasah syariah*. Mengulas lebih lanjut lagi mengenai perkara ini Tan Sri Dato' Syed Agil Barabakh berpendapat, secara positifnya, menyatakan kedua-dua prinsip acara syariah dan sivil lebih banyak persamaan kerana keduanya berpunca dari agama *samawi*.<sup>27</sup> Oleh kerana banyaknya persamaan itu konsep penguatkuasaan jenayah Islam itu masih lagi terbuka. Sementara Prof Dr Mahmud Saedon menerima pada dasarnya suatu sistem asing dengan meletakkan satu syarat iaitu selagi tidak menjejaskan konsep dan prinsip yang digariskan oleh syarak, beliau mengatakan "*However, they are not contrary to Islam and are therefore applicable in Syariah Courts to facilitate and update the administration of Muslim Law. Furthermore, any principle which is not contrary to Islam is considered as Islamic*"<sup>28</sup>

Kajian-kajian di atas lebih berbentuk teoritikal, ia banyak disentuh oleh penulis-penulis awal semasa ketiadaan undang-undang prosedur yang komprehensif di Malaysia sekitar tahun 80 an. Isu-isu perbincangan mengenai teori ini boleh dimanfaatkan di Brunei kerana ia adalah perkara asas memahami konsep penguatkuasaan jenayah syariah.

Satu lagi bentuk dan pendekatan penulis-penulis yang terdiri ahli-ahli akademik dan pengamal undang-undang, selain daripada pendekatan yang dibuat oleh penulis-penulis di atas, ialah memberi penekanan kepada isu dan permasalahan penguatkuasaan dari pelbagai sudut seperti kelemahan perundangan, pengurusan pentadbiran dan latihan kemahiran bagi penguatkuasa agama.

---

<sup>27</sup> Syed Agil Barabakh (Tan Sri Dato'), Pendekatan Dan Perbandingan dalam Undang-undang prosedur jenayah dalam Abdul Monir Yaacob (peny) (1995) "*Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah*" ms 99

<sup>28</sup> IIU Law Journal, Vol 2, 1992, ms 28



Prof Ahmad Ibrahim<sup>29</sup> misalnya pernah menimbulkan isu status pegawai-pegawai syariah termasuk penguatkuasa agama. Beliau mencadangkan perlu diwujudkan keperluan seperti penambahan staf, peningkatan kemahiran dengan latihan profesional jangka pendek dan panjang di samping memperkemaskan undang-undang. Tulisan beliau ini walaupun nampak ringkas tetapi difahami secara tersirat mengetengahkan beberapa isu yang berkaitan iaitu dari segi perundangan, sumber manusia dan perancangan latihan.

Hj Rahimin Bani pula menjelaskan beberapa halangan penguatkuasaan jenayah syariah yang timbul dari masalah menguatkuasakan beberapa peruntukan dalam Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Melaka 1986 (EPJS). Hasil analisa beliau, mendapati masih ada peruntukan yang sukar dilaksanakan seperti mereman OYDS kerana ada anggapan menyatakan pesalah syariah bukan dikategorikan sebagai jenayah dan tidak boleh ditahan di lokap<sup>30</sup> Penjelasan beliau ini tinggi nilainya kerana beliau adalah terlibat secara langsung dalam hal penguatkuasaan. Penjelasan beliau menunjukkan realiti sebenar senario penguatkuasaan jenayah syariah.

Seterusnya, Abd Halim Aman lebih menumpukan perbincangan mengenai isu undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982. Hasil kajian beliau mendapati beberapa kelemahan dalam enakmen tersebut antaranya ketiadaan peruntukkan yang memberikan kuasa kepada PPA menghendaki kehadiran saksi untuk memberi keterangan mengenai sesuatu kes.

---

<sup>29</sup> Prof Ahmad Ibrahim (1997), "Peranan Dan Masa Hadapan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia" dalam Jurnal Hukum JLD XI BHG 1, Kuala Lumpur: JAKIM, ms 19-20

<sup>30</sup> Rahimin Bani, "Proses Tangkapan bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah", dalam Abdul Monir Yaacob, Siti Shamsiah Md.Supi (2003) "Pendakwaan Dan Penyiasatan konsep Dan Amalan" Kuala Lumpur: IKIM, ms 157

Perbincangan yang sama juga di tulis oleh Zulfikri Yaso, <sup>31</sup> dalam disertasi sarjana beliau membincangkan tentang prosedur jenayah syariah Wilayah Persekutuan dan mengenal pasti masalah penguatkuasaan. Pendekatan yang dibuat oleh beliau ialah dengan menganalisis beberapa masalah dalam APJS Wilayah Persekutuan dengan cara membincangkan satu-satu tajuk dengan diselitkan isu-isu yang berkaitan dengannya. Kaedah temubual dan pemerhatian dijadikan metode utama dalam menghuraikan sebarang persoalan dan disokong dengan kes-kes yang berkaitan. Pelbagai aspek menjadi perhatian beliau tentang penguatkuasaan antaranya isu-isu berkaitan dengan undang-undang seperti kelemahan statut, Isu-isu teknikal seperti penggunaan gari, masalah penguatkuasaan seperti kekurangan penguatkuasa dan kurang terlatih.

Dr Hj Hassan Ab. Rahman<sup>32</sup> juga dengan pendekatan yang sama, mengupas beberapa persoalan penguatkuasaan. Antaranya beliau mengkritik pandangan umum yang mengatakan PPA mempunyai kuasa yang terhad dalam membuat siasatan jenayah. Menurut beliau persoalan kekurangan kuasa ini sudah berlalu apabila satu demi satu negeri memansuhkan peruntukan yang ringkas mengenai prosedur jenayah dalam Akta Pentadbiran Agama Islam. Isu sebenarnya menurut beliau bukan kerendahan taraf tetapi bagaimana melaksanakan kuasa tersebut secara profesional dan berkesan supaya imej PPA dapat dipertingkatkan. Beliau seterusnya mengakui masih terdapat kelemahan penguatkuasaan yang perlu diperbaiki. Beliau lebih cenderung mengaitkan permasalahan penguatkuasaan dengan tiga unsur yang utama iaitu pengurusan yang cekap, penguatkuasa yang berkualiti dan peralatan yang mencukupi.

---

<sup>31</sup> Zulfikri Yaso (2006), *Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah : Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Disertasi, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. ms 32-130

<sup>32</sup> Dr Hj Hassan Bin Ab. Rahman (2007), "Kearah penaiktarafan kuasa-kuasa penguatkuasa agama" dalam *"Amalan Kehakiman Dan Guaman Syarie Di Malaysia"* Bandar Baru Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia. ms 51

Siti Zubaidah Ismail <sup>33</sup> juga, memberi perhatian dalam isu ini dengan mengambil pendekatan dari sudut undang-undang. Beliau lebih cenderung menggunakan kaedah analitikal terhadap kelemahan yang wujud dalam peruntukan undang-undang jenayah di negeri-negeri dari segi keberkesanan sesuatu peruntukan tersebut. Tulisan beliau ini juga menunjukkan langkah mengenal pasti masalah menjadi kaedah permulaan menilai kembali peruntukan undang-undang yang ada. Alat pengukur yang digunakan ialah sejauhmanakah kerelevanan sesuatu peruntukan yang sedia ada dan boleh dikuatkuasakan (enforceable) ke arah mengolah dan menambah-baik undang-undang jenayah di Malaysia.

Berkaitan dengan itu, iaitu dalam hal penambah-baik penguatkuasaan agama juga pernah disentuh oleh Ahmad ‘Azam Mohd Shariff <sup>34</sup> dengan tegasnya beliau memberi komentar tentang isu kekurangan latihan bagi PPA. Beliau menegaskan terdapat banyak peningkatan yang ditunjukkan oleh PPA di seluruh negara pada masa sekarang setelah kursus dan seminar banyak dianjurkan, dengan kritisnya beliau menyatakan kelemahan yang masih wujud di kalangan PPA disebabkan program dan kursus yang diadakan itu tertumpu kepada aspek teori sahaja dan kurang memberi penekanan ke atas aspek praktikal. Beliau nampaknya menolak saranan setengah pihak supaya tugas penguatkuasa agama seperti tangkapan diserahkan kepada polis kerana langkah ini adalah kurang bijak memandangkan hal ini bersifat penyelesaian jangka pendek. Saranan itu baginya tidak akan membantu PPA meningkatkan profesionalisme sedangkan tahap itu boleh dicapai secara berterusan dan boleh dipertingkatkan.

---

<sup>33</sup> Siti Zubaidah Ismail (2008) “Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah” dalam *Seminar Semakan Semula Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran* Anjuran IKIM Bertempat Dewan Besar IKIM pada 1 Apr 2008

<sup>34</sup> Ahmad ‘Azam Mohd Shariff (2007), Penguatkuasaan Nilai Moral melalui undang-undang di Malaysia : Analisis ke atas akta kesalahan jenayah syariah (Wilayah-wilayah persekutuan) 1997 dan Akta Prosedur jenayah syariah (wilayah-wilayah persekutuan) 1997 dalam “Jurnal undang-undang Dan Masyarakat” Fakulti Undang-Undang UKM : Selangor, Jil 11 m.s 30

Pendekatan yang dibuat oleh beliau ini sebagai satu penilaian kembali langkah-langkah memperkasa penguatkuasa agama secara lebih sistematik dan berkesan.

Keberkesanan penguatkuasaan juga bergantung kepada faktor persekitaran seperti keadaan politik dan juga komitmen kerajaan, faktor itu boleh mencipta persekitaran penguatkuasaan yang lebih berkesan. Itu adalah antara pendapat yang diutarakan oleh Aziz Bari<sup>35</sup> ketika membincangkan isu penguatkuasaan dari aspek perlembagaan.

Kenyataan itu, diperincikan lagi oleh Zainul Rijal Abu Bakar<sup>36</sup> ketika membincangkan langkah-langkah penambahbaikan penguatkuasaan. Beliau berpendapat ia boleh dipertingkatkan dengan sokongan kerajaan untuk menambah lantikan termasuklah pegawai terlatih dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Di samping itu usaha kesedaran kepada masyarakat perlu dipergiatkan.

Daripada ulasan daripada kajian-kajian lepas di atas, yang terdiri dari ahli-ahli akademik dan pihak-pihak yang secara langsung dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah, menunjukkan pentingnya peranan dan tugas penguatkuasaan. Aspek yang paling banyak ditekankan oleh penulis ialah dari aspek undang-undang prosedur kerana ia adalah faktor utama menentukan keberkesanan undang-undang. Kajian-kajian berbentuk teoritikal setelah wujudnya undang-undang prosedur di negeri-negeri kurang ditekankan kerana teori-teori tersebut telah diadunkan dalam statut yang ada. Ini tidak bererti kajian itu tidak disentuh lagi, hanya penulis berpendapat kajian-kajian mengenai isu penguatkuasaan dari aspek permasalahan, halangan-halangan dan kelemahan penguatkuasaan mengambil alih trend penulis dalam membincangkan isu dan masalah

---

<sup>35</sup> Abdul Aziz Bari (2009), "Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia : Satu Perspektif Perlembagaan" dalam Mohd Hisyam Mohd Kamal (peny) *Isu-Isu Kebebasan Beragama & Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, Kuala Lumpur: Jabatan Undang-undang Islam UIAM, ms 105

<sup>36</sup> Zainul Rijal Abu Bakar (2008), "Bantu Penguatkuasa Kesalahan Khalwat" dalam *Isu-Isu Syariah Di Malaysia Kearah Meletakkan Hak Kepada Yang Berhak*, Kuala Lumpur: UITM, ms 115

penguatkuasaan. Berdasarkan kaedah-kaedah temubual, pemerhatian, analogi, perbandingan dan mengenal pasti masalah adalah metode yang seringkali digunakan dalam kajian-kajian mereka. Sementara untuk menguji menilai kekuatan penguatkuasaan diukur dari sudut keberkesanan, kerelevanan, praktikal dan keteraturan sesuatu tindakan penguatkuasaan. Hasil daripada kajian lepas ini boleh digunakan untuk mengenal pasti isu dan permasalahan penguatkuasaan di Brunei dari segi persamaan dan perbezaannya. Begitu juga dalam menimbangkan metode kajian yang bersesuaian.

**BAB II**  
**SEJARAH PENGUATKUASAAN JENAYAH ISLAM DI NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM**

**2.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan tentang sejarah penguatkuasaan jenayah di Brunei. Tujuan utama bab ini dibincangkan ialah untuk memahami keadaan, bentuk dan sistem terdahulu sebagai asas utama memahami penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei pada hari ini. Perkara-perkara yang berkaitan tentang kemasukan awal agama Islam ke Brunei, sistem pemerintahan kerajaan, bentuk agensi penguatkuasaan, sumber perundangan dan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan jenayah Islam menjadi tumpuan penulis di dalam perbincangan pada bab ini. Perbincangan dimulakan dengan sejarah ringkas kedatangan Islam di Brunei kerana penulis berpendapat sesuatu kajian mengenai agama Islam tidak lengkap jika tidak menyorot bagaimana dan bilakah Islam bertapak di Brunei.

**2.1 Kedatangan Islam dan Pelaksanaannya Di Brunei**

Penulis-penulis Barat seperti Robert Nicholl, K.G Tregonning, D.G.E Hall, J.F Cady dan N Tarling bersepakat mengatakan Brunei mula menerima Islam dalam abad ke 16 Masihi iaitu selepas kerajaan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi.<sup>37</sup> Fakta ini disanggah oleh Pg Dr Muhammad, menurut beliau Brunei telah menerima Islam sejak abad ke 10 Masihi lagi.<sup>38</sup> Dalam analisis beliau, menunjukkan pendapat penulis-penulis Barat itu masih boleh dipertikai, kerana terdapat bukti sejarah dan diperkuatkan lagi dengan penemuan arkeologi yang menolak perkiraan penulis-

---

<sup>37</sup> Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman (2001), *Islam Di Brunei Darussalam*, Cet 2, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 50

<sup>38</sup> Ibid , ms 53

penulis Barat di atas. Pg Dr Muhammad menerangkan hujahnya dengan membahagikan tempoh perkembangan Islam kepada tiga peringkat:

Pertama: iaitu dalam kurun ke 10 Masihi, penerimaan penduduk Brunei terhadap Islam kurang menggalakkan kerana hanya terdapat sebilangan kecil rakyat biasa yang memeluk agama Islam. Ini disebabkan oleh kekuatan pengaruh Hindu-Buddha yang telah lama diamalkan oleh penduduk-penduduk di Alam Melayu termasuk Brunei. Lebih-lebih lagi Brunei pada ketika itu merupakan salah sebuah negeri di bawah naungan kerajaan Majapahit. Keadaan ini mula berubah apabila kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha mula mengalami kemerosotan pada kurun ke 13.<sup>39</sup>

Kenyataan ini disokong oleh Dr Awg Hj. Jamil yang cenderung mengatakan penerimaan awal Islam berlaku dalam kurun ke 10. Fakta ini berdasarkan catatan sejarah Cina bertarikh 977 T.M yang menyatakan Raja Puni<sup>40</sup> telah menghantar utusan ke Cina yang diketuai oleh Pu Ya Li, Shih Nu (Sheikh Noh) dan Qadhi Kasim dengan membawa sepucuk surat dan barang-barang persembahan hasil negeri. Fakta ini menunjukkan orang Islam telah berpengaruh di Puni. Oleh kerana itu beliau cenderung mengatakan agama Islam telah ada di Puni sebelum T.M 977 dan mungkin ada penduduk tempatan yang telah memeluk agama Islam. Ini dibuktikan dengan penemuan batu nisan yang terdapat di perkuburan orang Islam di Rangas, Bandar Seri Begawan kepunyaan *Pu Kung Cheh Mu* bertarikh T.M 1264 yang dapat menguatkan keterangan mengenai kedatangan Islam ini, kerana menurut terjemahan *Wolfgang Franke* dan *Chien Tien-fan*, batu nisan itu kepunyaan keluarga 'Pu' iaitu seorang Islam yang datang

---

<sup>39</sup> Mahmud Saedon (Prof Dato Dr. Haji) (1999), "Kanun Brunei : Faktor Kajian Penerapan Syariah Islam Di Brunei" dalam "*Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas kerja Seminar Sejarah Brunei II*" (1999), Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah, ms 57-58. Pg Dr Muhammad m.s 52

<sup>40</sup> Nama-nama lain yang merujuk kepada Brunei dalam tulisan-tulisan Cina *Pu-ni, Po-li, Po-lo, Bun-lai* dan *Wen-lai* dan orang-orang Eropah *Burney, Borney, Borneo*. Dipetik dari Dr Hj Awg. Jamil Al-Sufri, *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara*, ms 1. Hj Metussin Omar ms 87

daripada daerah *Chuan-Chou* semasa *Empayar Sung* (TM.960-1279) bersama anaknya *Yiang Chia*.<sup>41</sup>

Pada peringkat kedua: iaitu pada kurun ke 14 ialah peringkat di mana Islam telah mendapat sambutan daripada Raja dan majoriti rakyat, membawa kepada tertubuhnya Kesultanan Melayu Islam Beraja. Apabila Sultan Brunei pertama Awang Alak Betatar (1363-1402 TM) memeluk agama Islam, Baginda kemudian dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah. Usaha mengislamkan penduduk Brunei itu semakin mudah kerana lazimnya orang-orang Melayu amat taat dan setia kepada rajanya. Usaha ini diperkuatkan lagi dengan gerakan dakwah oleh Sultan Syarif Ali yang dikatakan berasal daripada keturunan Rasulullah S.A.W. Baginda Sultan Syarif Ali diangkat oleh bapa mertuanya Sultan Ahmad dengan persetujuan rakyat untuk menjadi Sultan Brunei yang ke 3.<sup>42</sup>

Peringkat ketiga: ialah peringkat bermulanya penyebaran Islam pada kurun ke 16 secara besar-besaran dari Brunei ke kawasan-kawasan sekitarnya seperti Filipina dan pesisir pantai Pulau Borneo. Pada kurun tersebut adalah dianggap sebagai zaman keemasan Kerajaan Kesultanan Brunei.<sup>43</sup> Ajaran-ajaran Islam telah mengambil tempat di dalam amalan seharian masyarakat Brunei, menurut catatan Antonio *Pigafetta*<sup>44</sup> yang singgah di Brunei pada tahun 1521 menyatakan:

*“orang Islam mengamalkan ajaran Muhammad (Islam) tidak memakan babi ; beristinjak (bersuci) menggunakan tangan kiri tidak menggunakan tangan itu apabila makan; tidak memotong sesuatu dengan tangan kanan; duduk*

---

<sup>41</sup> Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr Hj Awang Mohd. Jamil Al-Sufri (1994) *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara* dalam “*Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara*” , Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah, ms 8

<sup>42</sup> Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman (2001), *Islam Di Brunei Darussalam*, Cet 2, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ms 96

<sup>43</sup> Tarsilah Brunei :zaman kegemilangan dan kemasyhurannya Dr Awg Mohd Jamil Al-sufri (1997 ) kementerian kebajikan Belia Dan Sukan ms 35

<sup>44</sup> Seorang pengembara dan pengarang dari Itali antara yang ikut serta dalam angkatan sepanyol yang diketui oleh Ferdinand Magellan menuju ke selatan , Afrika Barat, Brazil dan Amerika Selatan pada 10 Ogos 1519



*(mencangkung) semasa membuang air ; menyembelih ayam atau kambing sambil menghadap ke arah kiblat ; membuang sedikit di atas kepak ayam dan sedikit bahagian kulit yang menonjol keluar di bawah kaki ayam, kemudian membelah badannya ; membasuh muka dengan tangan kanan, tetapi tidak membersihkan gigi dengan jari ; dan tidak memakan sesuatu yang di bunuh melainkan di sembelih oleh mereka sendiri. Mereka berkhatan seperti orang Yahudi”<sup>45</sup>*

Berdasarkan catatan Antonio di atas, orang-orang Brunei sudah diterapkan sebahagian ajaran-ajaran Islam dalam hal ehwal pemakanan dari segi halal dan haramnya, amalan-amalan sunat seperti galakan mendahulukan tangan kanan, cara-cara beristinjak, mengambil wuduk, hukum binatang sembelihan dan hukum berkhatan. Kesemua amalan itu adalah sebahagian daripada ajaran Islam yang terdapat dalam kitab-kitab fiqah. Dengan catatan itu juga, tidak mustahil ajaran-ajaran Islam yang lain telah dilaksanakan dengan meluas sekitar kurun yang ke 16. Kenyataan ini disebabkan oleh dua faktor iaitu masa dan politik. Faktor masa ialah Brunei ketika itu adalah salah sebuah pusat perdagangan dan penyebaran agama Islam. Pedagang-pedagang asing terutama peniaga-peniaga Arab, di samping berniaga, mereka juga mengembangkan dakwah Islam di Brunei dan sekitarnya. Keadaan ini juga ada disebutkan oleh seorang paderi bernama *Domingo De Salazar* ketika menggambarkan keadaan di Pulau Mindanao (sebuah wilayah jajahan Brunei ketika itu) pada 27 Jun 1588:

*“..... di kepulauan Mindanao, undang-undang Islam telah diisytiharkan secara terbuka yang diagakkan sudah lebih tiga tahun oleh ulama-ulama dari Brunei dan Ternate yang datang ke sana. - bahkan di antaranya dipercayai datang dari Makkah. Mereka telah membina beberapa buah masjid, dan budak-budak lelaki dikhatakan dan di sana ada sebuah sekolah tempat mengajarkan al-Quran.”<sup>46</sup>*

---

<sup>45</sup> Antonio Pigafetta ,” *The first Voyage round The World*” dalam Robert Nicholl, (Edi) (1990), “*Pigafetta’s Description Of Brunei-July 1521 - “European Sources For The History Of Sultanate Of Brunei In The Sixteenth Century”*”, Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei P 12 Teks Inggeris “ *These Moros worship Mahomet. The latter’s law orders them not to eat pork: as they wash the buttocks with the left hand, not to use that hand in eating : not to cut anything with right hand: to sit down to urinate: not to kill fowl or goats without first addressing the sun: to cut off the tops of wings with the little bits o skin that stick up from under the feet fowls: then to split them in twain: to wash the face with the right hand , but not to cleanse the teeth with the fingers: and not to eat anything that has been killed unless it be by themselves. They are circumcised like the Jews”* , Ibid, Tarsilah Brunei ms 54

<sup>46</sup> Teks asal bahasa Inggeris: ‘...the Islands Of Mindanao, ...the law of **Mohama** has been publicly proclaimed, for somewhat more than three years, by preachers from **Burney** and Terrenate who come there—some of them even, it is believed , having come from Meca,. They have erected are now building mosques, and the boys are being circumcised, and there is a school where they are taught the Alcoran.

Faktor kedua ialah dari segi politik. Komitmen yang diberikan oleh sultan-sultan Brunei (kurun ke 14 hingga 19) merupakan faktor yang menjayakan pelaksanaan dan pembangunan undang-undang Islam. Undang-undang Islam dijadikan salah satu dasar dalam pentadbiran negara dengan cara menyelitkan undang-undang Islam, di samping mengekalkan unsur-unsur tempatan dalam sebuah undang-undang bertulis yang dikenali sebagai Hukum Kanun Brunei (HKB).<sup>47</sup> Menurut Pg Dr Muhammad tidak dapat diketahui dengan tepat bilakah kewujudan HKB itu bagaimanapun ia sudah wujud pada zaman Sultan Bolkiah (1485-1521)<sup>48</sup>

## **2.2 Sejarah Penguatkuasaan Jenayah Islam di Brunei**

Apabila Islam berkembang di Brunei, ia membawa bersama sistem perundangan yang tersendiri. Ini jelas dilihat kepada teks undang-undang yang terdapat di dalam HKB. Jika diperhatikan pada isi kandungan HKB, sebahagian besar peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalamnya, banyak dipengaruhi oleh undang-undang Islam sama ada dalam perkara-perkara sivil atau jenayah, walaupun sesetengahnya masih bercampur dengan adat tempatan. Di dalam bidang jenayah contohnya terdapat fasal-fasal yang menyentuh mengenai undang-undang jenayah Islam seperti peruntukan-peruntukan mengenai hukuman qisas, merampas, memukul, mencuri, berzina, murtad dan meminum arak.<sup>49</sup>

Kewujudan undang-undang jenayah Islam dalam HKB adalah satu fakta yang menunjukkan bahawa kerajaan kesultanan Brunei pada kurun ke 16 hingga 19 Masihi sudah mempunyai sistem perundangan yang dipengaruhi oleh undang-undang Islam.

---

Dipetik dari notakaki dalam Dr Jamil Al Sufri (1994) " Brunei Di tengah-tengah Nusantara : kertas-kerja seminar sejarah Brunei , Bandar Seri Begawan: Kementerian Kebajikan Belia Dan Sukan ms 25

<sup>47</sup> Op. cit, Dr Jamil Al Sufri, ms 25

<sup>48</sup> Op. cit , Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman , ms 176-177

<sup>49</sup> Ibid, ms 185

Jika diteliti dengan lebih terperinci lagi di peringkat akar umbi iaitu di peringkat penguatkuasaan, beberapa persoalan akan timbul iaitu bagaimana sistem keadilan jenayah dalam HKB itu dikuatkuasakan. Siapakah yang mengendalikan penguatkuasaan jenayah Islam pada zaman tersebut dan sejauhmanakah perkembangan penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei Darussalam. Persoalan-persoalan itu dapat kita saksikan mengikut urutan zaman perkembangan undang-undang Islam kepada empat bahagian iaitu zaman Kesultanan Kerajaan Brunei (1500-1906), zaman Pentadbiran Residen Inggeris (1906-1955), zaman pra merdeka ( 1959-1984) dan zaman selepas merdeka (1984-2010).

### **2.2.1 Zaman Kesultanan Kerajaan Brunei ( 1500-1906M)**

Zaman ini dianggap sebagai zaman kegemilangan pelaksanaan undang-undang Islam. Pelaksanaan undang-undang jenayah di zaman ini adalah berdasarkan HKB, bermula di sekitar abad ke 13-15 Masihi hingga kepada pemerintahan Sultan Abdul Momin (TM 1852-1885 atau Sultan Hashim (TM 1885-1906) iaitu kira-kira lebih 300 tahun.<sup>50</sup> Begitu juga dari segi penguatkuasaan undang-undang jenayah pada zaman itu berjalan secara serentak dengan institusi keadilan. Penguatkuasaan undang-undang pada zaman tersebut mendapat sokongan yang kuat dari kerajaan dengan menubuhkan agensi penguatkuasa yang di kenali sebagai *Patih*.<sup>51</sup>

---

<sup>50</sup> Yahya Ibrahim (Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia) (2000), *Sejarah Dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiah, ms 5

<sup>51</sup> menurut satu manuskrip laporan Sepanyol yang dikenali sebagai *Boxer Codex*. Pada tahun 1947, C.R. Boxer, Profesor Cameon Portugis, Kings College, Universiti London, telah membeli satu koleksi manuskrip berbahasa sepanyol yang tersimpan di perpustakaan Lord Ilchester di Holland House di kota London. Koleksi ini dikenali sebagai Boxer Codex. Profesor Boxer telah menterjemahkan catatan manuskrip tentang Negara China ke dalam bahasa Inggeris pada tahun 1958, kemudian Carlos Quirino dan Manro Garcia pula telah menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris bahagian manuskrip mengenai sejarah Filipina. Dan pada tahun 1960-an, John S.Carol pula telah menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris folio 71-86 manuskrip tentang kesultanan Brunei di Pulau Borneo pada akhir abad ke XVI.

Menurut JS Carroll, Boxer Codex ini adalah dokumen yang paling lengkap menceritakan tentang sejarah Brunei di akhir kurun ke XVI dari segi ilmu alamnya, sejarah, adat istiadat, ugama, kerajaan, perniagaan, senjata dan kelender Brunei. Pengarang BC ini tidak dapat dipastikan sama ada ia ditulis oleh Gomez

### **a. Peranan dan sokongan Sultan-Sultan Brunei dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam**

Pelaksanaan undang-undang Islam di Brunei mencapai kemuncaknya dalam kurun ke 15 hingga 19 apabila undang-undang tempatan yang dikenali sebagai Hukum Kanun Brunei (HKB) telah dikuatkuasakan secara turun temurun. Tidak dapat dinafikan pelaksanaan undang-undang jenayah atau keadilan memerlukan sokongan politik untuk menjayakannya. Sultan-sultan Brunei nampaknya telah meletakkan batu asas penghayatan dan pelaksanaan syiar Islam di Brunei. Kejayaan Kesultanan Melayu Islam Brunei itu banyak bergantung kepada kepimpinan sultan-sultan mengikut zaman pemerintahan masing-masing antaranya Sultan Syarif Ali<sup>52</sup> ( 1425-1432 ), Sultan Bolkiah<sup>53</sup> ( 1485-1521 ), Sultan Abdul Kahar<sup>54</sup> (1524-1530 ) Sultan Saiful Rijal<sup>55</sup> (1533-1581) dan Sultan Hassan<sup>56</sup> (1582-1598.)<sup>57</sup>

---

Perez Dasmariñas, Gabenor Tanah Jajahan Sepanyol di Filipina pada TM 1590-1593 atau anaknya Luis. Berkemungkinan juga pengarangnya seorang pegawai awam berbangsa sepanyol yang tidak terlibat dalam pergerakan penyebaran agama kristian kerana tidak memberi pandangan negatif bilamana menyentuh tentang ugama Islam. Quirino dan Garcia berpendapat bahawa Antonio de Padua seorang askar yang bertukar menjadi pendakwah menulis manuskrip itu”. Bagaimanapun dari segi *calligraphy* nya seperti tulisan Juan De Ceullar seorang askar yang menjadi setiausaha dan jurutulis kepada Gabenor Perez Dasmariñas.

<sup>52</sup> Sultan Syarif Ali menumpukan tenaga dalam bidang dakwah dan menyebarkan ajaran Islam di dalam dan di luar Brunei Darussalam. Op. Cit. Pg Dr Abd Rahman, ms 134-135

<sup>53</sup> Sultan Bolkiah mencurahkan tenaganya dengan melakukan penaklukan di sekitar Pulau Borneo dan beberapa pulau di Filipina sekaligus menyebarkan Islam ke kawasan yang ditaklukinya. Ibid, ms 134-135

<sup>54</sup> Sultan Abdul Kahar berminat dalam memperkuatkan kawalan keselamatan dan melengkapkan Brunei Darussalam dengan senjata yang diperlukan bagi tujuan pertahanan. Dalam zaman Baginda juga Brunei Darussalam banyak menjalin hubungan diplomasi dengan pihak eropah. Ibid, ms 134-135.

<sup>55</sup> Sultan Saiful Rijal adalah zaman berlakunya perang Salib Kecil dengan Sepanyol yang mahu mengkristiankan Brunei. Sepanyol dapat menawan Brunei pada tahun 1578 namun tentera Sepanyol akhirnya berjaya dihalau dan terpaksa berundur ke Filipina pada tahun 1580. Ibid, ms 134-135

<sup>56</sup> Sultan Hasan pula mengenalkan tamadun dan peradaban yang lebih tersusun dengan melengkapkan Brunei Darussalam dalam bidang pertahanan dan peralatanya dan memperkuatkan sistem adat istiadat. Ibid, ms 134-135

<sup>57</sup> Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman (2001), *Islam Di Brunei Darussalam*, Cet 2, Bandar Seri Begawan: DBP, ms 134.

## **b. Teks undang-undang Islam dan Adat Brunei**

Perkembangan syiar Islam berjalan dengan baik atas sokongan masyarakat dan komitmen sultan-sultan. Keadaan ini diperkuatkan lagi dengan adanya sistem perundangan yang mempunyai unsur-unsur perundangan Islam. Kewujudan undang-undang bertulis ini memberi bukti yang jelas bahawa undang-undang Islam telah dilaksanakan di Brunei. Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman dalam tulisan beliau ada menyatakan bahawa terdapat dua naskhah undang-undang Islam Brunei yang dikanunkan.<sup>58</sup> Pertama ialah *HKB* mengandungi 96 mukasurat<sup>59</sup> dan naskhah kedua pula ialah “*Undang-undang Dan Adat Brunei Lama*” (*Old Brunei Law and Custom*) mengandungi 68 muka surat.<sup>60</sup>

## **c. Kesalahan Jenayah dalam Hukum Kanun Brunei**

Ruang lingkup bidangkuasa yang diperuntukkan dalam HKB<sup>61</sup> mencakupi undang-undang substantif dan prosedur seperti undang-undang jenayah, muamalah, kekeluargaan, keterangan dan acara. Dalam aspek undang-undang jenayah, pengaruh undang-undang Islam jelas kelihatan pada istilah-istilah yang digunakan contohnya perkataan *qisas, zina, muhsan dan murtad*. Begitu juga peruntukan mengenai hukuman bagi kesalahan tertentu, diputuskan berdasarkan hukum syarak.<sup>62</sup> Namun begitu masih

---

<sup>58</sup> Ibid, ms 135.

<sup>59</sup> Rujukan asal boleh diperolehi di Muzium Brunei Bil Ruj A/BM/98/90, pada masa sekarang teks ini mudah didapati kerana ia sudah diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.

<sup>60</sup> Pg Dr Mohammad menyatakan teks ini berada di dalam simpanan Muzium Sarawak. Ianya juga terkenal dengan nama “Naskhah Lawas” kerana naskhah ini dikatakan berasal dari Lawas sebuah kawasan Brunei yang telah menjadi sebahagian dari Negeri Sarawak.

<sup>61</sup> Asri Puteh (2003), *Hukum Kanun*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka 1-35

<sup>62</sup> HKB: Fasal yang kelima “.....Adapun pada hukum Allah Taala dalam kitab, yang membunuh itu dibunuh hukumnya kerana menurut dalil Quran dan menurut amar bil makruf wa nahi anil munkar”

mengekalkan pengaruh adat tempatan.<sup>63</sup> Antara Kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam HKB seperti berikut, iaitu:

- a. membunuh, menikam, menetak, memukul, merampas, mencuri, menuduh, berdusta dan berjual titah.<sup>64</sup>
- b. mencuri <sup>65</sup>
- c. menampar <sup>66</sup>
- d. melakukan zina,<sup>67</sup> berpeluk cium, bersetubuh dengan binatang.<sup>68</sup>
- e. mengenai hukum orang yang murtad dan meninggalkan sembahyang.<sup>69</sup>
- f. memaki orang. <sup>70</sup>
- g. meminum minuman yang memabukkan.<sup>71</sup>

---

<sup>63</sup> HKB : Fasal yang kelima: “..... membunuh orang, memberi aib seperti menampar orang, barang yang aib biasa itu pun, jikalau belum lagi sampai kepada menteri. Maka jikalau sudah sampai sudah pada menteri maka diperbuat juga, didenda sepuluh tahlil sepaha, itulah hukumnya. Adapun jikalau membunuh madunya itu maka lari di dalam kampung maka diikatnya oleh empunya madu itu maka masuk kampung maka berkelahi ia dengan orang empunya orang kampung itu, maka jikalau melawan maka terbunuh yang mengikat itu, mati saja dengan tiada kena hukum lagi, itulah **adatnya** negeri.....”

<sup>64</sup> HKB: “Fasal yang keempat pada menyatakan hukum negeri dan sungai dan dusun pada negeri yang takluk itu. Adapun hukum yang pertama, pada menyatakan berbunuh-bunuhan atau membunuh atau menikam atau menetak orang atau memukul orang atau merampas atau mencuri harta orang atau menuduh atau berdustakan hukum atau berjual titah, itu pun salah.”

<sup>65</sup> HKB: Fasal yang ketujuh “.....Adapun pada hukum Allah Taala orang mencuri tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangannya juga.....”

<sup>66</sup> HKB: Fasal Yang kelapan “.....Adapun pada hukum Allah Taala menampar itu ditampar juga maka adil namanya hukum.....”

<sup>67</sup> HKB: “Fasal yang kedua belas..... Adapun pada hukum Allah Taala jikalau ia muhsan direjam maka erti muhsan itu, yang sudah merasai nikah, laki-laki atau perempuan kemudian maka ia berzina.....”

<sup>68</sup> HKB: “Fasal 41 .....Bermula hukum kedua ada dan menyertai binatang seperti dalam zina juga. Bermula jika tiada setubuh, peluk cium juga ditakzirkan oleh hakim jika dihadkan dua puluh jua.”

<sup>69</sup> HKB: “Fasal 37 peri hukum orang murtad dan apabila seorang Islam murtad disuruh taubat tiga kali, jika tiada mau taubat dibunuh hukumnya. Jangan dimandikankan dan jangan disembahyangkan dan jangan ditanamkan pada kubur Islam. Adapun orang sembahyang akan mayat itu dua perkara, meninggalkan dan tiada iktikadnya. Fardu sembahyang disuruh sembahyang, jika tiada ia sembahyang oleh kesakitan tiada ia mungkir, disuruh ia taubat maka taubat murtad tiga kali. Jika sembahyang, ia baik, jikalau tiada mau ia sembahyang, dibunuh. Tetap hukumnya Islam matinya dan tanamkan pada kubur Islam.”

<sup>70</sup> HKB: “Fasal 42 bermula peri hukum bermaki orang. Haram zadah seorang-orang bermaki seorang maka mungkir yang dimaki itu daripada tiada bersaksi, maka didera dua lapang puluh kali orang yang dimaki itu.....”

<sup>71</sup> HKB “Fasal 43 had minum tuak dan arak yang mabuk. Jika abdi empat dua puluh palunya. Jika merdeheka lima puluh palunya juga. Jika abdi dihadkan dua perkara, suatu dengan ikrar atau dengan dua orang saksi tiada dengan dihadkan dengan cium bau tuak mulutnya yakni tiada hukum padanya”

#### d. Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah

Setelah kita ketahui undang-undang yang ada dalam HKB, soalnya sekarang, sejauhmana pelaksanaannya. Untuk menjelaskan persoalan itu terdapat satu laporan Sepanyol yang dikenali sebagai *Boxer Codex* (BC). Laporan ini boleh membantu kita memahami keadaan dan cara pelaksanaannya. Ahli-ahli sejarah menganggap laporan di dalam BC ini, adalah laporan yang paling lengkap menggambarkan sejarah Brunei pada kurun ke 16. Di antara catatan yang digambarkan oleh BC ialah penjelasan mengenai sistem pentadbiran kerajaan Brunei, pentadbiran hal ehwal ugama dan pegawai-pegawai penguatkuasa.

Pemerintahan kesultanan Brunei pada masa itu menurut BC sudahpun mempunyai satu badan kerajaan atau pegawai negeri di bawah kawalan empat pembesar negara iaitu Bendahara, Temenggung, Di-Gadong dan Shahbandar.<sup>72</sup> Mereka mempunyai tugas masing-masing untuk menguatkuasakan undang-undang di laut dan di darat, pengawal kepada raja dan diberi tanggungjawab untuk menjaga keamanan rakyat dan mempertahankan negara serta diamanahkan tugas menghukum pesalah.<sup>73</sup> Realiti ini menunjukkan kepada kita, pihak pemerintah mempunyai kuasa yang mandiri iaitu mengawal penuh pemerintahan dan pentadbiran negara. Ini termasuk juga mempunyai kuasa penuh mengawal dan menguatkuasakan sistem undang-undang yang ada.

---

<sup>72</sup> HKB: *“Fasal yang kesembilan pada menyatakan yang dapat membunuh ada empat martabat. Suatu Bendahara pada waktu tiada beraja atau dalam sungai sendiri harus membunuh dengan tiada titah raja. Kedua Temenggung pada waktu ia menangkap orang, itu pun tiadalah dalam menanti titah lagi. Ketiga Syahbandar tatkala dikawal barang siapa tiada menurut katanya pada waktu membawa dan kawal, itu pun tiadalah lagi dengan titah. Keempat Nakhoda tatkala di laut membunuh dengan tiada titah kerana ia raja pada masa di laut itu. Adapun apabila datang ia ke negeri dihukumkan ia, jikalau dibunuhnya tiada dengan dosanya hukunya mati dendanya itu, sepenuhnya denda itu iaitu sekati lima. Itu pun hukum laut atasnya nakhoda maka tiada membunuh melainkan ia mengambil isteri /16/ orang atau gundik orang harus ia dibunuh nakhoda itu.*

<sup>73</sup> Mohammad Amin bin Hassan (2004). “Boxer Codex : Rakaman Sejarah Brunei Di Akhir Abad Ke-XVI” dalam *Jurnal Darussalam* Bil 5 Tahun 2004 . Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah, ms 93

Di zaman ini, kerangka sistem keadilan jenayah adalah luas, iaitu merangkumi kuasa-kuasa eksekutif dan kehakiman atau dengan erti kata lain pembesar-pembesar negara juga mempunyai kuasa kehakiman dan eksekutif (selepas ini akan dikenali sebagai Hakim Diraja). Mereka juga mempunyai bidangkuasa penuh membicarakan pesalah sehingga boleh membawa kepada hukuman mati.<sup>74</sup> Sementara hal-hal yang berhubung kait dengan penguatkuasaan adalah sebahagian daripada bidangkuasa kehakiman. Ini dapat kita saksikan apabila Hakim Diraja menjalankan tugas-tugas kehakiman, di mana mereka sering dibantu oleh *bailif* (pegawai-pegawai khas) yang dikenali sebagai *patih* dengan diiringi oleh orang-orang seperti polis, BC menyebutkan:

*“.....These judges assist always in the city where the king is and when some captain goes to some settlements of the Uisayas subject to the king to collect tribute he carries licence from the governor to try the lawsuits which he might have. These judges have many **bailiffs**. In their language they call patis (Malay **Patih**). They customarily bring no vara (Spanish vara = baton of authority) or insignia. **These arrest the delinquents and customarily bring people like policemen with them.**”<sup>75</sup>*

BC menggunakan istilah yang merujuk kepada dua kategori orang iaitu Patih dan *orang-orang seperti polis (...patih ....people like policeman....)* adalah pegawai penguatkuasa undang-undang pada masa itu, di mana mereka mempunyai kuasa menahan pesalah-pesalah (*delinquents*). Kenyataan ini adalah konsisten jika dihubungkan dengan pemakaian nama-nama gelaran pembesar-pembesar Brunei yang masih digunakan pada masa kini iaitu gelaran *Pateh* dalam senarai susunan *Manteri-Manteri Darat/Pedalaman* yang terdiri dari *Mudim, Panglima, Perwira, Hulubalang, Pahlawan, Pateh, Damong, Janang, Malek Dan Pengarah*<sup>76</sup>.

Berdasarkan senarai gelaran itu pemakaian perkataan *Pateh* merujuk kepada seorang

---

<sup>74</sup> Fasal 9 HKB

<sup>75</sup> Majul, Ceaser Adib (1978), *Muslim In The Philippines*, Manila :St Mary Publishing House 3<sup>rd</sup> Edition ms 93

<sup>76</sup> Hj Hashim bin Hj Abd Hamid (1999), “Sistem Pentadbiran Tradisi Brunei : Satu Analisis Awal” dalam *“Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas kerja Seminar Sejarah Brunei II”*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah, ms 151, juga Rashidah Bte Mohd Hanifah1(1998), *Adat Istiadat Kebesaran Brunei : Pengurniaan gelaran Menurut perspektif Islam*. Tesis Sarjana Sastera UKM Bangi ms 147-151, *Senarai Nama-Nama Gelaran Dan Orang-Orang Yang dikurniakan Gelaran* (2004), Bandar Seri Begawan : Jabatan Adat Istiadat Negara, ms 25



yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sebuah masyarakat begitu juga penggunaan Patih di dalam BC juga merujuk kepada pegawai yang paling kanan dalam agensi penguatkuasa kerana tidak mungkin orang biasa diiringi oleh sekumpulan orang yang lain jika tidak mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam sebuah agensi. Penggunaan perkataan ‘polis’ juga menguatkan lagi kenyataan ini, di mana *Patih* itu merupakan seorang yang berpangkat paling tinggi dalam susunan hierarki penguatkuasa atau dengan perkataan lain *patih* itu pada pendapat penulis berdasarkan istilah moden hari ini dikenali sebagai Ketua Penguatkuasa atau Pesuruhjaya Polis pada masa itu.

Prosedur penguatkuasaan jenayah pada masa itu juga nampak ringkas dan mudah di mana jika terdapat sesuatu kesalahan dilakukan, suspek akan ditangkap oleh *patih* dan terus dibawa ke hadapan hakim untuk dibicarakan.<sup>77</sup> Siasatan akan dibuat di dalam perbicaraan kemudian penghakiman akan diberikan serta merta secara lisan. Kes-kes yang dihadapkan jarang berlanjutan ke hari lain. Jika salah satu pihak tidak hadir kes akan ditangguh ke hari lain sementara suspek akan ditahan reman di rumah mereka sendiri oleh *patih* kerana pada ketika itu belum ada penjara di Brunei. Catatan dalam BC menyebutkan:

*“The Kingdom Of **Borney** has no gaol and few clerks for the things of which the judges know, and thus (only) by a marvel the lawsuit lasts longer then the first hearing when it appears before the judge. And in case of the parties is absent, it is delayed to the second hearing that when (hearing are) many is (on) another day. The said **bailiffs take charge of guarding them in their house**; and they (having) arrived in front of the judge before whom it is being investigated, an oral sentence concludes it and not written, and thus there is no lawsuit that takes two days.”*<sup>78</sup>

---

<sup>77</sup> Pelaksanaan keadilan jenayah seperti ini juga diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w dengan menggunakan perbicaraan ringkas, cepat dan mudah kerana tujuan keadilan ialah menyampaikan hak kepada pemiliknya sebagaimana keputusan hukuman rejam kepada Maaiz selepas mendapat pengakuan salahnya- Dr. Muhammad al Zuhayli (1995), *Tarikh al-qadha fil Islam*, Beirut: Dar al-fikr. ms 57.

<sup>78</sup> Carol JS “*Berunai In The Boxer Codex*” dalam Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society ( JMBRAS) (1982) Vol 55 Pt 2 No 243 , Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. ms 6-7

Laporan di dalam BC itu menurut penulis dapat menjelaskan kewujudan satu amalan atau cara-cara pengendalian kes-kes jenayah pada kurun ke 16. Laporan BC itu juga memberi gambaran tentang kewujudan dua institusi keadilan jenayah iaitu penguatkuasa dan kehakiman. Ini menunjukkan keduanya mempunyai peranan dan bidangkuasa masing-masing dalam mengadili isu-isu jenayah yang timbul pada masa itu.

Berdasarkan laporan di dalam BC, dinyatakan beberapa hukuman kesalahan jenayah syariah seperti pencuri akan dipotong tangan kanannya dan hukuman yang dikenakan kepada seorang lelaki apabila didapati bersekedudukan dengan isteri orang adalah antara kesalahan yang terdapat dalam HKB seperti yang dijelaskan terdahulu. Oleh kerana itu, apa yang dicatatkan di dalam BC ini kemungkinan besar bermaksud peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam HKB kerana pada masa penulisan BC itu (1590-1593M) berada pada zaman pemerintahan Sultan Hassan (1582-1598) yang sudah menguatkuasakan HKB.

Pada ketika itu meskipun pengaruh adat begitu kuat sehingga Hakim Diraja yang dipegang oleh wazir-wazir (terdiri dari kerabat Diraja) mempunyai keistimewaannya yang tersendiri (kuasa memberi pengampunan) daripada penghakiman yang dibuat oleh menteri-menteri agama (*Pehin Khatib*).<sup>79</sup> Walaubagaimanapun, peranan ahli-ahli ugama<sup>80</sup> mempunyai pengaruh yang kuat di dalam sistem keadilan jenayah di Brunei kerana secara tradisinya mereka dilantik menjadi pengapit Hakim Diraja yang boleh menasihati mereka berkenaan dengan Hukum Syarak.<sup>81</sup>

---

<sup>79</sup> Hj Karim Hj Abd Rahman (2005), Sejarah Perkembangan Kehakiman Dan Mahkamah Syariah Di Brunei, Dalam “*Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam*”, Bandar Seri Begawan: Jabatn Kehakiman Negara H Karim Abd Rahman (2005) , ms 88

<sup>80</sup> Menurut adat istiadat Brunei terdapat ahli-ahli ugama yang alim dalam Hukum Syara digelar sebagai *Pehin Khatib* , *Pehin Siraja Khatib* dan *Pehin Udana khatib* dan *Begawan Pehin Khatib*.

<sup>81</sup> Sistem pengapit hakim yang melibatkan ahli-ahli agama ini kekal sehingga dimansuhkan pemakaiannya di awal Residen Inggeris mengambi-alih sistem pentadbiran dan keadilan pada tahun 1906.

Berdasarkan penjelasan tentang penguatkuasaan yang dijalankan dan sistem keadilan jenayah di atas, dapatlah diambil kesimpulan bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam telah dikuatkuasakan dengan wujudnya agensi penguatkuasa dan mahkamah keadilan jenayah berpandukan kepada undang-undang Islam dan adat tempatan. Kenyataan ini disokong lagi dengan wujudnya kes-kes jenayah yang pernah diadili pada zaman kesultanan Brunei (sebelum kedatangan Inggeris) secara logiknya mengukuhkan lagi fakta tentang kewujudan pihak penguatkuasa yang bertanggungjawab membuat tangkapan untuk dihadapkan ke muka pengadilan. Beberapa contoh kes pelaksanaan hukuman jenayah yang di laporkan pada zaman sultan-sultan Brunei dalam sistem kehakiman tradisi seperti berikut:

- a. Kesalahan sumbang mahram berdasarkan kes seorang wanita bernama Raja Ayang. Peristiwa ini berlaku pada masa pemerintahan Sultan Sulaiman memerintah dalam TM 1452. Kesalahan yang dilakukan ini melibatkan pasangan adik beradik keluarga diraja. Oleh kerana perbuatan tersebut adalah menyalahi dari segi Hukum Syarak maka Sultan Sulaiman memerintahkan supaya pasangan ini dihukum bunuh. Bagaimanapun, bentuk pelaksanaan hukuman itu dilakukan secara adat di mana kedua-duanya disediakan sebuah rumah di dalam tanah yang merupakan seakan-akan bukit, di dalamnya mengandungi bilik untuk tempat tinggal. Mereka juga turut dibekalkan dengan makanan yang diperlukan termasuk alat memasak. Mereka berdua tinggal di tempat itu sehingga menghembuskan nafas yang terakhir. Selama seminggu (sesetengah riwayat mengatakan 40 hari) asap dari dalam tanah di bukit itu masih kelihatan keluar tetapi selepas itu tiadalah lagi didapati sesuatu tanda yang menunjukkan mereka masih hidup. Kesan daripada peristiwa ini masih boleh ditatapi di sebuah perkuburan di tengah Bandar Seri Begawan yang dikenali sebagai

kubur Raja Ayang.<sup>82</sup> Catatan yang tertulis di batu nisan kubur berkenaan ditulis di dalam bahasa Arab, terjemahan tulisan itu berbunyi:<sup>83</sup>

*“Perbuatan yang dicontohkan seperti itu sudah memadai dan inilah badan orangnya, Insya-Allah mereka di dalam aman. Dengannya itu lebih baik dari kejahatan dan sebahagian nikmat dunia yang didahagakan, Ya Allah berilah rahmat sesudah ketelanjuran perempuan (pulanah) ini.”*<sup>84</sup>

- b. Kesalahan mencuri: *Spencer St. John*, Seorang Konsul Inggeris di Brunei pada tahun 1856 telah melihat sendiri hukuman potong tangan dijalankan ke atas dua orang pencuri di Brunei. Perkara yang serupa juga diceritakan oleh *Kapten William H. Treacher*, Pemangku Gabenor Tanah Jajahan Inggeris di Labuan dan Gabenor Inggeris di Borneo Utara pada tahun 1880. Dalam laporan *Kapten William H. Treacher* mengatakan bahawa kapalnya yang singgah di Brunei telah dinaiki oleh pencuri, seutas jam tangan emas dan selaras senapang telah hilang, dan perkara ini telah disebarkan kepada Sultan. Beberapa hari kemudian barang-barang curian itu di kembalikan dan tiga orang yang terlibat dalam kes tersebut telah dipotong tangan mereka.<sup>85</sup>
- c. Kesalahan merompak: *Spencer St John* (1856) juga pernah melihat pelaksanaan hukuman mati dijalankan ke atas salah seorang penjenayah di Brunei bernama Maidin kerana telah disabit melakukan rompakan, rampasan dan pembunuhan ke atas beberapa orang peniaga yang berulang alik antara Brunei dan Labuan. Dia telah bermaharajalela selama dua tahun sebelum **ditangkap** dan dijatuhi hukuman gantung.<sup>86</sup>

---

<sup>82</sup> Lampiran B

<sup>83</sup> Awg Mohd Jamil Al-Sufri (Dr Hj), Catatan Sejarah Penghakiman Di Brunei Pada Zaman Dahulu” dalam Dalam “*Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam*”, (2005) Bandar Seri Begawan: Jabatan Kehakiman Negara , ms 95-96 , juga “*Makam Raja Ayang Bukti Keutuhan Pemerintahan Kesultanan*” <http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/07okt09/berita06.htm>, 22 April 2010

<sup>84</sup> Ibid, Awg Mohd Jamil Al-Sufri , ms 96

<sup>85</sup> W.H Treacher .” *British Borneo:Sketches Of Brunei , Sarawak, Labuan and North Borneo*” dalam JMBRAS , Vol 20 , 1880 ms 40 , op. cit , Mahmud Saedon Othman , ms 25

<sup>86</sup> op. cit , Mahmud Saedon Othman, ms 41

d. Kesalahan yang dilakukan oleh non Muslim: dalam laporan *Spencer St John* pada tahun 1859<sup>87</sup> ada menyebut tentang budak Cina yang telah dituduh merompak harta orang tuanya. Kes ini **dibawa ke hadapan** Kathi (Ketua agama) untuk diselesaikan. Walaupun kes ini melibatkan dua orang yang bukan beragama Islam, tetapi pengadilan tetap dilakukan oleh Kathi.<sup>88</sup>

Nyatalah di sini, kes-kes jenayah yang dilaporkan itu tidak akan terlaksana tanpa wujudnya pegawai-pegawai penguatkuasa pada zaman itu sebagaimana yang dilaporkan di dalam BC. Peranan yang dimainkan oleh sultan, hakim diraja dan ahli-ahli ugama menjadi faktor kejayaan pelaksanaan satu sistem undang-undang yang unggul di Brunei dalam tempoh melebihi 300 tahun.

### 2.2.2 Zaman Pentadbiran Residen Inggeris (1906-1955 )

Zaman ini merupakan zaman penghakisan undang-undang Islam. HKB tidak mampu dipertahankan lagi. Penerapan pengaruh Inggeris di dalam sistem keadilan di Brunei pada era Residen Inggeris (secara drastik) mengubah sistem perundangan yang telah lama diamalkan. Inggeris bukan hanya meminda atau menyesuaikan sistem undang-undang yang sedia ada malah menjadikan HKB itu sebagai manuskrip sejarah semata-mata. HKB sama sekali tidak dirujuk untuk mengendalikan kes-kes jenayah. Sebagai ganti, Inggeris memperkenalkan dwi sistem perundangan Sivil dan Islam. Sementara Mahkamah Kadi yang ditubuhkan pada tahun 1908 juga menggunakan undang-undang yang baru yang memperuntukkan hukum-hukum yang amat berbeza dengan HKB.

---

<sup>87</sup> Spencer St. John ( 1986), *Life in the Forest of the Far East, Travels in Sabah and Sarawak in the 1860* , Singapore: Oxford University Press, (Reprint) ms 250-251

<sup>88</sup> Op. cit, Hj Karim Abd Rahman, ms 88

### **a. Campurtangan Inggeris dalam perundangan dan sistem keadilan**

Sejarah “campurtangan” Inggeris bermula apabila termeterainya dua perjanjian dengan kerajaan British pada tahun 1856 dan 1888.<sup>89</sup> Perjanjian-perjanjian ini adalah titik permulaan Inggeris mula mencampuri dalam sistem perundangan dan keadilan di Brunei.<sup>90</sup> Prof Dr Mahmud Saedon mengulas mengenai campurtangan Inggeris ini melahirkan rasa kurang senang kerana menurut beliau pada masa itu Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, sewajarnya undang-undangnya dipatuhi dan dihormati, sebaliknya Inggeris telah membuat berbagai tindakan dan helah untuk campurtangan dalam perundangan dan pentadbiran kehakiman di Brunei. Mohammad Amin Hassan juga melahirkan kekecewaan akibat termeterainya perjanjian 1888 ini, dua isu yang tidak sewajarnya berlaku dan dianggap sebagai mencampuri hal ehwal dalam negeri kerajaan Brunei, pertama isu pengambilan Limbang oleh *Rajah Brooke* di Sarawak yang ditandatangani oleh Inggeris pada tahun 1891 walaupun di bantah oleh sultan, kedua Inggeris dijadikan pemutus pelantikan pengganti sultan.<sup>91</sup>

Menurut Prof Dr Mahmud Saedon lagi, campurtangan Inggeris dalam perundangan dan keadilan pula bermula pada tahun 1856 apabila Inggeris diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes yang timbul daripada pertikaian di kalangan rakyat Inggeris atau yang terjadi di antara Inggeris dengan rakyat asing di Brunei. Walaupun hakim Inggeris diberi kuasa mengendalikan kes ini namun ia tidaklah memberi kuasa penuh kerana di masa perbicaraan ia perlu diapit atau disertai oleh hakim kerajaan Brunei. Hukuman yang dikenakan juga berdasarkan hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang

---

<sup>89</sup> Mahmud Saedon Othman (1996), *Perlaksanaan Dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan : Dewan Bahasa Dan Pustaka, ms 26, William George Maxwell and William Summer Gibson (1925) *Treaties and Engagement Affecting The Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son Ltd P 148-149

<sup>90</sup> Mohammad Amin Hasan Brunei perjanjian T.M 1888 Brunei-Great Britain dalam “*Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara*” ms 139

<sup>91</sup> Ibid, Mohammad Amin Hasan, ms147

tempatan dengan syarat hukuman yang dijatuhkan ke atas rakyat Inggeris hendaklah tidak lebih berat daripada hukuman yang biasa dikenakan dalam undang-undang Inggeris bagi kesalahan yang sama.<sup>92</sup> Dengan perjanjian ini Inggeris mempunyai saluran untuk campur tangan dalam pentadbiran dan kehakiman di Brunei.

Inggeris melebarkan lagi kuasanya apabila termeterai perjanjian pada tahun 1888 di mana Inggeris diberi kuasa penuh mentadbir urusan perundangan dan kehakiman rakyat Inggeris di Brunei. Artikel VII Perjanjian 1888 membuat peruntukan seperti berikut:

1. Bidangkuasa sivil dan jenayah secara eksklusif kepada Jawatankuasa Kehakiman Inggeris untuk mengendalikan kes rakyatnya, kes rakyat asing dari negara-negara jajahan Inggeris dan rakyat negara lain jika mendapat persetujuan mereka.<sup>93</sup>
2. Bidangkuasa untuk menghakamkan kes yang melibatkan rakyat Brunei, jika rakyat Brunei dalam kes tersebut merupakan seorang penuntut atau pendakwa. Tetapi jika dalam sesuatu kes itu, rakyat Brunei adalah orang yang dituntut atau didakwa maka kes itu akan diadili oleh Mahkamah Tempatan.<sup>94</sup>

Pada pandangan penulis, Perjanjian 1888 ini menimbulkan tiga implikasi kepada sistem kehakiman di Brunei, iaitu:

1. Mengurangkan kuasa kehakiman yang diterajui oleh hakim tempatan Brunei dalam kes sivil dan jenayah.
2. pengaruh undang-undang Inggeris menerap masuk dalam sistem kehakiman kerana undang-undang dan peraturan yang digunakan oleh hakim Inggeris adalah berdasarkan undang-undang di England

---

<sup>92</sup> Op. cit, Mahmud Saedon Othman ms. 26 , kenyataan beliau ini berpandukan kepada laporan yang dibuat oleh William George Maxwell and William Summer Gibson, 1925 ,*Treaties and Engagement Affecting The Malay State and Borneo*, London : P Jas Truscott and Son Ltd , P 148-149

<sup>93</sup> Ibid, Mahmud Saedon Othman 27, William George ms 150

<sup>94</sup> Ibid

3. terjadi konflik antara undang-undang Inggeris dan undang-undang tempatan (Islam) jika kes rakyat Brunei sebagai plantif atau pendakwa yang diadili di mahkamah Inggeris.

Persoalan yang mungkin timbul, mengapakah perjanjian itu dimeterai. W.J Peel seorang Residen Inggeris di Brunei (1946-1948) di dalam *Annual Report 1946* ada menyebutkan bahawa Brunei secara rasmi telah menjadi sebuah negeri naungan kerajaan Inggeris setelah termeterai perjanjian pada tahun 1888.<sup>95</sup> Perjanjian itu dibuat kerana Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin merasakan kedudukan dan keselamatan Brunei terancam disebabkan semakin banyak wilayah kerajaan telah jatuh ke tangan kuasa asing (James Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara di Sabah).<sup>96</sup> Oleh kerana Perjanjian 1888 itu masih kurang memberi perlindungan kepada Brunei, Perjanjian 1905 telah dimeterai supaya Brunei menerima sistem Residen Inggeris. Semua nasihat Residen itu pula **wajib dituruti** oleh kerajaan Brunei melainkan perkara yang berhubungkait dengan agama Islam.<sup>97</sup>

Apabila Brunei diletakkan di bawah pentadbiran Residen Inggeris pada tahun 1906, sistem pentadbiran dan perundangan Inggeris telah mula diperkenalkan. Melalui Majlis Negeri (State Council) yang ditubuhkan pada tahun 1906, beberapa Akta dan Undang-undang baru telah diperkenalkan sesuai dengan corak pentadbiran Inggeris di Brunei.<sup>98</sup>

---

<sup>95</sup> Teks Inggeris: "*Brunei-Great Britain Agreement 1888: Title – AGREEMENT between Her Majesty's Government and the Sultan Of Brunei for the establishment of a British Protectorate over the State of Brunei.*"

<sup>96</sup> Hj Muhammad Abd Latif, Latar Belakang Islam Di Brunei" Dalam Jurnal Darussalam Bil 1 1992, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah. ms 131, WJ Peel, "Annual Report On Brunei For The Year 1946", British Residence Office, Bandar Brunei 1948 ms 80-81

<sup>97</sup> "*His Highness will receive a British Officers to be styled Resident...The Resident will be the Agent and Representative of His Britannic Majesty's Government under the High Commissioner for the British Protectorate in Borneo, and his advice must be taken and acted upon on all questions in Brunei other than those affecting the Mohammedan religion.* Peel Annual Report on Brunei ms 82

<sup>98</sup> Op. cit, Mahmud Saedon Othman, ms 28



Kesan Perjanjian 1888 dan penerimaan pentadbiran residen Inggeris 1906 itu, mula disedari boleh menggugat undang-undang adat dan kedudukan hukum syarak, disebabkan itu, kerajaan Brunei mengemukakan beberapa tuntutan pada 2 Julai 1906 kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris ke Borneo. Antara tuntutan itu ialah:

1. Kathi Brunei dibenarkan duduk bersama Residen untuk mendengar semua kes.<sup>99</sup>  
Tuntutan ini bagaimanapun ditolak oleh McArthur (Residen Inggeris pertama 1906-1908) dengan alasan Kerajaan British telah berjanji untuk tidak campur tangan hal-hal yang berhubung dengan kesalahan-kesalahan agama kerana untuk menjamin kedudukan hakim (syariah). Banyak kesalahan-kesalahan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang Islam daripada kesalahan membunuh hingga kepada kesalahan gagal menyempurnakan urusan agama. Beliau mencadangkan hendaklah dinyatakan peruntukan untuk perbicaraan yang bercanggah dengan undang-undang Islam oleh kathi-kathi yang dilantik oleh Sultan. Akan tetapi kerajaan (residen) tidak berniat untuk meminta pertolongan hakim-hakim tempatan (Brunei) untuk membicarakan kesalahan-kesalahan tersebut.<sup>100</sup>
2. Undang-undang adat dan undang-undang tempatan tidak dirombak, dipinda dan dilanggar selama-lamanya.<sup>101</sup> Residen membalas tuntutan ini dengan menyatakan kesemua negara dari masa ke semasa menghapus dan menyamak kembali perundangannya kerana tujuan utamanya ialah mengemaskinikan hukum adat.<sup>102</sup>

Bagaimanapun ekoran daripada tuntutan itu, pada tahun 1908, beberapa akta dan undang-undang baru telah diperkenalkan<sup>103</sup> termasuklah penubuhan sebuah Mahkamah

---

<sup>99</sup> yang dimaksudkan ialah bidangkuasa mendengar di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Awam seperti Perjanjian pada tahun 1856.

<sup>100</sup> A.V.M Horton,(1980), *Brunei 1906-1959 A Sultanate Regenerated* , Hull City: University of Hull, (revised Edition) ms 157

<sup>101</sup> Op.cit , Mahmud Saedon Othman, ms 28

<sup>102</sup> Ibid, A.V.M Horton P, 158, Mahmud Saedon Othman, ms 28

<sup>103</sup> Prof Mahmud Saedon menyatakan undang-undang yang dibawa dan diperkenalkan oleh Inggeris yang dikatakan undang-undang Brunei (Brunei Of Laws) adalah berdasarkan undang-undang Inggeris yang diamalkan dan berkuat kuasa di Brunei Darussalam.

Kathi bersama dengan penubuhan Mahkamah Sivil. Bidang kuasa Mahkamah Kathi telah dihadkan bagi menyelesaikan masalah orang Islam sahaja, sementara Mahkamah Sivil diberi bidang kuasa yang lebih luas dengan tertubuhnya Hakim-Hakim Mahkamah Kelas Pertama, Kedua dan Ketiga.<sup>104</sup> Keadaan Mahkamah Kathi yang terhad dan kegagalan tuntutan tersebut ada disebutkan oleh A.V.M Horton berbunyi:

*“Religious cases, on the other hand, remained the province of kathi (Islamic judge). Muhammadan law was defined rather more narrowly than some leading Malays preferred: in 1906 they presented a petition to the High Commissioner, but it was rejected.”*<sup>105</sup>

#### **b. Penguatkuasaan Jenayah Islam di zaman Residen Inggeris**

Apabila Brunei menerima Residen Inggeris pada tahun 1906. Tanpa disedari Inggeris telah melampaui bidangnya untuk tidak mencampuri hal ehwal agama Islam. Inggeris telah memperkenalkan beberapa undang-undang termasuk Muhammadan Law Enactment pada tahun 1912. Campurtangan Inggeris dalam urusan agama Islam, dapat di lihat dari sudut tujuan Enakmen 1912 itu digubal. Pada permulaan Enakmen tersebut menyatakan:

*“An Enactment to provide for the punishment of certain offenders by Muhammadans”*.<sup>106</sup>

Seperkara lagi di era residen Inggeris ini, kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen 1912 itu tidak lagi mengikut acuan yang sebenar, ia telah diubahsuai mengikut perundangan ala British. Ini bererti, sistem keadilan jenayah secara tradisi tidak dapat dipertahankan. Hanya sebahagian kecil kesalahan-kesalahan jenayah Islam diperuntukkan dalam Enakmen 1912.

---

<sup>104</sup> Horton. A.V.M (1985), *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-1959 A sultanate Regenerated*, Thesis Of Doctor Philosophy in South East Asian Studies. England :University of Hull , ms 145-146

<sup>105</sup> A.V.M Horton British (1986) *Administrrration In Brunei 1906-1959*, Hull City :University Of Hull : ms 364

<sup>106</sup> Muhammadan Laws, Enactment No 1 of 1912

Walaupun terdapat beberapa peruntukan kesalahan jenayah Islam di dalam Enakmen 1912, tidak semua kesalahan di dalamnya dibicarakan di Mahkamah Kathi kerana terdapat beberapa kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Majistret. Md Zain Seruddin menjelaskan terdapat dua-belas kesalahan-kesalahan dalam Enakmen 1912. Beliau membahagikan kesalahan-kesalahan itu kepada dua bahagian iaitu kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Kathi dan di Mahkamah Majistret. Bagi Mahkamah Kathi, diperuntukkan enam kesalahan iaitu Bab 3 tidak hadir ke masjid (sembahyang Jumaat), Bab 8 memutuskan ikatan perkahwinan, Bab 9 menghasut supaya tali pertunangan diputuskan, Bab 11 isteri yang tidak taat, Bab 12 tidak membayar nafkah kepada tanggungan dan bab 14 tinggal bersekedudukan lelaki dan perempuan tanpa nikah yang sah. Sementara kesalahan-kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Majistret sebanyak enam kesalahan iaitu Bab 4 memujuk anak dara dari penjaga Bab 5 anak dara yang lari dari penjaga yang sah Bab 6 persetubuhan haram dengan isteri orang, Bab 7 sumbang mahram, Bab 10 mengajar agama tanpa kebenaran dan Bab 13 perempuan yang menjadi pelacur.<sup>107</sup> Beliau menyifatkan kuasa-kuasa yang diberikan Enakmen 1912 ini sebenarnya telah melanggar perjanjian yang termeterai pada tahun 1906 supaya tidak mencampuri urusan berkaitan dengan agama Islam. Apa yang dilakukan oleh Inggeris ini tambah beliau lagi, disifatkan sebagai pemansuhan kepada peraturan-peraturan yang terkandung dalam HKB dengan memberi perbandingan di antara Fasal 41 HKB mengenai hukuman berzina dengan Bab 6 Enakmen mengenai kesalahan persetubuhan haram di mana hukumannya ialah penjara satu tahun dan denda \$250.00 bagi lelaki dan penjara 6 bulan bagi perempuan.<sup>108</sup> Dengan pindaan dan pemansuhan sistem keadilan ini dengan jelas merubah sistem yang sedia ada kepada perundangan yang *adil* menurut pandangan Inggeris. Ini bererti peruntukan-peruntukan

---

<sup>107</sup> Mat Zain Serudin, (Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Datu Seri Setia Ustaz Dr) (1996), *Brunei Sebuah Negara Islam: Latarbelakang Keislamannya*. BSB: Akademi Pengajian Brunei UBD, m.s 200

<sup>108</sup> Ibid, m.s 201

mengenai dengan undang-undang had dan qisas tidak lagi menjadi sebahagian bidangkuasa jenayah Islam di Brunei.

Dari segi penguatkuasaan kesalahan jenayah dalam Enakmen 1912 pada zaman residen Inggeris tidak dapat dipastikan sejauhmana penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam itu dikuatkuasakan, disebabkan beberapa faktor berikut:

1. Pentadbiran agama dan mahkamah keadilan tidak ditadbir dengan sempurna. Mahkamah Kathi pada ketika itu terhad bidangkuasanya, pembantu mahkamah dan pra sarana tidak disediakan. Status Mahkamah Kathi adalah rendah dibanding dengan Mahkamah Awam yang ditubuh oleh Inggeris. Mahkamah Kathi diletakkan dalam kelas kedua selepas mahkamah awam. Perkembangannya hanya melibatkan pelantikan seorang kathi pada tahun 1913 iaitu Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hassanudin sehingga tahun 1940.<sup>109</sup> Keadaan mahkamah Kathi ketika itu bukanlah sebuah institusi mahkamah seperti yang wujud pada hari ini, ianya hanya dipertanggungjawabkan kepada individu perseorangan. Dengan ketiadaan mahkamah yang formal, apatah lagi untuk mewujudkan institusi penguatkuasa agama satu perkara yang boleh dijangkakan. Tidak ada sebarang bukti setakat ini yang menyokong kewujudan penguatkuasa agama pada era ini sama ada secara formal atau tidak formal.

2. Sebarang penghakiman di Mahkamah Kathi pada ketika itu tidak ada sebarang laporan bertulis sama ada dibuat oleh penulisan tempatan atau pengkaji-pengkaji luar terutama orang-orang Inggeris. Meskipun jawatan Kathi masih berjalan secara tradisi namun perbicaraan mengenai penguatkuasaan kesalahan jenayah dalam Muhammadan Law Enactment 1912 tidak pernah dilaporkan. Ini berbeza keadaan di Mahkamah Sivil

---

<sup>109</sup> Douglas F.W (1914) , *Annual Report On The State Of Brunei for the year 1913*, Singapore: Government Printing Singapore. ms 8

di mana penguatkuasaan kesalahan jenayah dilaporkan dalam *Annual Report State Of Brunei* dengan terperinci dan tersusun dari tahun 1906 hingga 1959.<sup>110</sup>

3. Pasukan polis yang ditubuhkan pada tahun 1906 adalah anggota-anggota dipinjam dari Negeri-Negeri Selat. Mereka hanya terlibat dengan hal ehwal keselamatan dan percukaian dan tidak terlibat dengan Mahkamah Kathi.<sup>111</sup>

Ternyata daripada kenyataan di atas pentadbiran agama termasuk penguatkuasaan jenayah syariah tidak dikendalikan dengan baik di zaman Residen Inggeris disebabkan dasar tidak campurtangan mengenai hal ehwal agama Islam. Dalam tulisan Hj Metassim Hj Jibah ada menyebutkan antara peranan yang dimainkan oleh Inggeris, perhatian lebih tertumpu kepada sektor pentadbiran awam dan penyusunan pentadbiran kerajaan terutama agensi yang berpotensi menjana pendapatan seperti percukaian tanah dan kastam. Tidak dapat dinafikan langkah Inggeris ini mendatangkan kebaikan, kerana Brunei ketika itu adalah negeri yang muflis.<sup>112</sup>

Peranan Menteri-menteri agama tidak jelas secara langsung menguatkuasakan undang-undang jenayah kecuali perhatian diberikan dalam bidang pengajaran ilmu-ilmu agama yang masih diajarkan di *balai-balai raya*<sup>113</sup> di kampung Ayer.<sup>114</sup> Bidangkuasa institusi kehakiman ketika itu terhad kepada perkara-perkara sivil sahaja seperti nikah kahwin dan pewarisan, penulis berpendapat peruntukan undang-undang jenayah dalam

---

<sup>110</sup> *Annual Report On The State Of Brunei* itu boleh didapati di Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium Brunei. Report ini disediakan oleh Residen Inggeris pada setiap tahun kecuali semasa berlaku peperangan Jepun 1941-1945

<sup>111</sup> McArthur M.S.H (1907), *Annual Report On The State Of Brunei for the year 1906*, Bandar Brunei: British Resident Office. ms 17, <http://www.polis.gov.bn/history.htm>, 22 April 2010

<sup>112</sup> Awang Haji Matassim bin Haji Jibah (2004) *Dokumentasi*, Bandar Seri Begawan :Pusat Sejarah Brunei, ms 182, *Kertas Kerja Seminar Hari Kebangsaan 2004 "Politik, Pentadbiran Dan Wawasan: Perlaksanaan Dan Hala Tuju"* oleh Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, <http://www.bruneiresources.com/speeches/politik.html>, 22 April 2010

<sup>113</sup> Di Malaysia dikenali sebagai pondok sementara di Indonesia sebagai pesantren

<sup>114</sup> Simar Angas (1992), *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan Jabatan Muzium Brunei, ms 15

Muhammadan Law tidak dikuatkuasakan kerana laporan kes penguatkuasaannya tidak didapati atau hakim-hakim tidak terbiasa dengan perundangan Muhammadan Law 1912 yang diperkenalkan British. Kekaburan fakta ini mungkin juga disebabkan catatan *Pehin-Pehin* yang mengendalikan kes itu musnah disebabkan kebakaran<sup>115</sup> dan peperangan.<sup>116</sup>

Selepas peperangan Jepun berakhir, pentadbiran agama Islam mula berkembang dengan baik. Pada tahun 1948 ditubuhkan Penasihat Jemaah Syariah yang dipengerusikan Sultan Omar Ali Saifuddin III selaku Pengiran Bendahara semasa zaman Sultan Ahmad Tajdid.<sup>117</sup> Jawatankuasa inilah permulaan kepada kewujudan perundangan Islam moden ala British iaitu Enakmen Adat Istiadat Dan Mahkamah-Mahkamah Kathi 1955 menggantikan Muhammadan Law Enactment 1912 dan Marriage Enactment 1913.

### **2.2.3 Zaman Pra Merdeka 1955-1984**

Zaman ini dianggap sebagai pentadbiran agama era moden. Ia bermula dari tahun 1955 sehingga kemerdekaan Brunei 1984. Enakmen Adat Istiadat Dan Mahkamah Kathi 1955 dikenali juga sebagai Undang-Undang No 20 1955, Selepas ini digelar Enakmen 1955 mula diperkenalkan.<sup>118</sup> Enakmen ini diambil dari Negeri Kelantan dan disesuaikan dengan keadaan di Brunei.<sup>119</sup>

---

<sup>115</sup> op cit, Simar Angas, ms 19, Kemungkinan ini ada benarnya sebagaimana terdapat dalam buku tokoh agama seorang Kathi bernama Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hassanuddin (1879-1939) semasa pendudukan Jepun (1941- 45 Masehi) telah berlaku satu kebakaran dan menyebabkan kesemua khazanah tulisannya musnah .

<sup>116</sup> Ibid, ms 37 Dalam kejadian yang lain yang menimpa kepada Marbut Awang Tunggal Bin Chuchu (1880-1945) ketika pendudukan Jepun hampir berakhir pada tahun 1945, tentera bersekutu yang berusaha menawan kembali Brunei, telah membuat serangan pengeboman berterusan di Pekan Brunei. Serangan-serangan ini banyak memusnahkan bangunan-bangunan dan rumah-rumah di sekitar pekan Brunei . Antara yang musnah ialah Masjid Pekan Brunei dan rumahnya sendiri.

<sup>117</sup> Op cit, ms 12-13

<sup>118</sup> Bagaimanapun Enakmen ini masih dibayangi oleh Residen Inggeris, J.O Gilbert pada tahun 1955 meluluskan Enakmen berkenaan

<sup>119</sup> Op. Cit, Mat Zain Serudin, ms 210

## Penubuhan Pentadbiran Agama Islam

Sebelum Enakmen 1955 diwujudkan, pentadbiran agama mula tersusun dengan tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat Dan Kebajikan pada 1hb Julai 1954. Cadangan mewujudkan jabatan ini adalah hasil perbincangan dalam Majlis Penasihat Ugama Islam Tahun 1948. Kemudian Pada tahun 1959, Jabatan ini ditukar namanya menjadi Jabatan Hal Ehwal Ugama (JHEU) sementara Adat Istiadat dan Kebajikan masing-masing menjadi dua institusi yang berasingan.<sup>120</sup> Berikutan dengan ini, satu pindaan Enakmen 1955 pada tahun 1960 untuk memisahkan pentadbiran hal ehwal istiadat dan ugama. Setelah itu pentadbiran harian ditadbir oleh JHEU sementara Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan pada tahun 1955<sup>121</sup> menjadi sebahagian JHEU yang menyentuh perkara-perkara dasar, Undang-undang dan kehakiman.<sup>122</sup> Di samping itu pentadbiran menteri-menteri ugama secara tradisi dikekalkan yang terdiri dari *Pehin-Pehin Manteri ugama* dan *mudim-mudim* (pembesar ugama) menjadi sebahagian dari pegawai-pegawai yang di bawah kuasa pentadbiran JHEU.<sup>123</sup>

Penguatkuasa agama (Merinyu) pada ketika itu di bawah Bahagian Penyiasatan yang diketuai oleh Ketua Merinyu Ugama. Bahagian Penyiasatan mempunyai dua unit kecil a. pendakwaan dan perbicaraan b. Tangkapan-tangkapan.<sup>124</sup> Sementara Mahkamah kadi terletak di dalam Bahagian Kadi, JHEU<sup>125</sup>

Sejak Enakmen 1955 dikuatkuasakan pada 1 Jan 1956 pegawai-pegawai mahkamah yang bertindak selaku pendakwa, dan pegawai penyiasat dijalankan oleh pegawai-pegawai polis, sehinggalah dalam tahun 1960an Kerajaan KDYMM telah melantik

---

<sup>120</sup> Yahya Ibrahim, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia (2000), *Sejarah Dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiah, ms 13

<sup>121</sup> Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (1986) Bandar Seri Begawan: KHEU, ms 6

<sup>122</sup> Op. cit, Yahya Ibrahim, ms 14

<sup>123</sup> Ibid, ms 14

<sup>124</sup> Rajah Susunan Pentadbiran JHEU NBD

<sup>125</sup> Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (1986), BSB: KHEU ms 8.

beberapa pegawai pendakwa dan pegawai penyiasat untuk membantu mahkamah dalam kes-kes jenayah agama.<sup>126</sup> Beberapa jawatan Penguatkuasa agama ketika itu dikenali sebagai Ketua Merinyu Hal Ehwal Ugama (KMHEU), Merinyu Kanan Hal Ehwal Ugama (MKMHEU) Dan Merinyu Hal Ehwal Ugama (MHEU).<sup>127</sup>

Ketiadaan merinyu agama (penguatkuasa agama) sebelum tahun 60 an menarik perhatian ahli MMN (Majlis Mesyuarat Negeri). Kebimbangan mereka berkenaan dengan isu penjualan minuman arak di Negara Brunei Darussalam. Pada 8 Okt 1958 Pengiran Shahbandar Hj Mohammed Salleh di dalam MMN pernah mencadangkan supaya arak tidak dijual seperti barang-barang keperluan lain tetapi tidak ada tindakan diambil oleh Resident Inggeris ketika itu kemudian Residen menjemput Pengiran Pemanca dan Pengiran Shahbandar untuk membincangkan masalah tersebut.<sup>128</sup> Selepas perbincangan itu surat keliling diedarkan oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam untuk mengiklankan jawatan pendakwa.<sup>129</sup> Di akhir tahun 1959 Pesuruhjaya Polis ketika itu K.S. Leston Smith memberi kerjasama bagi melepaskan pegawainya menjadi pendakwa di Mahkamah Kathi.<sup>130</sup>

Berdasarkan temubual penulis dengan Tuan Hj Sawas penangkapan dilakukan pada masa itu hanyalah berdasarkan laporan orang ramai dan tidak dijalankan rondaan<sup>131</sup> disebabkan merinyu ugama tidak mempunyai anggota yang mencukupi yang hanya

---

<sup>126</sup> Hj Sawas Hj Jebat (2005) Peranan Pendakwa, Dalam “ *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam*”, Bandar Seri Begawan: Jabatan Kehakiman Negara, ms 162

<sup>127</sup> Ibid , Hj Sawas Hj Jebat , ms 162, Pegawai-pegawai yang dikenalpasti ialah Allayarham Dato Seri Laila Jasa Pengiran Haji Abas Bin Pg Hj Aliuddin, Allayarham Abu Bakar Bin Chucu, Pg Hj Zainal Bin Pg Hj Mohd Yassin, Hj Tamin Bin Hj Tahamit Dan Hj Mustafa Bin Hj Ahmad

<sup>128</sup> BRO AP.01/786/58 No 1 sumber didapati dari Arkib Negara Jabatan Muzium Brunei

<sup>129</sup> SCRWO, 11/1954 memorandum : secretary to Religious council to secretary to Resident Brunei 18<sup>th</sup> March 1959

<sup>130</sup> BPC.1/7 Memorandum : Chief Police Officer to Religious secretary state customs & Religious Affairs Department 21th July 1959.

<sup>131</sup> Hj Sawas Hj Jebat, Bekas Ketua Bahagian Pendakwaan dan Penyiasatan JHES . Temubual pada 7 Februari 2009 – telah kembali ke rahmatullah dalam bulan Oktober 2009



terdiri dari beberapa orang sahaja di awal penubuhannya.<sup>132</sup> Namun begitu terdapat beberapa kesalahan yang dihadapkan ke Mahkamah kadi seperti persetubuhan haram, khalwat, minuman yang memabukkan, tidak berpuasa di bulan Ramadan dan tidak bersembahyang Jumaat. Berdasarkan statistik dari tahun 1962 hingga 1967, kesalahan persetubuhan haram menunjukkan jumlah kes yang paling tinggi iaitu sebanyak 184 sementara kes tidak berpuasa di bulan Ramadan menunjukkan kes yang paling sedikit iaitu sebanyak 8 kes.<sup>133</sup>

**Jadual 1: Perbicaraan Di Mahkamah Kadi (1962-1967)**

No	Perkara	1962	1963	1964	1965	1966	1967	Jumlah
1.	Persetubuhan haram	15	22	17	38	56	36	184
2.	Khalwat	-	5	3	45	14	6	73
3.	Minuman yang memabukkan	4	19	7	28	17	7	82
4.	Tidak bersembahyang Jumaat.	3	11	1	6	12	-	33
5.	Tidak berpuasa di bulan Ramadan	-	-	1	7	-	-	8

Sumber: dipetik dari *Ugama Islam Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959*<sup>134</sup>

Menurut Tuan Hj Sawas lagi, di dalam melakukan tugas, merinyu ugama menghadapi banyak cabaran antaranya melibatkan orang-orang tertentu dan isu-isu perkauman. Bagi mengatasi masalah tersebut kebijaksanaan dan keberanian perlu ada di setiap penguatkuasa. Beliau juga menyebut tentang kelemahan-kelemahan merinyu ugama pada ketika itu antaranya kekurangan staf, kemudahan yang tidak mencukupi, dan

<sup>132</sup> Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (1986), BSB: KHEU, ms 162

<sup>133</sup> Pg Muhammad Bin Pg Abd Rahman (1997) *Ugama Islam Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, B.S.Begawan: Institut Pengajian Islam, m.s 538

<sup>134</sup> Ibid, Pg Muhammad Bin Pg Abd Rahman, m.s 538

kemahiran memahami undang-undang prosedur.<sup>135</sup> Pada tahun 70 an beberapa kesalahan telah dihadapkan ke mahkamah seperti persetubuhan haram, berkhawat, minum minuman yang memabukkan dan makan siang hari dalam bulan puasa.<sup>136</sup>

Di awal tahun 80 an keanggotaan Merinyu Ugama seluruh negara bertambah seramai 48 orang yang terdiri dari 2 orang ketua merinyu, 16 merinyu kanan dan 30 merinyu ugama yang ditempatkan di empat-empat daerah.<sup>137</sup>

**Jadual 2: Jumlah anggota di awal 80an (sebelum merdeka tahun 1984)**

DAERAH- DAERAH	KETUA MERINYU	MERINYU KANAN	MERINYU UGAMA	JUMLAH
Brunei Muara	1	10	16	27
Belait	1	3	5	9
Tutong	-	2	5	7
Temburong	-	1	4	5
Jumlah Keseluruhan	2	16	30	48

Sumber: dipetik dari *Kursus Pegawai-Pegawai Bahagian I, II Dan Sebahagian Pegawai-Pegawai Bahagian III*<sup>138</sup>

#### 2.2.4 Zaman Selepas Merdeka 1984-2008

Zaman ini adalah zaman mengislamkan Undang-undang. Apabila termeterainya Perlembagaan 1959, berakhirlah sudah perjanjian pentadbiran kerajaan yang dikendalikan oleh Residen Inggeris (1906-1959). Pembentukan perlembagaan 1959 itu adalah langkah permulaan Brunei membentuk era kemerdekaan pada tahun 1984 dari naungan Inggeris. Pentadbiran Agama pada zaman selepas merdeka semakin tersusun dengan penaiktarafan JHEU menjadi sebuah Kementerian dalam kerajaan Baginda

<sup>135</sup> Op. cit, Temu bual dengan Hj Sawas bin Hj Jebat

<sup>136</sup> Ibid, Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama 1971, 1974 dan 1976

<sup>137</sup> Kursus pegawai-pegawai bahagian I, II dan sebahagian pegawai-pegawai Bahagian III dan IV , ceramah mengenai pendakwaan penyiasatan dan penangkapan oleh Dato seri setia Hj Abd Salam B. Abd Razak dan Awg Hj Sawas bin Hj Jebat (tt)

<sup>138</sup> Ibid

KDYMM pada 21 Oktober 1986.<sup>139</sup> Dalam struktur 1986 itu penguatkuasa agama diletakkan di Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syara'iah (JHES). Sementara Mahkamah Kathi diletakkan di bawah Bahagian Mahkamah dan Masjid JHES.<sup>140</sup>

Perlu juga dinyatakan di sini, mengenai perkembangan undang-undang Islam atau yang berhubung dengannya selepas merdeka untuk memberi gambaran jelas ruang lingkup perbincangan di bab yang seterusnya. Terdapat kemajuan-kemajuan positif ke arah membangunkan dan memartabatkan perundangan Islam selepas merdeka antaranya:

- a. Penubuhan jawatankuasa penyelarasan undang-undang. Peranan Jawatankuasa ini adalah untuk mengemaskinikan undang-undang Brunei yang berkuatkuasa supaya bertepatan dengan kehendak Hukum Syarak. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada 4hb Julai 1980, ahli-ahlinya terdiri dari Mufti Kerajaan, Kadi Besar, Timbalan Mufti dan 2 orang penasihat undang-undang dari Pejabat Peguam Negara. Kemudian pada tahun 1995 jawatankuasa ini distruktur semula terdiri dari Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, 2 orang pakar perundangan Islam dan wakil peguam negara. Di tahun yang sama iaitu tahun 1995 ditubuhkan satu lagi jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penggubal Undang-Undang Keluarga yang bertujuan menggubal undang-undang untuk Mahkamah Syariah termasuk Akta Mahkamah Syariah, undang-undang keterangan, keluarga Islam dan pengangkatan kanak-kanak.
- b. Penubuhan Unit Perundangan Islam (UPI): Memandangkan penggubalan undang-undang ini memerlukan organisasi yang teratur, pada tahun 1997 ditubuhkan unit perundangan Islam bertaraf jabatan yang bertujuan mendukung cita-cita dan hasrat KDYMM untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Tertinggi Syariah dan

---

<sup>139</sup> Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (1986), BSB: KHEU ,ms 9

<sup>140</sup> Ibid, ms 15

mengemaskinikan perundangan dan struktur kehakiman syariah.<sup>141</sup> Antara peranan unit ini ialah menjadi urusetia kepada dua jawatankuasa yang disebutkan di para a. di atas. Hasil daripada tertubuhnya jawatankuasa-jawatankuasa itu dibantu lagi dengan pegawai-pegawai di Unit Perundangan Islam sehingga lahirnya beberapa undang-undang iaitu Akta Daging Halal (Penggala 183) dan Aturan-Aturan Daging Halal 1999, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggala 184) dan Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syarie) 2002, Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam)1999 dan Aturan-Aturan Undang-Undang Keluarga Islam 2002, Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam 2001 Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan Perintah Acara Mal Mahkamah Syariah 2005.<sup>142</sup>

c. Penubuhan Mahkamah Syariah: Dengan berkuatkuasanya Perintah Darurat Mahkamah-mahkamah Syariah Penggala 184 pada 26 Mac 2001. Mahkamah Kadi menjadi Mahkamah Syariah dan dinaik taraf skim jawatannya. Mahkamah Syariah juga mempunyai bangunan yang baharu. Dari segi pentadbirannya Mahkamah Syariah bukan lagi sebahagian di dalam struktur JHES tetapi diletakkan Di Jabatan Kehakiman, Jabatan Perdana Menteri pada 1 Mei 2002. Satu perkembangan yang positif ke arah menyatukan perundangan Brunei ialah pentadbiran kedua-dua Mahkamah Syariah dan sivil di bawah Jabatan Kehakiman Negara pada 1 Julai 2002<sup>143</sup>

d. Dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah Penggala 184 itu juga jawatan Merinyu Hal Ehwal Ugama disebut sebagai Penguatkuasa Agama. Dari segi

---

<sup>141</sup> Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

<sup>142</sup> ibid

<sup>143</sup> Salim Besar (Yang Arif Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Hj), (2005) *Perkembangan kehakiman dan Mahkamah Syariah di Brunei sejak tahun 1955 hingga sekarang* dalam "sejarah penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam". Bandar Seri Begawan: Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri. ms 149

pentadbiran, Bahagian Penyiataan dan Pendakwaan<sup>144</sup> menjadi Bahagian Penguatkuasa Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.<sup>145</sup> Bahagian Pendakwaan Syar'ie kemudiannya telah mengalami perubahan struktur pentadbiran dan telah diletakkan di bawah Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei dengan berkuatkuasanya Penggal 184 pada 26 Mac 2001.<sup>146</sup>

Era selepas merdeka ini boleh dikatakan era mengislamkan undang-undang Brunei. Usaha dan komitmen kerajaan itu jelas dengan tindakan kerajaan mengharamkan penjualan arak dan kemasukannya secara terhad di Brunei. Pengharaman ini dijalankan secara berperingkat. Peringkat pertama pengharaman dihidangkan di penerbangan Royal Brunei Airlines mulai pada 30 November 1988, peringkat kedua pengharaman kepada kelab-kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis yang berkuatkuasa mulai 31 Julai 1990. Peringkat terakhir ialah pengharaman secara keseluruhan iaitu menegah kemasukan arak ke Negara Brunei Darussalam yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 1991.

### **2.3 Kesimpulan**

Undang-undang Islam dan Adat adalah undang-undang tempatan bagi Negara Brunei Darussalam pada zaman kesultanan Raja-Raja Brunei di abad ke 16 hingga ke 19. Pentadbiran negara berdasarkan Hukum Kanun dan adat sebagai peraturan yang mengawal sistem pentadbiran dan kehakiman negara. Penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam pada zaman ini diterajui oleh Sultan, *wazir-wazir* dan *Cheteria-cheteria* dibantu oleh ahli-ahli agama. Penguatkuasaan juga terlaksana dengan adanya sistem *patih* negara yang menjaga keselamatan dan kestabilan agama dan adat di Brunei. Keadaan ini berubah apabila Residen Inggeris mentadbir negara bermula pada tahun

---

<sup>144</sup> Laporan Tahunan KHEU 1999-2000

<sup>145</sup> Laporan Tahunan KHEU 2001 -2002 ms 59

<sup>146</sup> Manual Prosedur Kerja Bahagian Pendakwaan, Unit Perundangan Islam 2006

1906 hingga 1959. Dasar tidak campur-tangan Residen Inggeris kepada perkembangan hal ehwal ugama termasuk penguatkuasaan undang-undang meninggalkan sistem keadilan jenayah Islam terkebelakang dibandingkan dengan sistem keadilan jenayah Awam (Sivil) yang dibantu oleh Pasukan Polis untuk melaksanakan dasar dan penguatkuasaan sesuatu undang-undang. Dasar Inggeris tidak campur tangan dalam perkembangan hal ehwal ugama sebenarnya hanya untuk kepentingan Inggeris, dari satu sudut ia telah mencampuri urusan pentadbiran ugama di Brunei di mana mencorakkan perundangan Brunei dengan sistem perundangan Islam dalam tafsirannya yang sempit. Begitu juga dalam meluluskan sesuatu perundangan termasuk statut perundangan Islam diluluskan oleh Residen Inggeris. Bermula dari situ, penguatkuasaan jenayah Islam hanya berkisar di kalangan orang Islam sahaja dalam bidangkuasa undang-undang diri, ibadat dan kesalahan kekeluargaan sahaja. Keadaan ini tidak berubah walaupun Residen Inggeris tidak lagi mentadbir negara dengan wujudnya Perlembagaan 1959 yang membawa Brunei ke era kemerdekaan dari naungan kerajaan Inggeris. Dari segi pentadbiran agensi penguatkuasaan semakin teratur dengan penubuhan Bahagian Pendakwaan dan Penyiasatan. Bab seterusnya akan membincangkan tentang realiti penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang jenayah di Brunei.

### **BAB III:**

## **LATARBELAKANG PENGUATKUASAAN KESALAHAN JENAYAH ISLAM DI BRUNEI MASA KINI**

### **3.0 Pendahuluan**

Penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei telah melalui pengalaman yang panjang di zaman-zaman terdahulu sebagaimana yang telah dinyatakan di bab yang kedua. Secara ringkasnya, boleh kita fahami pengalaman penguatkuasaan undang-undang Islam di Brunei berada pada zaman emasnya, berlangsung kurang lebih 300 tahun di zaman kesultanan Melayu Brunei (1500-1906). Pengalaman ini nampak berliku di zaman Residen Inggeris (1906-1959) di mana bidangkuasa undang-undang jenayah dihadkan dalam kerangka beberapa kesalahan tertentu sementara dari aspek penguatkuasaannya juga masih lagi kabur. Keadaan ini beransur pulih di akhir pemerintahan Residen Inggeris sekitar tahun 1960 an.

Persoalannya, bagaimanakah bentuk penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam masa kini di Brunei. Untuk menjelaskan persoalan itu, di dalam bab ini akan dibincangkan beberapa perkara utama, bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas berkaitan dengan penguatkuasaan agama di Brunei dari beberapa aspek iaitu berkaitan dengan:

- a. sumber undang-undang: substantif, prosedur dan amalan
- b. pihak yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang jenayah dan struktur organisasinya.
- c. peranan penguatkuasa agama, jumlah anggota dan skim perkhidmatan.
- d. Kuasa-kuasa PPA
- e. Prosedur penguatkuasaan

### **3.1 Sumber Penguatkuasaan Jenayah Syariah Di Brunei Darussalam Masa kini**

Adalah penting bagi mana-mana agensi penguatkuasa bertindak dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh undang-undang. Tujuannya ialah untuk mengelak sebarang pertikaian atau dipersoalkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sehubungan dengan itu, akan dijelaskan di dalam bab ini sumber undang-undang jenayah yang berkuatkuasa pada masa kini dan juga peraturan dan amalan yang berkaitan dengannya. Penjelasan akan tertumpu kepada beberapa undang-undang substantif, prosedur dan peraturan pentadbiran seperti nasihat Peguam Negara, Surat Keliling dan Memorandum.

#### **3.1.1 Undang-undang Jenayah Syariah Di Brunei Darussalam**

Di dalam melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah, undang-undang bagi kesalahan jenayah berhubung dengan beberapa jenis kesalahan seperti akidah, kesucian agama Islam dan institusinya, kesusilaan dan kesalahan-kesalahan umum terdapat di dalam Akta P77.<sup>147</sup> Setakat ini kesalahan-kesalahan jenayah syariah belum dimuatkan dalam undang-undang jenayah yang khusus, ia masih bercampur dengan Akta Induk (Akta P77) yang mentadbir pelbagai pentadbiran agama seperti Majlis Ugama Islam, institusi fatwa, hal ehwal masjid, wang zakat dan peruntukan-peruntukan perbelanjaan kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan *matrimonial*, ia tertakluk di bawah statut yang berasingan iaitu Perintah Undang-undang Keluarga Islam 1999.<sup>148</sup>

---

<sup>147</sup> Lampiran C

<sup>148</sup> Lampiran D



### **3.1.2 Undang-Undang Prosedur**

Dari perspektif kehakiman undang-undang prosedur adalah penting sebagai cara yang paling efisien untuk menegakkan keadilan, begitu juga dari perspektif penguatkuasaan, undang-undang prosedur sebagai cara yang mudah bagi menguatkuasakan undang-undang. Bagaimanapun sehingga kini belum ada undang-undang prosedur jenayah syariah yang lengkap. Prosedur penguatkuasaan yang diamalkan sekarang berdasarkan gabungan dua akta yang berasingan iaitu Akta P77 dan Criminal Procedure Act (Chapter 7) (selepas ini dirujuk sebagai CPC). Akta P77 pada asalnya dikenali sebagai Enakmen Majlis Ugama Dan Undang-Undang Adat Istiadat Melayu Dan Mahkamah Kathi 1955 atau dikenali sebagai Undang-undang No 20 1955. Di dalam Akta P77 terdapat peruntukan-peruntukan mengenai prosedur di peringkat pra bicara yang hanya mempunyai lima bab sahaja iaitu dari Bab 63: berhubung dengan cara memberi maklumat, Bab 64: berhubung dengan prosedur Saman dan waran dibuat, Bab: 65 berhubung dengan Penangkapan tanpa waran, Bab 66: berhubung dengan pengecualian kuasa-kuasa yang terdapat dalam CPC dan Bab 67: berhubung dengan Jaminan dan penahanan reman. Untuk menampung kekurangan Akta P77, prosedur yang terdapat CPC diguna pakai berdasarkan Bab 78 Akta P77 yang membolehkan penggunaan amalan dan tatacara dalam CPC untuk mengelakkan ketidakadilan dan penyelesaian urusan dengan mudah. Amalan menggunakan CPC ini pada asalnya berdasarkan Nasihat Peguam Negara pada tahun 1971.<sup>149</sup>

### **3.1.3 Nasihat Peguam Negara**

Pada awal penubuhan Merinyu Hal Ehwal Ugama (MHEU)<sup>150</sup> iaitu pada tahun 1960 hingga 1970, antara isu utama yang dihadapi ketika itu ialah ketiadaan undang-undang

---

<sup>149</sup> Memorandum dari Peguam Negara Kepada Pengetua Hal ehwal Ugama bertarikh 10 Disember 1971 , Ref: AG/ADV/33

<sup>150</sup> Gelaran yang digunakan untuk merujuk penguatkuasa agama sebelum Akta Mahkamah Syariah Penggal 184 dikuatkuasakan pada tahun 2001

prosedur jenayah syariah. Jika ada isu undang-undang timbul, Peguam Negara dijadikan rujukan. Amalan ini masih berterusan sehingga sekarang. Dalam hal ini, kuasa Peguam Negara bertindak berdasarkan Perkara 81 (2) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam berbunyi:

*“ (2) Peguam Negara hendaklah menasihatkan tentang segala perkara undang-undang yang berhubungkait dengan hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang dirujuk kepada oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau oleh Kerajaan. ”*<sup>151</sup>

Isu utama yang timbul di awal tahun 70 an ialah sama ada dibolehkan pemakaian prosedur yang terdapat dalam CPC. Peguam Negara pada ketika itu memberi pandangan MHEU dibolehkan menggunakan CPC kerana Bab 78 Enakmen 1955 membenarkan pemakaiannya.<sup>152</sup> Bab 78 Enakmen 1955 berbunyi:

*“78. Di-dalam Perkara2 perjalanan dan peratoran bagi perbicharaan jenayah, yang tidak di-sharatkan kerana-nya di-dalam Undang2 ini atau mana2 peratoran2 kechil yang di-buat untok-nya, Mahkamah hendak-lah memerhatikan untok kepentingan keadilan dan penyelanggaran chepat dalam perbicharaan jenayah boleh-lah memerhatikan perjalanan dan peratoran yang terdapat dalam Mahkamah2 jenayah. ”*<sup>153</sup>

Kehendak dan prinsip Bab 78 Enakmen ini masih diamalkan sehingga sekarang walaupun terdapat semakan undang-undang pada tahun 1984. Pindaan yang ketara hanya melibatkan pertukaran gelaran Enakmen menjadi Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kathi Penggal 77 (Akta P77) dan perubahan dari segi format ejaan, bagaimanapun susunan bab dan isi kandungan masih kekal dalam Bab 78 Akta atau dengan erti kata lain Bab 78 tidak dipinda dalam Akta P77, ia masih digunakan di Mahkamah Syariah termasuk MHEU .

---

<sup>151</sup> Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pindaan 8hb November 2008. Teks bahasa Inggeris “81 (2) *The Attorney General shall advise on all legal matters connected with the affairs of Brunei Darussalam referred to him by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or by the Government*”.

<sup>152</sup> Memo Peguam Negara (PN) kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama ( PHEU) : AG/ADV/33 bertarikh 10 Disember 1971 dan Memo PN kepada PHEU 13/AG/LEGN/1/11 bertarikh: 12 Mei 1973

<sup>153</sup> Teks asal Bab 78 Undang-Undang 20 1955

### **3.1.4 Surat keliling dan Memorandum**

Untuk melicinkan pentadbiran penguatkuasaan Jenayah syariah, MHEU berpandukan kepada Surat Keliling dan memorandum iaitu satu arahan dari masa ke semasa. Keduanya berkaitan dengan pelaksanaan dan langkah-langkah penguatkuasaan sama ada persoalan undang-undang dan prosedur kerja. Sebelum tahun 2000, Pendakwa Kanan Mahkamah Kathi sebagai ketua Bahagian Pendakwaan dan Penyiasatan berperanan memberi arahan kepada MHEU tentang sebarang persoalan dan arahan dari masa ke semasa.<sup>154</sup> Keadaan ini berbeza selepas tahun 2000 di mana Bahagian Pendakwaan menjadi Bahagian Pendakwaan Syarie (BPS) diletakkan pentadbirannya di Unit Perundangan Islam KHEU sementara Bahagian Penyiasatan menjadi Bahagian Penguatkuasa Agama (BPA) kekal di bawah pentadbiran JHES. Sejak dari pengasingan pentadbiran itu, BPS tidak lagi mengeluarkan surat keliling dan Memorandum mengenai proses kerja penguatkuasaan Jenayah Syariah. Pada masa sekarang arahan dan proses kerja dikeluarkan oleh Ketua Penguatkuasa Agama JHES yang di lantik dari pegawai-pegawai kanan di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

### **3.2 Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES)**

Di Brunei Darussalam, agensi yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah ialah Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang ditubuh pada 21hb Oktober 1986. Penubuhan JHES bertujuan untuk mencantumkan institusi- institusi agama yang telah wujud sebelumnya

---

<sup>154</sup> Memo Pendakwa Mahkamah Kathi (Hj Sawas Hj Jebat) kepada Ketua Merinyu (1080JUB/PMK/4/75) bertarikh 10 Jan 1983, Memo Dari Pegawai Ugama Kanan/Penyiasatan (Dato Hj Adb Salam Abd Razak) kepada MHEU (111/JUB/PPP/5/80) bertarikh 22 Disember 1983, Memo PUK (Dato Hj Salam) kepada MHEU ref : 1/JUB/BP/2/83pt.2 bertarikh 5 April 1990, Surat keliling Pegawai Ugama Kanan (Hj Sawas Hj Jebat) Bil :1/1992 bertarikh 18 Ogos 1992 dan Surat keliling Pegawai Ugama Kanan (Hj Sawas Hj Jebat) Bil: 1/1994 bertarikh 19 Oktober 1994. Semua rekod-rekod ini boleh didapati di Bahagian Penguat kuasa Agama, JHES

iaitu: a. Bahagian Mahkamah dan Masjid (1955) b. Bahagian Penyiasatan Dan Pendakwaan (1960) dan c. Pejabat Mufti Kerajaan (1962).<sup>155</sup>

Institusi-institusi ini sudah wujud sejak tertubuhnya pentadbiran agama moden yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan antara tahun 1954 hingga 1962.<sup>156</sup> Bagaimanapun pada masa sekarang institusi-institusi agama di atas menjadi tiga institusi yang berasingan, masing-masing menjadi Mahkamah Syariah di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada tahun 2000, Bahagian Pendakwaan menjadi Bahagian Pendakwaan Syarie di Unit Perundangan Islam pada tahun 2002, Bahagian Masjid menjadi sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Masjid pada tahun 1993. Bahagian Fatwa menjadi Jabatan Mufti Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Sementara Bahagian Penyiasatan kekal di bawah JHES dikenali sebagai nama baru sebagai Bahagian Penguatkuasa Agama di bawah JHES pada tahun 2002.


Peranan yang dimainkan oleh JHES begitu penting kerana ia merupakan sebagai agensi yang merealisasikan impian dan wawasan semangat keislaman orang Brunei di mana jabatan ini berfungsi sebagai pelaksana dari segi penguatkuasaan undang-undang Islam. JHES juga dianggap sebagai agensi rasmi yang mengawasi penghayatan kepada ajaran-ajaran Islam berdasarkan hukum syarak dan Perlembagaan serta Falsafah Negara: MIB (Melayu Islam Beraja). Sebagai salah sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam *amar ma'aruf nahi mungkar*, jabatan ini mempunyai objektif yang dibahagikan mengikut 3 bahagian agensi penguatkuasa iaitu a. Bahagian Penguatkuasa Agama b. Bahagian Kawalan Akidah dan c. Bahagian Kawalan Makanan Halal. (Jadual 3)

---

<sup>155</sup> Struktur JHEU 1955

<sup>156</sup> Kementerian hal Ehwal Ugama , B.S. Begawan :Pusat Dakwah Islamiah , ms 6

**Jadual 3: Organisasi JHES dan agensi-agensi penguatkuasa**



Sumber: Jabatan Hal Ehwal Syariah

### 3.2.1 Bahagian Penguatkuasaan Agama (BPA) :

Sejak penubuhannya pada tahun 1960, BPA adalah sebahagian daripada Bahagian Penyiasatan Dan Pendakwaan. Kemudian pada tahun 2002, Bahagian ini ditukar nama menjadi BPA dengan mengasingkan Bahagian Pendakwaan ke Unit Perundangan Islam dan BPA kekal menjadi sebahagian JHES. BPA berperanan sebagai agensi yang bertanggungjawab membanteras maksiat dan menguatkuasakan kesalahan-kesalahan agama berhubung dengan

- i. undang-undang moral seperti kesalahan khalwat dan persetubuhan haram
- ii. undang-undang keluarga seperti nikah tanpa kebenaran dan talak di luar mahkamah
- iii. jenayah umum seperti meminum minuman yang memabukkan dan kesalahan-kesalahan tidak membayar zakat.

Struktur organisasi BPA dipecahkan masing-masing mengikut tugas dalam unit-unit kecil iaitu Unit Pentadbiran, Unit Jenayah Umum dan Unit kekeluargaan

### 3.2.2 Bahagian Kawalan Akidah (BKA)

BKA ditubuhkan pada tahun 1991 yang dikenali sebagai Unit Istiklalat di bawah Bahagian Penyiasatan Dan Pendakwaan. Unit ini ditukar namanya pada tahun 1994 kepada Unit Kawalan Akidah Dan Syariah (UKAS) dengan mempunyai 3 orang pegawai sahaja bagi menangani perkara-perkara yang berhubungkait dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah dan pemakanan orang Islam.<sup>157</sup> Pada bulan Disember 1999 UKAS ditukar namanya menjadi BKA seperti yang ada sekarang yang khusus menangani perkara-perkara yang berhubung kait dengan akidah sahaja.<sup>158</sup> Dengan berkuatkuasa Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 (Akta P184) pada 26 Mac 2001 berdasarkan kehendak Bab 26 Akta, melantik merinyu Hal Ehwal Ugama sebagai Penguatkuasa Agama. Maka pada 01 Ogos 2001, susulan dari kuatkuasanya Akta P184 itu, Bahagian Penyiasatan Dan Pendakwaan dan BKA telah disatukan kembali yang dikenali sebagai Bahagian Penguatkuasa Agama (BPA).<sup>159</sup> Bagaimanapun setakat penulisan ini dibuat, BKA dan BPA masih lagi diasingkan dalam bahagian yang berasingan dalam struktur pentadbiran JHES. BKA mempunyai unit-unit kecil dibawahnya iaitu Unit Pentadbiran, Unit Tariqat Dan Ilmu Kerohanian, Unit Perbomohan Dan Khurafat, Unit Penyelewengan dan Perbandingan Ugama dan Unit Penyelidikan.

### 3.2.3 Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH)

Sebelum wujudnya BKMH, ia bermula dengan penubuhan Lembaga Mengeluarkan Permit Impot Halal. Memandangkan tugas-tugas Lembaga ini memerlukan komitmen

---

<sup>157</sup> Laporan tahunan 1986-1995 ms 62

<sup>158</sup> Cadangan Pembayaran Elaun Khas Pegawai-Pegawai BPA JHES ms 1

<sup>159</sup> Ibid, ms 1

penguatkuasaan yang lebih serius maka pada bulan Disember 1999 ditubuhkan BKMJ yang menjadi urusetia kepada Lembaga.

BKMJ berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab memastikan kemasukan daging-daging yang diimport bersumberkan dari pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). BKMJ juga bertanggungjawab memastikan barang gunaan atau pemakanan yang diedarkan di Negara ini adalah bersumberkan dari bahan-bahan yang suci lagi halal.<sup>160</sup> BKMJ mempunyai unit-unit kecil dibawahnya iaitu Unit Pentadbiran, Unit Tempatan, Unit Impot-Ekspot Dan Unit Perisikan. Undang-undang yang dikendalikan oleh BKMJ ialah Akta Daging Halal Penggal 183 yang dikuatkuasakan pada tahun 1998 dan Perintah Sijil Halal Dan Tanda Halal 2005. Bagaimanapun pendakwaan kesalahan bagi dua statut ini dihadapkan ke Mahkamah Sivil. Oleh kerana itu perbincangan mengenai hal ehwal pemakanan halal tidak akan dijadikan isu perbincangan yang utama dalam kajian ini.

Tiga komponen di bawah JHES ini (BPA, BKA dan BKMJ) adalah bertanggungjawab dalam bidangkuasa menguatkuasa kesalahan-kesalahan dalam undang-undang Islam sahaja. Meskipun begitu agensi-agensi lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja dan Jabatan Bandaran turut bekerjasama membantu penguatkuasa agama menjalankan tugas. Dengan adanya kerjasama ini kegiatan jenayah yang tidak termasuk dalam bidangkuasa penguatkuasa agama dapat dibanteras seperti pelacuran, rompakan, rogol, penyeludupan minuman keras dan hal-hal yang menyalahi agama. Kerjasama ini jelas apabila satu operasi bersepadu dijalankan melibatkan penguatkuasa agama dan agensi-agensi tersebut.

---

<sup>160</sup> Laporan Tahunan 1999-2000 BSB KHEU ms 81

Kerjasama ini diperkuatkan lagi apabila ditubuhkan Jawatankuasa Penguatkuasa Undang-Undang Jenayah (JKPU) kini dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) di dalam bahasa Inggeris disebut National Security Committee yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Polis. JKN ini terdiri dari (selain daripada JHES) ialah wakil-wakil dari beberapa agensi iaitu PPDB, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buroh dan Jabatan Pengangkutan Darat.<sup>161</sup>

### **3.3 Penguatkuasa Agama: Peranan, Jumlah Anggota Dan Skim Perkhidmatan**

Secara umumnya PPA adalah sama peranannya seperti polis dalam konteks pelaksanaan undang-undang jenayah. Peranan PPA menerima dan menguruskan maklumat orang awam, membuat risikan terhadap maklumat-maklumat yang diterima, mengambil tindakan terhadap maklumat-maklumat, mengadakan operasi membanteras Jenayah Syariah, menyerahkan saman dan melaksanakan waran tangkap dan menjadi saksi di mahkamah.

Pada tahun 2009 BPA mempunyai 59 orang pegawai dan kakitangan di seluruh negara, sebahagian besar ditempatkan di cawangan utama di Bandar Seri Begawan dan selebihnya diagih-agihkan di tiga cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong. Pemilihan PPA dipilih daripada penjawat Awam begitu juga pemilihan Pegawai-pegawai kanan dari penjawat Awam untuk mengetuai BPA. Bagi tugas-tugas penguatkuasaan beberapa jawatan khusus diwujudkan sejak tahun 70an lagi iaitu Penolong Pegawai Penyiasat (3P), Ketua Merinyu Hal Ehwal Ugama (KMHEU) ,

---

<sup>161</sup> Surat PPDB AD 13/CIC/34/34/1 (SR) Vol.10 bertarikh 07 Disember 2006



Merinyu Kanan Hal Ehwal Ugama (MKHEU) dan Merinyu Hal Ehwal Ugama (MHEU). Lantikan sebagai seorang Merinyu di awal penubuhannya berdasarkan Bab 65 Akta P77. Kemudian dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah Penggal 184 pada tahun 2001 kuasa lantikan diberikan oleh Bab 26 yang dikenali sebagai Penguatkuasa Agama. Meskipun perubahan nama ini berlaku tetapi PPA tidak mempunyai skim perkhidmatan penguatkuasa yang baru berbanding dengan skim perkhidmatan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah dan Pendakwa Syarie dan Bahagian Pendakwaan walaupun cadangan itu pernah dicadangkan oleh *Task Force* Jawatankuasa Pelaksana Perintah Darurat Mahkamah-Mahkamah penubuhan Mahkamah Syariah pada tahun 2001 antaranya menghendaki diwujudkan skim perkhidmatan penguatkuasaan diselaraskan seperti agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.<sup>162</sup>

### **3.4 Kuasa-kuasa PPA**

Menentukan sejauhmana kuasa-kuasa PPA adalah penting dalam perkara penguatkuasaan. Ini kerana tugas penguatkuasaan kadangkala menjadi terlalu sensitif dan rumit. Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah, terdapat segelintir masyarakat memandang serong kerana label “agama”nya. Terdapat juga yang mempersoalkan kuasa PPA dalam menjalankan satu-satu tindakan.

Persoalan tentang kuasa-kuasa PPA perlu disebut di sini untuk melihat sejauh manakah kuasa yang diberikan undang-undang. Kuasa-kuasa PPA, ada dinyatakan di dalam dua statut iaitu Akta P77 dan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184.

---

<sup>162</sup> 3MU/JUB/14/1999-PT-IV bertarikh 5hb Mac 2001

Merinyu Hal Ehwal Ugama (MHEU) atau Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) merupakan pegawai yang dilantik dari kalangan Anggota Perkhidmatan Awam. Perlantikan ini dibuat oleh Majlis Ugama Islam Brunei menurut dua Akta yang tersebut di atas. PPA yang dilantik di awal penubuhan iaitu sekitar tahun 60 an <sup>163</sup> hingga tahun 2000 berdasarkan Bab 65 Akta P77 (sebelum tahun 1984 dikenali sebagai Undang-Undang No 20 tahun 1955) sementara lantikan bagi jawatan PPA yang baru selepas tahun 2000 berdasarkan Bab 26 (b) Akta Penggal 184. Praktiknya, kuasa-kuasa ini dapat dilihat dalam kad waran PPA. <sup>164</sup>

### **3.5 Prosedur Penguatkuasa Agama**

Di dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan, PPA berpandukan kepada beberapa peruntukan di dalam Akta P77 yang khusus mengenai prosedur jenayah. Di samping itu, PPA juga menggunakan peruntukan undang-undang prosedur yang terdapat dalam CPC. Pemakaian CPC ini sudah bermula sejak tahun 70 an lagi berdasarkan memorandum dan nasihat Peguam Negara. Peguam Negara memberi pandangan bahawa Bab 78 Akta P77 boleh digunakan sebagai rujukan sepertimana pemakaian tatacara dan amalan prosiding jenayah di Mahkamah Sivil.<sup>165</sup> Amalan menggunakan CPC ini masih diamalkan sehingga sekarang oleh PPA memandangkan Kanun Acara Jenayah Syariah masih dalam proses pewartaan.<sup>166</sup>

---

<sup>163</sup> Memorandum Peguam Negara kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama 13/AG/LEGN/I/II bertarikh 12hb Mei 1973

<sup>164</sup> Lampiran E : Kad Waran

<sup>165</sup> Memorandum Peguam Negara kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama 13/AG/LEGN/I/II bertarikh 12hb Mei 1973

<sup>166</sup> Temubual dengan Hj Hardhifadhillah bin Hj Md Salleh, Pegawai Perundangan Syariah Tingkat Khas di Unit Perundangan Islam, KHEU pada 22 April 2010.

Di antara tatacara utama yang diamalkan oleh PPA dalam melaksanakan tugas-tugas mereka seperti prosedur penerimaan aduan, tangkapan dan penyiasatan. Penjelasannya akan diterangkan seperti berikut:

### 3.5.1 Aduan:

Iaitu satu proses penerimaan maklumat dalam bentuk tulisan, lisan, telefon, e-mail/surat dan media massa. Bagi tujuan penguatkuasaan, maklumat atau aduan adalah penting di dalam mana-mana prosiding jenayah. Akta P77 dan CPC tidak menjelaskan apakah makna aduan. Kebiasaannya Aduan dikenali juga sebagai Laporan Maklumat Pertama (FIR) yang disampaikan kepada pihak polis atau penguatkuasa Agama. FIR adalah penting kerana ia lazimnya dibuat pada awal-awal lagi sebaik sahaja terjadinya sesuatu kejadian. Tujuan ianya dibuat ialah untuk mengelak kehilangan maklumat kerana daya ingatan pemberi maklumat lazimnya, tidak bertahan lama dan juga kurang kemungkinan berlakunya rekaan. Isunya di sini adakah FIR ini satu syarat asas bagi sesuatu kes bagi memulakan satu tindakan. Dalam satu kes *Emperor Iwn Khawaj Nazir Ahmad*,<sup>167</sup> Hakim-Hakim Majlis Privy memutuskan FIR bukanlah satu syarat duluan untuk memulakan penyiasatan jenayah. Walaubagaimanapun, ia membenarkan maklumat awal tentang aktiviti jenayah yang didakwa diperolehi dan pencatatan keadaan-keadaan dilakukan sebelum ia dilupakan atau ditokok tambah.<sup>168</sup>

Berdasarkan Sek 111 CPC, Apabila maklumat diterima di balai polis berhubung sesuatu kesalahan Ketua Balai atau pegawai polis bawahannya yang tugasnya menjaga maklumat hendaklah bertindak menurut tiga keadaan berikut:

a. jika maklumat dalam bentuk tulisan hendaklah menanda tarikh, masa diterima dan jika boleh nama dan alamat penghantar maklumat dan jika ianya ditandatangani oleh

---

<sup>167</sup> A.I.R 1945 P.C 18

<sup>168</sup> Mimi Kamariah Majid (1991), *Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, ms 78

pemberi maklumat, pegawai polis tersebut hendaklah memfailkannya sebagai aduan dan merekodkan fakta-faktanya di dalam Buku Aduan.

b. Jika maklumat diberi secara lisan hendaklah direkodkan dalam Buku Aduan mengandungi nama dan alamat pemberi maklumat, tarikh, masa diterima, perkara utama dan perkara-perkara yang mungkin diperlukan kepada sesuatu kes. Maklumat tersebut hendaklah ditanda-tangani oleh pemberi maklumat, pegawai perakam dan juru bahasa (jika ada) dan jika ia menolak untuk menandatangani hendaklah dibuat nota dengan menyatakan sebab-sebabnya.

c. Jika maklumat diberi secara lisan tetapi tidak dapat dipraktikkan seperti cara yang kedua pencatat hendaklah mencatat sebagai maklumat pertama di dalam diari di sebuah Balai (*station diary*) dan jika penyiasatan mesti diteruskan keterangan penuh hendaklah direkodkan seperti cara yang kedua.

Secara ringkasnya mana-mana maklumat sama ada secara tulisan dan lisan hendaklah dicatat atau direkod dalam catatan penguatkuasa agama. Pada masa sekarang dengan kemudahan perhubungan yang canggih, BPA juga menerima aduan yang disampaikan sama ada melalui telefon, pesanan ringkas (SMS), kiriman e-mel dan talian *online*. Pengurusan perkara yang berhubung dengan FIR atau aduan ini dikendalikan oleh Unit Aduan yang bertanggungjawab menerima aduan orang ramai, masa operasi dikendalikan 24 jam sehari dengan disediakan talian hotline yang boleh dihubungi orang ramai. Walaubagaimanapun oleh sebab masalah kekurangan pegawai dan kedudukan logistik yang terhad, catatan aduan hanya boleh dibuat semasa waktu pejabat. Orang awam yang berhajat untuk membuat aduan dikehendaki mengisi satu borang Aduan <sup>169</sup> dan pegawai yang menerima aduan tersebut akan mengisikan aduan tersebut ke dalam Buku Aduan. <sup>170</sup>

---

<sup>169</sup> Lampiran F

<sup>170</sup> Minit Mesyuarat Pentadbiran BPA 14hb Mei 2007

Selepas aduan diterima, maklumat ini akan diproses kepada dua kategori iaitu kes boleh tangkap tanpa waran (BT) seperti aduan kes di tempat awam dan kes tidak boleh tangkap tanpa waran (TBT) seperti kesalahan yang dilakukan di tempat persendirian, premis atau bangunan. Sebarang tangkapan semasa menjalankan rutin rondaan harian juga dilaporkan ke Unit Aduan untuk tindakan selanjutnya oleh Unit Siasatan Dalam. Begitu juga kesalahan kekeluargaan dari laporan Mahkamah Syariah, kes-kes yang diserahkan atau dipindahkan oleh agensi-agensi penguatkuasa lain dan tangkapan oleh orang awam juga dikendalikan oleh unit Aduan untuk dicatat dalam Buku Aduan sebelum dibuat tindakan selanjutnya.<sup>171</sup>

Satu isu yang pernah timbul di mahkamah syariah berkenaan dengan FIR ialah samada amalan memberikan salinan FIR kepada OYDS sebelum proses pendakwaan merupakan satu kewajipan atau sebaliknya. Kes seumpama ini juga boleh dilihat di mahkamah sivil di Malaysia seperti dalam kes *Loo Fang Siang lwn Ketua Polis Daerah Butterworth*<sup>172</sup> pemohon yang telah terlibat dalam kemalangan jalan raya memohon untuk mendapatkan salinan FIR seorang penunggang motosikal yang telah berlanggar dengannya. Responden mendakwa bahawa kes *Anthony Gomes lwn Ketua Polis Daerah Kuantan*<sup>173</sup> (selepas ini dirujuk sebagai AG) tidak terpakai kerana kes itu melibatkan prosiding-prosiding jenayah dan bukannya prosiding sivil. Hakim Arulnandom tidak bersetuju. Dengan memetik kata-kata Ketua Hakim Suffian dalam kes AG bahawa seorang pemohon mempunyai hak untuk memeriksa FIR kerana ia mempunyai kepentingan di dalamnya, Hakim memutuskan hak itu terpakai walaupun dalam prosiding sivil dengan berhujah di mana perkataan “berkepentingan” itu tidak bersyarat

---

<sup>171</sup> Carta Alir kerja Unit Aduan 2008

<sup>172</sup> [1981] 2 M.L.J 272. Tujuan penulis menyatakan kes ini ialah untuk membuat perbandingan amalan memberikan salinan FIR kepada OYDS sebelum pendakwaan di antara mahkamah syariah dan sivil

<sup>173</sup> [1977] 2 M.L.J 24 ”.....Mahkamah Persekutuan memutuskan seseorang tertuduh mempunyai hak kepada laporan maklumat pertama dan patut diberi satu salinan jika dipohon”

atau terhad kepada prosiding jenayah sahaja. Kepentingan itu sama ada laporan-laporan pihak polis yang dibuat oleh pihak ke tiga yang boleh menjadi fitnah, palsu atau menyentuh kecuaiian di lebuah raya, ketiadaan hati-hati dan pertimbangan yang wajar, pelanggaran tugas statutori dan sebagainya.<sup>174</sup> Di Brunei isu ini juga timbul dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie Lwn Hj Kula @Hj Mohd Noor Bin Hj Besar*<sup>175</sup>, Mahkamah berpendapat adalah menjadi asas kepada orang tertuduh untuk diberi salinan-salinan laporan itu supaya tidak menimbulkan kecelaruan yang mungkin dipersoalkan bahawa yang tertuduh dipanggil dan disiasat tanpa mengikut undang-undang dengan merujuk kes yang diputuskan dalam kes AG Mahkamah juga berpendapat tanpa adanya FIR tentulah menimbulkan tanda-tanya mengapa ia dituduh. Adakah sesuatu laporan atau aduan terhadap kesalahannya telah dibuat. Tentulah tidak boleh secara semena-mena seseorang itu akan dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan atas suatu tuduhan. Pihak Pendakwa boleh dianggap menyalahgunakan kuasa dalam hal ini.

Walaupun bagaimanapun isu ini tidak terhenti di situ, di pihak penguatkuasa timbul pula isu sampingan jika FIR itu diberi kepada suspek sebelum perbicaraan akan mendedahkan kerahsiaan pemberi maklumat dan gangguan kepada saksi bagi tujuan penyiasatan dan pendakwaan.

Terdapat juga isu-isu penguatkuasaan yang lain yang tidak dijelaskan dalam Akta P77 mahupun CPC antaranya peraturan atau tanggungjawab PPA untuk tidak melengahkan maklumat yang diterima,<sup>176</sup> sejauhmana maklumat ini boleh disampaikan kepada orang ramai khususnya media jika ada sebarang tangkapan<sup>177</sup> dan adakah dibenarkan

---

<sup>174</sup> Op. cit, Mimi Kamariah Majid, ms 80-81

<sup>175</sup> Op. Cit, MRS/RJ/3/2002 ms 3

<sup>176</sup> P.A No 11 (4) Peraturan Am Polis

<sup>177</sup> P.A No 12 Peraturan Am Polis

maklumat sesuatu tangkapan ini dimaklumkan kepada majikan suspek.<sup>178</sup> Aspek-aspek ini bagaimanapun disebutkan dalam Peraturan Am Pasukan Polis Diraja Brunei.

### **3.5.2 Tangkapan**

Bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang suatu tangkapan merupakan proses yang boleh mengurangkan kebebasan individu. Proses ini amat penting agar siasatan lanjut berhubung sesuatu kesalahan itu dapat dijalankan. Tangkapan merupakan rampasan sebenar atau sentuhan tubuh seseorang dengan tujuan untuk menahannya. Sebutan perkataan tangkapan semata-mata bukanlah satu tangkapan, melainkan orang tersebut menerima proses itu dan mengikut pegawai yang menangkapnya. Tangkapan terjadi apabila mana-mana bentuk perkataan telah digunakan dengan tujuan membawa dan benar-benar membawa kepada notis seseorang bahawa dia di bawah paksaan dan kemudiannya ia mengalah. Seseorang boleh ditangkap jika terdapat rampasan sebenar atau jika terdapat sentuhan dengan tujuan untuk menahannya. Pertuturan perkataan tangkapan semata-mata boleh menjadi satu tangkapan jika orang tersebut terima proses itu dan turut pegawai yang menangkapnya.<sup>179</sup>

#### **Kuasa Tangkapan PPA**

Adalah penting bagi mana-mana penguatkuasa undang-undang terutama PPA mengetahui setakat mana kuasa yang diberikan kepada mereka oleh undang-undang. Di Brunei dalam hal peraturan mengenai tangkapan, PPA diberikan kuasa menangkap tanpa waran oleh Bab 65 Akta P77 dalam beberapa keadaan tertentu pertama jika kesalahan dilakukan di hadapan PPA kedua suspek tidak memberikan data peribadi.

---

<sup>178</sup> P.A No 12A (1) Peraturan Am Polis

<sup>179</sup> Op. cit, Mimi Kamariah Majid, ms 31

Bagi kesalahan yang tidak boleh tangkap (TBT) kebiasaannya melibatkan kesalahan yang dilakukan di dalam premis.

Secara umumnya, terdapat empat pihak yang boleh menangkap bagi kesalahan syariah sepertimana yang disebutkan dalam Bab 65 Akta P77 iaitu Pegawai Polis, penghulu, imam-imam atau pegawai masjid dan Merinyu Hal Ehwal Ugama.

Bagaimanapun tangkapan oleh penghulu, imam-imam atau pegawai masjid tidak dipraktikkan, mungkin kerana faktor sejarah penubuhan Bahagian Penyiataan yang bergiat aktif terutama dalam tahun 70 an dengan pertambahan bilangan anggota penguatkuasa tidak lagi memerlukan tangkapan oleh pihak-pihak tadi. Sekiranya pun diamalkan sekarang mereka ini perlu dilatih memahami prosedur penguatkuasaan. Jika tidak, mungkin akan menimbulkan beberapa masalah seperti salah tangkap dan sebagainya.

Meskipun PPA diberikan kuasa menangkap dalam Bab 65 Akta P77 namun bab berkenaan tidak menjelaskan bagaimana sesuatu tangkapan itu dibuat. Walaubagaimanapun tatacara tangkapan itu adalah berdasarkan Bab 78 yang membenarkan tatacara Mahkamah Sivil CPC diguna pakai jika tidak dinyatakan di dalam Akta P77. Peruntukan yang bersangkutan paut dengan tatacara tangkapan disebut dalam Sek 19 CPC menghendaki seorang polis atau orang lain ketika hendak menangkap perlu menyentuh atau mengurung suspek melainkan ia menyerah diri. Langkah-langkah yang perlu juga boleh digunakan dengan syarat sekatan itu tidak boleh dibuat secara berlebihan jika suspek melawan atau melarikan diri. Sekatan yang digunakan juga tidak memberi hak untuk menyebabkan kematian bagi kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara 15 tahun.



Prosedur biasa yang diamalkan oleh PPA mengenai tangkapan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tangkapan rondaan dan tangkapan dengan waran bongkar (*search warrant*):

a. Tangkapan rondaan iaitu tangkapan yang dibuat secara rutin yang dijalankan di tempat awam, aktiviti rondaan ini biasanya diatur mengikut jadual dan dipecahkan kepada zon-zon tertentu. Dalam keadaan biasa, PPA akan memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa sebelum tangkapan dibuat. Keterangan diri suspek akan diambil kemudian borang saman hadir dikeluarkan bagi tujuan siasatan lanjut berdasarkan Bab 115 CPC <sup>180</sup> Jika tangkapan melibatkan warganegara asing borang CPC berserta dengan bon jamin <sup>181</sup> dan seorang tempatan atau wang akan dikeluarkan. Setelah proses tangkapan, PPA akan membuat laporan tangkapan dalam Buku Aduan dan seterusnya dibuat siasatan yang lebih lanjut.

b. Tangkapan waran periksa: iaitu satu tangkapan kesalahan TBT, apabila aduan diterima, maka pemantauan akan dibuat oleh pegawai perisik memeriksa tempat yang dilaporkan sekurang-kurangnya tiga kali, pegawai perisik akan mencatat apa-apa maklumat dalam buku diari penyiasatan. Jika aduan ini ada sebab mempercayai kebenarannya maka satu waran periksa<sup>182</sup> berdasarkan Bab 61 CPC akan dipohon kepada hakim Mahkamah Rendah Syariah. Pelaksanaan waran sah digunakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ianya dikeluarkan. Proses seterusnya akan dibuat tangkapan yang hampir sama dengan proses di atas dengan diberikan Borang CPC dan bon jamin jika melibatkan warganegara asing.

---

<sup>180</sup> Lampiran G

<sup>181</sup> Lampiran H

<sup>182</sup> Lampiran I

Beberapa isu telah timbul tentang prosedur tangkapan yang dilakukan oleh PPA. Antara isu-isu tersebut ialah pertama apakah kesan salah aturan boleh menyebabkan kes menjadi batal. Kedua isu waran bongkar berdasarkan Bab 61 CPC yang digunakan untuk mencari benda-benda atau dokumen dapat diaplikasikan untuk menangkap OYDS.

**Pertama:** pada asasnya salah aturan tidaklah menyebabkan sesuatu kes itu terbatal. Bab 77 Akta P77 menekankan tatacara-tatacara yang salah hendaklah tidak menyebabkan perbicaraan-perbicaraan menjadi tidak sah atau batal, kecuali jikalau benar-benar telah menyebabkan ketidakadilan atau kesusahan kepada yang tertuduh. Dalam kes *Saminnathan v. Public Prosecutor*<sup>183</sup> diputuskan bahawa terdapat banyak keputusan mahkamah menyatakan bahawa sama ada tangkapan seseorang itu adakah menurut undang-undang atau tidak adalah bukan menjadi pemedulian mahkamah yang membicarakannya. Mahkamah hanyalah mengambil kira tuduhan yang dihadapi oleh seseorang itu. Orang itu boleh membuat tuntutan terhadap penangkapan yang tidak menurut undang-undang itu di forum yang lain.

Bagaimanapun dalam kes No 29/1987 Di Mahkamah Kadi Besar, kadi telah membebaskan tertuduh dengan alasan tertuduh ditangkap dengan cara yang salah menurut CPC Penggal 7 dan Akta P77. Tertuduh tidak menghadirkan diri ke Bahagian Penyiasatan setelah saman hadir diberikan dengan alasan satu tangkapan tidak dibuat. Kadi Besar berpendapat jika tidak disebabkan kecuaiian pegawai yang membuat tangkapan maka sudah pasti isu kelambatan kes ini tidak berbangkit. Bagaimanapun, kes ini dirayu di Mahkamah Ulangbicara No 1/91,<sup>184</sup> Mahkamah berpendapat walaupun tangkapan tidak dilakukan tetapi waran tangkap telah dikeluarkan untuk menangkap

---

<sup>183</sup> (1937) M.L.J , 36-37

<sup>184</sup> Pendakwa Mahkamah Kadi Lwn (tidak disebutkan)

kedua tertuduh. Dengan waran tangkap kedua ini soal tangkapan salah yang pertama tidak timbul. Mahkamah Ulangbicara berpandukan kepada kes tangkapan dalam Jayaraman dan lain-lain Lwn Pendakwaraya yang diputuskan tidak berlaku tangkapan dalam hal ini.<sup>185</sup>

Terdapat dua isu utama dalam kes No 29/1987 ini, iaitu adakah tangkapan saman hadir OYDS itu sudah cukup sebagai sebuah tangkapan. Kedua jika ianya tidak dianggap sebagai sebuah tangkapan adakah tindakan pegawai yang menangkap itu melanggar prosedur Akta P77 sehingga boleh membatalkan kes.

Jika diteliti makna tangkapan dan jenis-jenis tangkapan, penulis berpendapat tangkapan oleh pegawai tersebut adalah termasuk dalam pengertian tangkapan secara konstruktif.<sup>186</sup> Dalam hal ini, walaupun tidak ada sentuhan tubuh-badan berlaku atau tangkapan sebenar tidak dibuat, saman hadir untuk siasatan adalah sudah dianggap kebebasan seseorang itu sudah tersekat kerana biasanya OYDS akan diberi bon jamin. Saman hadir dan bon jamin ini adalah proses yang dibuat selepas tangkapan adalah prosedur yang biasa dilakukan di dalam CPC. Apabila OYDS itu menerima proses ini ia sudah dianggap satu tangkapan telah dibuat. Oleh itu di dalam kes ini, isu tangkapan yang menyalahi peraturan tidak perlu ditimbulkan.

Penulis juga berpendapat tindakan saman hadir itu tidaklah bertentangan dengan Akta P77 berdasarkan maksud Bab 64 yang membenarkan kes-kes syariah ini disaman. Ini bererti kes-kes syariah adalah kes saman iaitu suspek dikehendaki hadir kemakanan pada masa yang ditetapkan, apabila suspek gagal mematuhi barulah kes itu menjadi kes waran iaitu mahkamah boleh mengarahkan waran tangkap. Ianya juga menunjukkan

---

<sup>185</sup> (1983) 1 MLJ (B) 21-31

<sup>186</sup> Op. cit, Mimi Kamariah Majid, ms 45

kesalahan syariah bukanlah secara automatik boleh dikeluarkan waran tangkap, berbanding dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada polis terutama kes waran (*Warrant Case*) yang melibatkan kesalahan yang membawa kepada hukuman sampai mati atau penjara lebih daripada enam bulan.

**Kedua:** isu waran bongkar; isu ini ditimbulkan oleh sesetengah hakim Mahkamah Rendah Syariah yang mempertikaikan tindakan PPA menangkap OYDS yang melibatkan kesalahan TBT. Tangkapan BT tidak menjadi masalah kerana ia biasanya dibuat secara tangkapan serta merta berpandukan Bab 65. Masalah yang timbul ialah Tangkapan TBT yang dibuat oleh PPA berdasarkan Bab 61 bagi membolehkan PPA memasuki mana-mana premis atau tempat. Bab 61 tersebut memberi kebenaran penggeledahan untuk menjejaki barang-barang yang dicuri dan dokumen palsu, barang-barang seludup, dan sebagainya. Isu yang timbul ialah Bab 61 tidak menyentuh penggeledahan untuk mencari mana-mana orang yang berada di sebuah premis atau tempat. Tambahan lagi di dalam CPC tidak ada satu peruntukan pun yang boleh diaplikasikan untuk menangkap orang perseorangan dalam sebuah premis. Mahkamah bagaimanapun menggunakan prinsip hukum syarak untuk membenarkan PPA memasuki premis berdasarkan prinsip "*al-'Amr bil al-Ma'ruf wa nahyu 'an al-Munkar*".

Masalah ini sudah tentu menimbulkan kesulitan oleh PPA kerana terpaksa merujuk kepada Peguam Negara untuk menasihati tindakan yang perlu dibuat oleh PPA. Berdasarkan kenyataan di atas terdapat *lacuna* undang-undang yang kadangkala membingungkan penguatkuasa Agama yang tidak dilatih atau berlatarbelakangkan dalam bidang perundangan. Selain dua isu di atas, terdapat masalah-masalah lain yang melibatkan tangkapan warganegara asing yang ditangkap dalam kesalahan khalwat dan persetubuhan haram, bagaimanapun OYDS mendakwa mereka telah berkahwin tetapi

tidak mengemukakan sijil nikah dan jika adapun akan menanti proses yang lama untuk dibuat pengesahan di kedutaan masing-masing. Kadangkala hakim menasihati mereka mendaftarkan nikah mereka tetapi mereka enggan berbuat demikian. Akhirnya masalah keengganan ini menyulitkan PPA kerana kuasa yang terhad sama ada meneruskan atau menangguhkan atau memberhentikan prosiding siasatan.

### **3.5.3 Penyiasatan**

Apabila satu tangkapan kesalahan jenayah syariah dibuat bagi kes-kes yang biasa, satu penyiasatan lanjut akan dibuat. Pada peringkat ini OYDS dikehendaki hadir ke Bahagian Siasatan Dalam BPA untuk diambil pernyataan (statement). Prosedur ini juga digunakan untuk memanggil saksi-saksi lain yang boleh membantu sesuatu siasatan.

Adalah perlu dinyatakan di sini tentang kuasa PPA untuk melakukan siasatan. Kuasa tersebut diberikan oleh Bab 78 Akta P77 yang memperuntukkan antara lain jika lain-lain prosedur yang tidak disebutkan dalam Akta P77 maka mahkamah boleh merujuk kepada sebarang peraturan dalam CPC. Oleh kerana itu prosedur untuk melakukan siasatan banyak tertumpu sepenuhnya kepada prosedur yang diamalkan di Mahkamah Sivil khususnya pihak polis.

Di dalam Seksyen 116 dan Seksyen 117 CPC memberi kuasa kepada PPA untuk mengambil pernyataan daripada mana-mana orang.<sup>187</sup> Seksyen 116 CPC berbunyi:

*(1) Seseorang pegawai polis yang membuat satu penyiasatan polis di bawah Penggal ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang mengetahui fakta-fakta dan keadaan-keadaan yang berkaitan dengan kes dan hendaklah menjadikan tulisan mana-mana penyiasatan yang dibuat oleh orang yang diperiksa.*

---

<sup>187</sup> Di sini penulis akan menterjemahkan kandungan peruntukan-peruntukan tertentu kerana tidak ada terjemahan rasmi daripada pihak Peguam Negara.

- (2) *Orang yang berkena akan hendaklah terikat untuk menjawab dengan benar semua soalan yang dibentangkan kepadanya oleh pegawai berkena akan yang berkaitan dengan kes tersebut akan tetapi boleh menolak untuk menjawab mana-mana soalan yang mana jawabannya akan wujud kecenderungan untuk mendedahkannya kepada tuduhan jenayah atau denda atau rampasan.*
- (3) *Pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah peruntukan Seksyen ini hendaklah dibacakan kepadanya dan hendaklah, setelah pembetulan jika perlu, ditandatangani olehnya.*

Pengambilan pernyataan ini praktiknya menggunakan Borang JHEUB: 2A<sup>188</sup> Proses ini adalah penting sebagai satu bahan bukti jika kes ini didakwa di mahkamah berdasarkan seksyen 117 CPC berbunyi:

- (1) *Dalam mana-mana prosiding jenayah mana-mana pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang termasuk orang yang di bawah tahanan pegawai polis , sama ada ia termasuk pengakuan atau tidak atau ia lisan atau di dalam tulisan , dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu di tuduh dan sama ada semasa penyiasatan polis atau tidak, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran mana-mana pegawai polis hendaklah menjadi boleh terima dalam pembuktian dan jika orang itu memasukkan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan yang sedemikian itu boleh digunakan dalam pemeriksaan-balas dan untuk tujuan mempertikaikan kewibawaannya.*

Isu yang sering ditimbulkan di dalam mahkamah sama ada pernyataan atau Pengakuan salah semasa penyiasatan oleh OYDS dibuat secara sukarela atau tidak. Walaupun pernyataan di depan Pegawai penyiasat sebelum perbicaraan tidak mengikat hakim tetapi ia boleh diterima sebagai bukti berdasarkan seksyen 117 (2) CPC apabila mahkamah berpuashati tidak ada kekerasan, pujukan, ancaman atau penindasan dibuat oleh pihak berkuasa. Contohnya dalam kes *Mohd Yunos Shah v PMK*<sup>189</sup> responden dengan pasangannya telah ditangkap kerana melakukan persetubuhan haram, perempuan yang dituduh telah mengaku salah di depan merinyu, bagaimanapun responden memberikan alasan pengakuan salah perempuan itu dibuat tanpa kerelaan setelah ia dibawa oleh merinyu-merinyu dalam kenderaan mereka sehingga perempuan itu menukar pengakuannya daripada tidak bersalah kepada bersalah. Bagaimanapun mahkamah menolak alasan ini dengan alasan persoalan itu tidak berbangkit dan tidak

---

<sup>188</sup> Lampiran J

<sup>189</sup> 2/78 MUB (32/77 MKB)

dapat diterima kerana menurut rekod-rekod perbicaraan yang ada perempuan yang dituduh tidak pernah menimbulkan perkara tersebut bahkan ia mengaku salah dengan kemahuannya sendiri tidak dipaksa atau dipujuk sesiapa. Dalam kes *Abd Ghani Hj Laman v PMK*<sup>190</sup> responden beralasan pengakuan salahnya di depan dua orang merinyu adalah diperolehi setelah dipujuk oleh salah seorang merinyu dengan berkata “*ikut sahaja keterangan perempuan yang tertuduh ini boleh menyenangkan dan tidak diapa-apakan*”. Responden tidak berjaya dalam kes ini kerana mahkamah berpendapat pengakuan salahnya di depan merinyu dalam keadaan sedar, kemudian dia di bawa ke pejabat merinyu serta mengetahui sebarang pernyataannya akan melibatkan dirinya dalam kes perbicaraan. Oleh kerana itu, responden dalam hal ini tidak dianggap jahil tentang akibat pengakuan salahnya. Mahkamah juga berpendapat kata-kata pujukan itu terlalu umum dan boleh mendatangkan berbagai-bagai tafsiran yang lain. Alasan peguambela supaya ianya sebagai penarikan balik ikrar adalah tidak dapat diterima. Dalam kes *PMK v Dyg Tiawa Bt Samad*<sup>191</sup> Jawatankuasa Ulangbicara menolak rayuan pendakwa yang bersandarkan ikrar tertuduh yang dibuat di depan seorang merinyu ugama dengan cara soal jawab dengan disaksikan oleh tiga orang merinyu perempuan. Jawatankuasa menimbulkan persoalan sama ada yang tertuduh faham sepenuhnya ikrar yang ditulis oleh orang lain bagi pihaknya atau tidak sedangkan didapati OYDS merupakan seorang yang tidak tahu menulis dan membaca, tambahan lagi OYDS itu seorang perempuan kampung yang sudah lanjut usia, berumur 40 tahun lebih. Jawatankuasa merasa ragu adakah orang seperti itu akan faham atau dapat memahami erti perkataan “*senasab*” “*mushaharah*” dan “*susunan*” dan seumpamanya yang diterangkan sepintas lalu oleh pegawai yang mengambil keterangan itu dalam keadaan biasa atau dalam keadaan takut.

---

<sup>190</sup> 1/83 MUB (38/76 MKB)

<sup>191</sup> 1/89 MUB (79/86 MKB)

### 3.5.4 Kertas siasatan

Apabila satu siasatan telah selesai dijalankan pegawai penyiasat akan memastikan kertas siasatan dilengkapi dengan maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh pihak pendakwa.

Setakat ini PPA di Brunei tidak mempunyai panduan yang khusus dalam menyediakan kertas siasatan dari segi peraturan, amalan atau Arahan Tetap. Walaubagaimanapun berpandukan kepada Peraturan Am Polis<sup>192</sup> ada dijelaskan dengan terperinci, bermula dari prosedur membuka kertas siasatan (juga disebut sebagai IP: *Investigation Paper*) sehingga proses menutup IP. Praktiknya, PPA akan menyenaraikan dokumen-dokumen yang perlu dalam IP, lazimnya mengandungi laporan Aduan, waran geledah bagi kesalahan tidak boleh tangkap, peta kasar,<sup>193</sup> bon jamin, rekod kesalahan,<sup>194</sup> temuduga dan pernyataan saksi-saksi, kronologi kes yang diminitkan secara ringkas tetapi padat, senarai-orang-orang yang disyaki dan senarai saksi-saksi.

Penyediaan IP dengan lengkap adalah penting sebelum dihadapkan ke Bahagian Pendakwaan Syarie. Berdasarkan rekod di Bahagian Pendakwaan Syarie, terdapat beberapa IP dalam pelbagai kes, sama ada dikembalikan untuk siasatan lanjut (*FI: further Investigation*) atau ditutup di dalam Mesyuarat Penelitian Kes Bahagian Pendakwaan Syarie, kebanyakan IP yang ditutup atau tidak dijalankan pendakwaan adalah disebabkan IP tersebut dikategorikan dalam kaedah undang-undang sebagai kelewatan yang tidak munasabah di mana siasatan tersebut telah dijalankan dalam tempoh yang lama sehingga melebihi 5 tahun. Keadaan ini akan menjejaskan ingatan saksi yang berkaitan untuk mengingat fakta-fakta kes dengan baik malahan kebanyakan

---

<sup>192</sup> Peraturan Am Polis di No 402

<sup>193</sup> Lampiran K

<sup>194</sup> Lampiran L



saksi telah lupa pada fakta yang berkaitan. Keadaan ini boleh menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes jika diteruskan pendakwaan. Ianya bukan setakat meletakkan kes pendakwaan dalam bahaya (*Jeopardy*) malah akan menyebabkan masa terbuang begitu saja sedangkan banyak kes lain yang memerlukan perhatian dan tindakan pihak pendakwa.<sup>195</sup> Tindakan ini' bersesuaian dengan *maxim* undang-undang "*justice delayed is justice denied*".<sup>196</sup>

Sehubungan dengan itu, adalah perlu dinyatakan di sini antara kelemahan-kelemahan dan kesilapan PPA yang dapat dikenal pasti hasil dari teguran pihak pendakwa syarie dalam menyediakan IP seperti berikut:<sup>197</sup>

- a. Tiada bukti sokongan selain pengakuan (*confession*) semasa kejadian seperti suspek tidak dijalankan pemeriksaan secara saintifik seperti: ujian darah, air kencing dan pernafasan.
- b. Barang kes tidak diuji oleh makmal saintifik seperti minuman keras
- c. Dalam beberapa kes tiada rampasan terhadap barang bukti
- d. Sebahagian kertas siasatan tidak memenuhi elemen-elemen kesalahan
- e. Terdapat beberapa kes siasatan dalam hanya berpandukan kepada soalan yang telah disediakan bukan siasatan mengikut fakta persoalan dan fakta yang berkaitan.
- f. Terdapat pemeriksaan yang dijalankan hanya berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pengadu tanpa membuat risikan atau intipan yang menyeluruh
- g. Terdapat siasatan di tempat yang diperiksa/tempat kejadian tidak direkodkan sepenuhnya oleh Bahagian Penguatkuasa Agama samada siasatan terhadap orang-orang yang didapati dan siasatan tempat kejadian. Lebih-lebih lagi jika pemeriksaan dimulakan oleh pihak penguatkuasaan undang-undang yang lain.

---

<sup>195</sup> Bagaimanapun di dalam undang-undang jenayah di Mahkamah Sivil pendakwaan jenayah tidak boleh luput oleh masa berdasarkan prinsip umum "*nullum tempus occurit regi*" yang bermaksud "tiada had masa yang dikenakan terhadap pihak kerajaan- sila lihat Mohammad Shariff, Dato' Hj. (2008), *Alman Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, Kuala Lumpur : ILBS, ms 35.

<sup>196</sup> "Kertas-kerja semasa muzakarah Bahagian Penguatkuasa Agama, Bhg Kawalan Akidah dan Bhg Pendakwaan Syarie" Anjuran Unit Perundangan Islam pada julai 2007, ms 7

<sup>197</sup> Ibid ms 8-12

- h. Tidak disertakan pernyataan bertulis penguatkuasa yang menjalankan pemeriksaan atau rondaan.
- i. Tidak disertakan Diari Siasatan.<sup>198</sup>
- j. Tiada tandatangan dan nama
- k. Gambar di tempat kejadian tidak disertakan atau tidak lengkap
- l. Susunan gambar tidak mengikut urutan kejadian
- m. Peta kasar tidak disertakan atau tidak lengkap
- n. Tidak disenaraikan nama-nama pegawai yang menjalankan pemeriksaan yang dibuat oleh penguatkuasa undang-undang yang lain.
- o. Saksi dalam pengambilan pengakuan salah bertulis (*written confession*) atau ikrar di hadapan Penguatkuasa Agama tidak memenuhi Akta Keterangan Syariah Bab 2L (2) iaitu memerlukan 2 orang saksi.
- p. Siasatan terperinci terhadap pihak/agensi lain jika ditimbulkan oleh orang Yang disiasat.
- q. IP yang diserahkan kepada Bahagian Pendakwaan tidak diteliti oleh Ketua Penguatkuasa Agama.

Kenyataannya, kekuatan kertas siasatan bergantung kepada keadaan kes dan kebijaksanaan pegawai penyiasat itu sendiri, oleh itu pegawai penyiasat mestilah pegawai yang berpengalaman dan mempunyai kreativiti yang tinggi serta inovatif dalam tugasnya. Pegawai Penyiasat hendaklah mahir dengan undang-undang sebagaimana pegawai-pegawai pendakwa.

---

<sup>198</sup> Lampiran M

### **3.6 Kesimpulan**

Berdasarkan penjelasan yang telah dibincangkan dalam bab ini, penguatkuasaan jenayah syariah di Brunei masih berpandukan undang-undang yang telah lama digubal. Namun begitu alternatif masalah ini digunakan CPC yang diamalkan di Mahkamah Awam untuk menampung kekurangan undang-undang prosedur di dalam akta induk (Akta P77). Walaupun tugas-tugas PPA itu berperanan seperti yang dimainkan oleh polis dari segi prosedur kerja seperti tangkapan dan membuat penyiasatan tetapi perbezaannya dari segi takat kuasa yang dijalankan lebih luas dibandingkan dengan PPA yang hanya terhad kepada undang-undang moral. Sehubungan dengan itu, dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam timbul beberapa persoalan antaranya sejauhmana PPA boleh menggunakan semua kuasa yang ada di dalam CPC sebagai contoh menahan reman suspek, menggunakan senjata, menggari dan lain-lain. Bab seterusnya akan membincangkan lebih lanjut tentang isu dan permasalahan penguatkuasaan jenayah Islam Di Brunei Darussalam.

**BAB IV:  
ISU DAN MASALAH PENGUATKUASAAN KESALAHAN JENAYAH ISLAM  
DI BRUNEI DARUSSALAM**

**4.0 Pendahuluan**

Di bab ketiga yang telah lalu telah dibincangkan beberapa perkara tentang kedudukan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei masa kini dari segi sumber undang-undang, struktur organisasi penguatkuasaan, jumlah anggota, skim perkhidmatan dan prosedur penguatkuasaan. Secara umumnya dapat kita lihat penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei masa kini semakin meningkat dan mencapai kemajuan yang positif. Kedudukan ini tidak dapat kita nafikan, sedikit sebanyak usaha yang telah dirancang, berjaya mencapai falsafah dan objektif penguatkuasaan "*al-'Amr bil al-Ma'ruf wa nahyu 'an al-Munkar*". Realitinya, pencapaian di paras tertinggi adalah menjadi impian semua. Justeru itu, kemampuan penguatkuasaan agama ke tahap yang maksima ditagih oleh masyarakat umumnya, terutama untuk menghadapi kesan daripada era globalisasi ini. Kesan ini juga mendesak supaya peningkatan dan pencapaian penguatkuasaan agama dapat dibuat dengan lebih berkesan dan teratur. Dalam hal ini, langkah yang pertama perlu dilakukan ialah mengenal pasti isu dan masalah penguatkuasaan. Langkah ini penting untuk mengetahui sejauhmana masalah yang dihadapi itu wujud. Seterusnya penyelesaian masalah dan penambahbaikan dapat dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, di dalam bab ini, penulis akan tertumpu kepada perbincangan mengenai isu dan masalah penguatkuasaan yang telah dikenal-pasti. Perbincangan akan dipecahkan kepada isu dan permasalahan dari beberapa aspek iaitu undang-undang, pentadbiran dan sumber tenaga manusia

#### 4.1 Metodologi Kajian

Untuk mendapatkan bahan-bahan kajian, langkah permulaan yang telah dibuat ialah dengan mengumpul maklumat dan data-data mentah yang diperolehi daripada beberapa sumber melalui temubual, penelitian rekod, penelitian fail-fail kes dan observasi.

Metode temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur digunakan untuk mendapatkan data yang primer berkaitan dengan isu dan permasalahan penguatkuasaan. Responden yang ditemubual ini melibatkan pihak-pihak berkuatkuasa agama di Brunei (setakat Bulan Oktober 2009) seperti Ketua Penguatkuasa Agama dan pegawai-pegawai penguatkuasa. Di samping itu pihak-pihak lain seperti hakim syarie, pendakwa syarie, pegawai perundangan dan peguam syarie turut ditemubual. Bagi soalan temubual berstruktur, satu set soalan terbuka telah disediakan dan dikemukakan. Manakala soalan yang tidak berstruktur bergantung kepada idea-idea semasa dan bersifat spontan. Temubual menerusi telefon juga dilakukan dan kaedah ini amat efektif terutama dalam mendapat akses kepada maklumat ataupun bahan-bahan terkini.

Kaedah yang kedua dengan meneliti sebahagian rekod-rekod berbentuk statistik<sup>199</sup> surat, memo, surat keliling, pamflet dan garis-panduan yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Rujukan kepada sebahagian fail-fail kes juga dibuat untuk melihat permasalahan kes di peringkat penguatkuasaan seperti penyediaan dokumen yang diperlukan untuk melengkapkan kertas siasatan. Sebahagian fail-fail dan rekod itu dipilih secara rawak bergantung kepada data-data yang diperlukan dalam permasalahan kajian.

---

<sup>199</sup> Sumber dari BPA dan internet

## **4.2 Isu dan Masalah dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah Islam di Brunei**

Setelah meneliti data-data yang diperolehi, penulis mendapati terdapat beberapa isu dan masalah menguatkuasaan jenayah Islam di Brunei. Penjelasan isu-isu dan masalah-masalah berkenaan akan dipecahkan kepada empat aspek yang utama iaitu aspek undang-undang, pentadbiran, menguatkuasaan dan sumber manusia iaitu menguatkuasa agama itu sendiri.

### **4.2.1 Isu undang-undang**

Antara peranan yang dimainkan oleh menguatkuasa agama adalah perimbangan di antara mengekalkan hak kebebasan individu di samping itu berusaha mengawal kesucian dan keharmonian beragama. Oleh kerana itu, perhatian yang lebih serius sewajarnya diperhatikan untuk menjaga dua kepentingan ini, agar ianya benar-benar terjamin sebagaimana yang digariskan di dalam Islam. Untuk merealisasikan dua perkara tersebut sebuah agensi menguatkuasa lazimnya diperuntukkan statut tertentu bagi memberi bidangkuasa yang dapat menjelaskan pengendalian menguatkuasaan. Kuasa-kuasa yang diberikan oleh statut itu pula bukan hanya memberi bidangkuasa tetapi tidak secara langsung bertujuan untuk mengelak penyalahgunaan kuasa. Lazimnya, pindaan kepada peruntukan-peruntukan dalam statut akan dibuat dari masa ke semasa jika timbul sesuatu isu contohnya terdapat lakuna, *loophole* dan sebagainya. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan dan kelicinan menguatkuasaan. Ada beberapa isu utama yang berkaitan dengan menguatkuasaan dari aspek perundangan iaitu:

- A. ketiadaan undang-undang substantif dan prosedur yang komprehensif.
- B. Kekaburan peruntukan undang-undang substantif dan prosedur.
- C. kesalahan yang tidak diperuntukkan.

## **A. Isu undang-undang pertama: Ketiadaan undang-undang substantif dan prosedur yang komprehensif.**

Berdasarkan perbincangan di bab ketiga, kedudukan undang-undang jenayah syariah dan prosedurnya pada masa kini masih lagi bercampur dengan pelbagai jenis undang-undang substantif dalam undang-undang induk iaitu Akta P77.<sup>200</sup> Undang-undang inilah juga yang digunakan bagi tujuan penguatkuasaan sejak tahun 1960 hingga sekarang. Undang-undang substantif yang terdapat dalam Akta P77 masih ada terdapat beberapa kelemahan misalnya masih terdapat lakuna di mana peruntukan sesetengah kesalahan syariah tidak diperuntukkan seperti perhubungan seks sesama jenis, sumbang mahram, pelacuran, muncikari, liwat, berlagak pondan, perbuatan tidak sopan di tempat awam, berjudi, murtad dan lain-lain. Sementara undang-undang prosedur mengenai penguatkuasaan juga terlalu ringkas hanya mengandungi lima bab sahaja dari Bab 63-67.<sup>201</sup> Bab-bab itu berbunyi:

### *“maklumat*

*63. (1) suatu maklumat dengan tujuan kepada pendakwaan hendaklah dibuat secara bertulis atau secara lisan kepada pegawai pengetua mahkamah. Jika dibuat secara lisan, hendaklah ditulis olehnya. Dalam apa jua hal dia hendaklah menghendaki pihak pemberitahu untuk bersumpah atau mengaku akan kebenaran maklumat tersebut.*

*(2) Mahkamah boleh menolak untuk mengambil sebarang tindakan terhadap maklumat demikian jika tidak berpuashati bahawa ada sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan dilakukan.*

### *Saman dan waran*

---

<sup>200</sup> Sebelum tahun 1984 dikenali sebagai Enakmen Majlis Agama Islam, Mahkamah Kathi Dan Istiadat Melayu 1955

<sup>201</sup> Perkembangan penggubalan undang-undang syariah di Brunei di akhir tahun 90an telah berusaha memisahkan pelbagai undang-undang dalam Akta P77 untuk menyusun dan mengemaskinikan supaya lebih teratur misalnya undang-undang mengenai pentadbiran Mahkamah Syariah telah dikuatkuasakan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184, undang-undang perkahwinan dan perceraian telah dikuatkuasakan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999 dan undang-undang keterangan telah dikuatkuasakan Perintah Darurat (Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah) 2001. Bagaimanapun undang-undang jenayah dan prosedurnya masih di peringkat kelulusan. Draf Undang-undang jenayah dan prosedurnya telah siap digubal, bagaimanapun masih melalui beberapa proses dan peringkat sebelum dikuatkuasakan yang melibatkan Unit Perundangan Islam, Majlis Agama Islam, Peguam Negara Dan Perkenan Ke bawah Duli Sultan- sumber: Unit Perundangan Islam

64. (1) Setelah menerima maklumat tentang berlakunya suatu kesalahan di dalam bidangnya untuk membicarakan, Mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada orang yang tertuduh untuk hadir ke Mahkamah pada masa dan tempat yang dinyatakan.

(2) saman tersebut hendaklah menyatakan secara amnya jenis kesalahan yang dituduh dan bab di bawah mana ianya boleh dijatuhkan hukuman.

(3) jika yang tertuduh gagal untuk mematuhi suatu saman yang telah disampaikan kepadanya, atau jika kesalahan tersebut adalah suatu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman penjara dan ada terdapat alasan yang baik untuk mempercayai bahawa satu saman tidak akan berkesan, sama ada dengan sebab bahawa tertuduh tidak dapat ditemui atau bahawa ada kemungkinan dia tidak mematuhi saman tersebut, Mahkamah boleh mengeluarkan suatu waran yang ditujukan kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawai polis lain dan setiap Imam dan Penghulu di Negara Brunei Darussalam yang menghendaki mereka untuk menangkap yang tertuduh dan menghadapkannya ke Mahkamah. Waran tersebut hendaklah mengandungi butir-butir yang dibentangkan dalam cerai (2). Maka yang tertuduh hendaklah ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah.

#### *Penangkapan tanpa waran*

65. Mana-mana pegawai polis dan, jika diketahui tiada pegawai polis dapat diperolehi, mana-mana penghulu atau mana-mana Pegawai masjid yang diberikuasa secara bertulis bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau mana-mana **Merinyu Hal Ehwal Ugama** boleh menangkap tanpa waran-

(a) Sesiapa saja yang telah melakukan atau cuba melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini yang melibatkan **pecah keamanan**;

(b) Sesiapa saja yang telah melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini dan enggan atau gagal untuk memberi apabila dikehendaki nama dan alamatnya yang penuh dan benar; atau

(c) Sesiapa saja terhadap siapa waran dikeluarkan di bawah Akta ini yang masih ada kini, meskipun waran demikian tidak dimilikinya,

dan oleh sebab itu hendaklah menghadapkan orang demikian atau menyebabkannya untuk dihadapkan kemahkamah.

#### *Perkecualian kuasa-kuasa*

66. Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam bab-bab yang terdahulu sebelum ini menyekat atau menyentuh kuasa-kuasa bagi menangkap atau mencari yang diberikan kepada mana-mana orang oleh Undang-Undang Peraturan Jenayah atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang buat pada masa itu berkuatkuasa yang bersabit dengan peraturan jenayah mahkamah-mahkamah sivil.

#### *Jaminan dan penahanan*

67. (1) Mahkamah boleh membenarkan jaminan kepada mana-mana orang yang tertuduh dan jaminan demikian boleh diambil secara tunai atau dijamin dengan atau tanpa penjamin-penjamin.



(2) Mahkamah boleh setelah mengeluarkan waran penangkapan memberi kuasa kepada polis untuk membenarkan jaminan menurut syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(3) Kecuali jikalau jaminan dibenarkan, sesiapa saja yang ditangkap secara sah di bawah Akta ini hendaklah ditahan dalam penjara sementara menunggu perbicaraan.

(4) Perbicaraan bagi mana-mana orang yang tertuduh yang ditahan dalam penjara hendaklah diadakan seberapa cepat yang mungkin dan diutamakan daripada semua kerja Mahkamah yang lain, meskipun yang ditetapkan secara khas untuk dibicarakan.”

Dari segi amalan, kelemahan yang ketara dalam peruntukan-peruntukan di atas ialah tiada peruntukan mengenai dengan cara tangkapan, pengeledahan, pemeriksaan suspek, kuasa memecah mana-mana sekatan, kuasa memburu dan menangkap semula, saman memaksa kehadiran, merakam pernyataan suspek dan lain-lain. Oleh kerana undang-undang prosedur di dalam Akta P77 terlalu ringkas, ia memerlukan rujukan bersilang (cross reference) kepada CPC untuk menjelaskan proses dengan lebih lanjut. Ini dapat dilihat dalam Bab 78 yang memberi kuasa rujukan itu dibuat. Bab 78 Akta P77 berbunyi:

*“Perkara-perkara yang tidak dipersyaratkan*

*78. Di dalam perkara-perkara amalan dan tatacara dalam **perbicaraan-perbicaraan** jenayah, yang tidak dipersyaratkan dengan nyatanya dalam Akta ini atau mana-mana peraturan yang di buat dibawahnya, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian untuk mengelakkan ketidakadilan dan penyelesaian urusan dengan mudah dan boleh dalam **perbicaraan perbicaraan** jenayah mengambil perhatian kepada amalan dan tatacara yang diamalkan di mahkamah sivil”*

Implikasi kepada pemakaian secara rujukan bersilang kepada CPC ini ditimbulkan dalam kes *Pendakwa Syarie Lwn Sajeed Shah Bin Abdullah*.<sup>202</sup> Kes ini berlaku pada tahun 2003 dan mula didengar di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) pada Oktober 2006. Perbicaraan penuh belum dibuat kerana peguam tertuduh telah membuat bantahan awal di MRS bagaimanapun telah ditolak pada 10 November 2008 kemudian kes ini dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah (MTS), sekali lagi bantahan awal ini ditolak

---

<sup>202</sup> MRHS/BM/JEN/HDJ/8P/2006

pada 26 Mei 2009.<sup>203</sup> Defendan dalam kes ini dituduh melakukan kesalahan khalwat di bawah Bab 171 (1) Akta P77. Di dalam bantahan awal peguam tertuduh menimbulkan isu sama ada PPA mempunyai kuasa membuat tangkapan dan menyiasat. Peguam defendan dalam kes ini berhujah Bab 78 Akta P77 tidak memberikan kuasa-kuasa itu kerana ia hanya dapat dirujuk untuk amalan-amalan dalam perbicaraan mahkamah bukannya dalam perkara-perkara penguatkuasaan. Menurut peguam defendan lagi, jika dilihat kepada seksyen-seksyen yang terdapat di dalam CPC yang diamalkan di mahkamah sivil juga tidak disebutkan sama sekali perkataan 'Penguatkuasa Agama'. Oleh kerana itu peguam defendan berpendapat PPA tidak diberikan kuasa-kuasa menyiasat dan menangkap seperti yang diberikan kepada pihak polis. Bagaimanapun Hakim Mahkamah Tinggi dalam keputusannya menolak bantahan awal ini dengan alasan kes ini telah tertangguh selama 6 tahun lamanya. Oleh kerana itu Yang Arif (YA) berpendapat kes ini perlu diputuskan oleh hakim bicara (MRS) terlebih dahulu. Hak untuk merayu masih belum dinafikan kerana ia masih boleh dibuat selepas kes utama diputuskan.<sup>204</sup>

## **B. Isu undang-undang kedua: Kekaburan undang-undang prosedur dalam Akta P77**

Penguatkuasaan sesuatu undang-undang adalah sebahagian daripada proses keadilan jenayah. Pelaksanaan undang-undang menghendaki sesuatu peruntukan dikuatkuasakan untuk menjaga sesuatu kepentingan. Oleh yang demikian, untuk melaksanakan kehendak sesuatu undang-undang, agensi penguatkuasa perlu memastikan takat dan bidangkuasanya. Bagaimanapun penguatkuasa seringkali menghadapi kesukaran disebabkan peruntukan yang kurang jelas, atau dengan erti kata lain, kekaburan undang-undang boleh menyebabkan kesilapan dan kekeliruan dalam mentafsir sesuatu peruntukan, seterusnya secara tidak langsung boleh menyumbang kepada kepincangan

---

<sup>203</sup> Kes Semakan Jenayah Bil: MTS/SJ/BM 01/2009

<sup>204</sup> Ibid

penguatkuasaan. Sebagai contoh peruntukan mengenai dengan lantikan penguatkuasa agama di dalam Bab 26 Akta Mahkamah Syariah Penggal 123 di mana menyebut penguatkuasa agama mempunyai kuasa menyiasat sebarang kesalahan syariah yang dilakukan. Terdapat segelintir PPA berpendapat bahawa PPA tidak ada kuasa menangkap dengan alasan PPA tidak diberikan kuasa menangkap kerana Akta P123 hanya menyebut perkataan ‘menyiasat’ sahaja.<sup>205</sup> Tafsiran yang kurang tepat ini mengakibatkan peranan penguatkuasa agama tidak berfungsi secara total. Bagi penulis, meskipun perkataan ‘menangkap’ tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta P123 tetapi kuasa itu merupakan kuasa semulajadi dalam melakukan sesuatu siasatan. Jika diperhatikan, terdapat beberapa lagi kekaburan yang terdapat dalam Akta P77 antaranya:

1. Perkataan “pecah keamanan” (*Breach Of Peace*): Bab 65 memberi kuasa kepada Merinyu Hal Ehwal Ugama untuk menangkap tanpa waran sesiapa yang melakukan apa-apa kesalahan dalam Akta P77 yang melibatkan pecah keamanan. Apa yang dapat difahami jika kesalahan itu tidak melibatkan pecah keamanan Merinyu Hal Ehwal Ugama (PPA) dikehendaki supaya memohon waran terlebih dahulu. Sekiranya ini yang dimaksudkan dalam peruntukan ini sudah tentu peruntukan ini menyusahkan PPA untuk bertindak. Ini kerana, walaupun kesalahan itu berlaku di depan penguatkuasa agama contohnya semasa membuat rondaan di tepi pantai, mendapati satu pasangan sedang berkhalwat tetapi tidak menyebabkan ‘pecah keamanan’. oleh itu, satu waran dikehendaki. Keperluan untuk mendapatkan waran dalam kes ini, menjadikan bab ini menjadi sia-sia kerana tujuan tangkapan tanpa waran diperuntukkan ialah untuk membuat tindakan dengan seberapa segera apabila mendapati satu kesalahan dilakukan. Jika ditafsirkan pecah keamanan ini kepada semua kesalahan syariah yang

---

<sup>205</sup> Temubual dengan Abdullah bin Alli ( Ketua Merinyu Hal Ehwal Agama) pada 19hb September 2009

diperuntukkan dalam Akta P77 ini masalah kekaburan perkataan tidak akan timbul. Natijahnya, jika mana-mana kesalahan yang dilakukan di hadapan merinyu di tempat awam, waran tidak diperlukan untuk membuat satu tangkapan. Bagaimanapun tafsiran pecah keamanan ini tidak pernah ditafsirkan oleh Mahkamah Syariah di Brunei. Kenyataannya ungkapan ‘pecah keamanan’ berasal dari prinsip *common law* yang merujuk satu keadaan yang boleh menimbulkan kekecohan atau sesuatu perlakuan atau tindakan ganas yang tidak terkawal, huru-hara dan kacau-bilau. Keadaan ini kebiasaannya perlukan tindakan segera. Kerana itulah tangkapan tanpa waran digunakan. Di dalam kamus undang-undang terdapat ungkapan “*breach of the peace*” yang bermaksud:

“Keadaan yang berlaku apabila gangguan dibuat atau mungkin dibuat terhadap seseorang atau (dengan kehadirannya) terhadap hartanya, atau apabila seseorang takut akan diganggu menerusi serangan, gaduh gempar atau gangguan lain.”<sup>206</sup>

Tafsiran ini nampaknya begitu sempit, jika digunakan tafsiran ini untuk bertindak di bawah kesalahan syariah disebabkan pada kebiasaannya ia dilakukan secara sembunyi-sembunyi dan lazimnya tidak menimbulkan huru-hara atau memecah keamanan. Oleh sebab itu isunya di sini ialah sama ada pecah keamanan itu dijadikan syarat untuk memulakan tindakan atau tidak.

b. Peruntukan kes boleh tangkap (BT) dan tidak boleh tangkap (TBT): perkara ini tidak dijelaskan di dalam Akta P77 sama ada kesalahan-kesalahan yang ada boleh tangkap ataupun tidak. Sebagai perbandingan, CPC membezakan di antara dua kategori kesalahan ini di mana terdapat senarai *sizeable offence* dan *non-seizable offence* dalam kolum ketiga Jadual Pertama.<sup>207</sup> Peruntukan yang lebih kurang sama dengan yang

---

<sup>206</sup> Kamus Undang-undang (2005) Penerbit Fajar Bakti: Selangor Darul Ehsan. ms 60

<sup>207</sup> “*seizable offence*” means an offence for which, and “*seizable case*” means a case in which, a police officer may ordinarily arrest without warrant according to the third column of the First Schedule or under the provisions of any other written law for the time being in force; “*non-seizable offence*” means an offence for which, and “*nonseizable case*” means a case in which, a police officer may not ordinarily

diperuntukkan ini ialah Bab 65 Akta P77 yang memperuntukkan tangkapan tanpa waran bagaimanapun nampaknya begitu sempit di mana tangkapan tanpa waran hanya terhad kepada tiga keadaan sahaja di Bab 65 a, b, dan c yang berbunyi:

*65. Mana-mana pegawai polis dan, jika diketahui tiada pegawai polis dapat diperolehi, mana-mana penghulu atau mana-mana Pegawai masjid yang diberikuasa secara bertulis bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau mana-mana **Merinyu Hal Ehwal Ugama** boleh menangkap tanpa waran-*

*(a) Sesiapa saja yang telah melakukan atau cuba melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini yang melibatkan **pecah keamanan**;*

*(b) Sesiapa saja yang telah melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini dan enggan atau gagal untuk memberi apabila dikehendaki nama dan alamatnya yang penuh dan benar; atau*

*(c) Sesiapa saja terhadap siapa waran dikeluarkan di bawah Akta ini yang masih ada kini, meskipun waran demikian tidak dimilikinya, dan oleh sebab itu hendaklah menghadapkan orang demikian atau menyebabkannya untuk dihadapkan ke mahkamah.*

2. Kuasa membenarkan jaminan: Menurut Bab 67 (2) Akta P77 apabila mahkamah mengeluarkan waran tangkap, pihak polis mempunyai kuasa untuk membenarkan jaminan. Masalahnya PPA tidak mempunyai kuasa untuk memberikan bon jamin kepada OYDS kerana PPA tidak dinyatakan dalam Bab 67 (2). Praktikanya PPA akan memberikan bon jamin kepada OYDS selepas satu tangkapan dibuat. Dalam kes-kes yang biasa pula pihak polis tidak ikut serta bersama PPA melaksanakan tugas-tugas rutin harian dan tangkapan berwaran. Keadaan ini memaksa PPA menggunakan apa saja cara walaupun ia bertentangan dengan undang-undang.

3. Maksud 'Mahkamah' dalam Bab 78 Akta P77: Menurut Bab ini apabila Mahkamah dapati tidak ada peruntukan dalam Akta P77 hendaklah mengambil perhatian amalan dan tatacara yang diamalkan di mahkamah sivil. Persoalannya adakah Bab 78 ini terpakai kepada PPA sedangkan tafsiran Mahkamah hanya terhad kepada mana-mana

---

*arrest without warrant according to the third column of the First Schedule or under the provisions of any other written law for the time being in force"*

peringkat mahkamah tidak termasuk penguat kuasa agama. Oleh sebab penguatkuasa tidak termasuk dalam tafsiran mahkamah setentunya segala tindakan PPA boleh dicabar di dalam prosiding jenayah.

4. Peruntukan waran bongkar (*search warrant*): Apabila kesalahan dilakukan dalam premis seperti tempat kediaman PPA biasanya akan memohon waran bongkar berdasarkan seksyen 61 CPC. Walaubagaimanapun perkara ini telah menimbulkan keraguan Mahkamah Syariah kerana seksyen tersebut digunakan untuk pemeriksaan tempat yang dipercayai sebagai penaruhan barang curi, dokumen dan sebagainya. Sedangkan tujuan waran oleh PPA adalah untuk memasuki mana-mana tempat yang dipercayai sebagai tempat untuk melakukan kesalahan di bawah Akta P77. Adakalanya PPA memasuki premis persendirian ini dengan keizinan pemiliknya. Dalam hal ini tidak timbul sebarang masalah pencerobohan. Akan tetapi isu yang sering akan timbul jika pemilik bangunan/rumah tidak membenarkan sama sekali PPA memasuki premisnya. Biasanya apabila berhadapan dengan situasi ini PPA akan meminta bantuan pihak polis supaya mengarahkan pemilik rumah/bangunan untuk memberi kebenaran masuk dan menjalankan pemeriksaan ke atas premis berkenaan atau pihak polis akan menggunakan kekerasan dengan cara memecahkan pintu atau sebagainya. Kekaburan undang-undang ini menimbulkan kekeliruan di kalangan PPA menggunakan peruntukan seksyen 61 CPC. Bagi mengatasi masalah ini mahkamah berpendapat kebenaran waran bongkar seperti yang dipohon PPA bukan berdasarkan CPC tetapi dengan tujuan mencegah kemaksiatan dan kemungkaran. Amalan pemakaian waran bongkar ini boleh dipertikaikan di mahkamah kerana tindakan PPA itu nanti dianggap sebagai pencerobohan atau menyalahgunakan kuasa kerana ia tidak diperuntukkan dengan jelas di dalam Akta.

### **C. Isu undang-undang ketiga: Kesalahan yang tidak terdapat di dalam statut jenayah syariah yang boleh menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan**

Terdapat juga kesalahan syariah tetapi tidak terdapat kesalahan tersebut di dalam Akta atau statut yang lain sebagai contoh satu kes bercumbu-cumbuan di antara dua orang perempuan di dalam sebuah kereta di tepi pantai. PPA hanya menyiasat perkara ini bagaimanapun tidak dapat dilanjutkan untuk pendakwaan kerana tidak ada kesalahan sedemikian di dalam Akta. Contoh yang lain ialah satu akad perkahwinan telah dilangsungkan di sebuah hotel di antara dua orang perempuan. Sedangkan tidak ada jenis kesalahan sedemikian di dalam Akta. Begitu juga bagi kes-kes akidah dalam Bab 186 Akta P77 yang tidak menepati elemen atau berbeza keadaan dengan peruntukan di dalam Akta walaupun dari hukum syarak ianya menjadi satu kesalahan seperti perbomohan, bersusuk, menilik, Kegiatan menarik duit, *Tahdirul arwah* dan sebagainya. Ketiadaan kesalahan ini merupakan *loophole* yang terdapat dalam Akta P77 yang menyulitkan PPA membuat siasatan lanjut terutama untuk melengkapkan kertas siasatan sebelum diangkat ke Bahagian Pendakwaan. Walaubagaimanapun penyelesaian kepada kes-kes ini dihadapkan ke pihak berkuasa lain terutama dalam kes akidah dihadapkan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai kuasa yang luas bagi isu-isu mengancam keselamatan negara.

#### **4.2.2 Isu-isu penguatkuasaan**

Terdapat juga isu-isu penguatkuasaan yang menjejaskan keberkesanan dan kelicinan penguatkuasaan. Isu-isu itu seperti peruntukan kesalahan syariah yang tidak sesuai dikuatkuasakan, Kesalahan yang dilakukan di luar sempadan, kesalahan yang tidak terdapat di dalam statut jenayah syariah, masalah membawa suspek terus ke siasatan

segera, rondaan tempat terkawal, kesulitan memohon waran, masalah memaksa kehadiran suspek untuk siasatan dan pemeriksaan di hospital, masalah kesemua kesalahan syariah boleh jamin dan kuasa penguatkuasaan yang terhad.

#### **a. Peruntukan kesalahan syariah yang tidak sesuai dikuatkuasakan**

Terdapat banyak kesalahan syariah dalam Akta P77 tetapi tidak semua dikuatkuasakan kerana sesetengah peruntukan tidak lagi sesuai dikuatkuasakan. Sebagai contoh Bab 171 *kesalahan tidak sembahyang Jumaat. yang berbunyi:*

*“Kehadiran di masjid*

*171. Mana-mana lelaki yang berumur 15 tahun atau lebih gagal untuk menghadiri sembahyang pada hari Jumaat di sebuah masjid menurut syarat-syarat dari Bab 133, tertakluk sebagaimana yang ditetapkan selepas ini, adalah melakukan kesalahan : Hukuman , denda sebanyak \$100 atau dalam hal kesalahan kedua, didenda sebanyak \$200 atau dalam hal ketiga atau kesalahan-kesalahan yang berikutnya, didenda sebanyak \$500*

*Dengan Syarat bahawa tiada kesalahan boleh dilakukan oleh mana-mana orang demikian jika—*

*(a) kehadiran dihalang oleh hujan;*

*(b) tempat dia tinggal lebih 3 batu dengan jalan yang paling dekat dari sebuah masjid; atau*

*(c) dia telah dibebaskan dari hadir ke masjid oleh pegawai masjid mukim di mana dia biasanya tinggal atau, dengan alasan-alasan sakit atau tidak berada di tempat dia biasanya tinggal”*

Bab 171 di atas diwujudkan kerana suatu masa dahulu bilangan jemaah dalam sesebuah mukim masjid tidak mencukupi sehingga jemaah terpaksa sembahyang zohor sejurus selepas sembahyang Jumaat. Keadaan itu tidak lagi berlaku sekarang kerana pertambahan penduduk di setiap mukim masjid. Oleh yang demikian dalam menguatkuasakan satu-satu peruntukan apakah latar belakang sesuatu peruntukan undang-undang itu diwujudkan perlu diambil kira. Kerana jelas Bab 171 ini tidak lagi



praktikal untuk dijalankan pada masa sekarang.<sup>208</sup> Sebagai perbandingan masalah yang sama berlaku di Malaysia, Dr Nasimah Hussin melahirkan rasa kurang senang terhadap keberkesanan penguatkuasaannya memandangkan realiti pada masa ini masih terdapat di kalangan orang Islam yang tidak menunaikan solat Jumaat. Dr Siti Zubaidah Ismail pula dalam komentarnya menunjukkan adanya kesukaran kepada PPA untuk membuat siasatan kerana pihak berkuasa bergantung sepenuhnya kepada maklumat daripada orang awam mengenai orang yang disyaki. Lebih teruk lagi kena 'mengintip' suspek jika tiada aduan berterusan mengenainya.<sup>209</sup>

#### **b. Kesalahan yang dilakukan di luar sempadan:**

Masalah ini banyak menyebabkan kes-kes syariah terbantut meskipun banyak tangkapan dibuat terutama kesalahan meminum minuman memabukkan. Brunei adalah negara bebas arak kerana kedai-kedai arak tidak dibenarkan beroperasi di negara ini sejak tahun 1987. Kemasukan arak melalui sempadan dihadkan kepada orang bukan Islam sahaja sebanyak 2 botol atau 12 tin sahaja bagi kegunaan persendirian. Masalah yang timbul ialah terdapat di kalangan orang Islam melakukan kesalahan yang minum minuman keras di sempadan negara.<sup>210</sup> Terdapat deretan kedai arak dan tempat-tempat hiburan satu kilometer dari pos kawalan sempadan. Masalah yang timbul ialah terdapat kes-kes di mana kesalahan itu dilakukan di luar sempadan kemudian suspek akan memasuki negara dalam keadaan mabuk. Meskipun banyak tangkapan dibuat tetapi

---

<sup>208</sup> Rumusan Kertas Kerja Muzakarah Antara Bahagian Penguatkuasa Agama, Bahagian Kawalan Aqidah Dan Bahagian Pendakwaan Syarie Pada 12hb.Jun, 2008M Bertempat:Dewan Utama Pusat Da'wah Islamiah KHEU, ms 3

<sup>209</sup> Siti Zubaidah Ismail (2008) "Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah" dalam *Seminar Semakan Semula Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran*, Anjuran IKIM, Bertempat Dewan Besar IKIM, pada 1 Apr 2008, m.s 8

<sup>210</sup> Muslim Woman Caught For Drinking In 24-Hour Watch, <http://www.brudirect.com/DailyInfo/News/Archive/June03/160603/nite01.htm>, 8 June 2010, ".....Brunei Religious Enforcement officers detained eight Muslim men and a woman, at Kuala Lurah checkpoint for drinking in neighbouring Sarawak, on Saturday night. It is an offence for Muslims to drink in Brunei or found in a state of intoxication. Sale of alcohol is also banned in the Islamic sultanate. But many go across the border to Sarawak, which is a short half-hour drive away where they would indulge in drinking and other activities not found in Brunei."

kes-kes sebegini tidak dapat dilengkapkan dengan sempurna kerana tidak cukup elemen seperti yang dikehendaki oleh Bab 172.<sup>211</sup> Kes-kes rentas sempadan ini sukar dilengkapkan dalam kertas siasatan kerana timbul beberapa isu perundangan dan ditambah lagi terdapat tanggapan PPA tidak mempunyai kuasa menyasat kesalahan yang dilakukan di luar sempadan negara. Kerana di dalam perundangan sivil pun mahkamah tertakluk kepada Seksyen 7 CPC yang dilakukan dalam negara sahaja.<sup>212</sup> Bagaimanapun isu ini tidak timbul jika Baginda Sultan memutuskan kesalahan itu dikira sebagai kesalahan dalam negara berdasarkan seksyen 7 (f) CPC berbunyi “(f) by a subject of His Majesty whether the offence was committed within or outside Brunei Darussalam.” Kedua kegagalan mendapatkan alat pengukur pernafasan (breath tester) yang boleh dijadikan bukti sokongan kesalahan itu berlaku. Biasanya di pihak pendakwaan pula akan menolak kes-kes yang tidak menepati standard pendakwaan. Bagi penulis untuk mengatasi masalah ini PPA boleh bertindak dengan menangkap suspek menurut Bab 65 (1) yang menghendaki PPA menangkap tanpa waran terhadap mana-mana kesalahan yang dilakukan di dalam Akta yang memecah keamanan. Kerana umum sudah mengetahui bahaya yang disebabkan oleh minuman keras boleh membawa bencana yang lebih besar. Oleh kerana itu ia boleh mendatangkan pecah keamanan. Sepatutnya dalam kes-kes sebegini PPA akan terus hadapkan ke bahagian pendakwaan. Sementara itu di pihak pendakwaan akan membuat ‘test case’ ke Mahkamah Syariah dengan menggunakan apa sahaja bukti atau *qarinah* yang menunjukkan kesalahan itu dibuat seperti kesan bau mulut walaupun tanpa diuji dengan breath tester dan juga digunakan bukti keadaan (*circumstantial evidence*) iaitu bagaimana keadaan suspek ketika

---

<sup>211</sup> Kes jenayah: MHEU/JUB/160/2002 Bab 172 dan Kes jenayah MHEU/JUB/181/2003 Bab 172

<sup>212</sup> 7. *Subject to the provisions of this Code, the jurisdiction of the High Court and the Court of a Magistrate in criminal matters shall extend to any offence committed —*

(a) *wholly or partly within Brunei Darussalam; or*

(b) *on board any ship registered in Brunei Darussalam; or*

(c) *on board any aircraft registered in Brunei Darussalam; or*

(d) *on the high seas if the offence is piracy by the law of nations; or*

(e) *by any person outside Brunei Darussalam who abets, or enters a conspiracy to commit, an offence within Brunei Darussalam, whether or not any overt act in furtherance of such conspiracy takes place within Brunei Darussalam; or*

ditangkap contohnya terhuyung hayang ataupun bercakap dengan perkataan yang tidak betul. Cara ini boleh dilaksanakan walaupun tanpa kajian saintifik.<sup>213</sup>

#### **c. membawa suspek terus ke siasatan segera:**

Terdapat perkara yang menjadi isu PPA mengenai dengan prosedur siasatan segera. PPA menghadapi kekeliruan sama ada mengambil langkah segera melaksanakan soal-siasat atau memberi ruang kepada suspek untuk bertenang. Kebimbangan ini wujud di kalangan PPA di mana apabila satu soal-siasat segera dibuat kemungkinan akan dianggap sebagai tindakan tindasan/duress terhadap orang yang ditangkap sebaliknya jika soal-siasat ditangguhkan kemungkinan akan mengakibatkan *failure of justice*. Bab 29 CPC memperuntukkan jika tangkapan telah dibuat tanpa waran, PPA hendaklah membawa suspek di hadapan mahkamah untuk didengar pertuduhan terhadapnya. Suspek tidak boleh ditahan lebih dari tempoh yang munasabah iaitu tidak melebihi 48 jam. Apabila pertuduhan ditangguhkan, maka suspek hendaklah ditahan dalam penjara atau jagaan polis di bawah waran tahanan yang dikeluarkan oleh hakim syarie. Secara tidak langsung bab ini memperuntukkan suatu tempoh yang perlu dipatuhi dalam mengadakan soal-siasat. Tempoh tersebut perlulah munasabah hingga tidak menjejaskan siasatan dan pada masa yang sama tidak menyebabkan tekanan terhadap suspek.

#### **d. Tempat terkawal**

Satu lagi kesulitan yang timbul di dalam melakukan rondaan rutin di tempat terkawal seperti universiti, kolej dan rumah kediaman polis dan tentera. Kesulitan itu terjadi terutama bagi tujuan perisikan. Ini kerana maklumat hanya diperolehi melalui bantuan orang perseorangan dari dalam tempat yang disiasat. Kes-kes tangkapan tanpa bantuan

---

<sup>213</sup> *Francis a/l Anthonysamy lwn Pendakwa Raya* [2003] 2 MLJ 49

maklumat orang awam adalah dikira 90% gagal kerana perisikan tidak dapat dilakukan di tempat-tempat sebegini.<sup>214</sup>

#### **e. Kes di dalam hotel**

Penguatkuasaan yang dibuat di dalam hotel terlebih dahulu mendapatkan waran dari Hakim Syarie hari sebelum pelaksanaan waran. Hakim akan melihat diari penyiasatan untuk memastikan kesalahan itu benar-benar berlaku. Bilik hotel hendaklah dinyatakan di dalam diari tersebut sebelum memohon waran. Masalah yang timbul ialah suspek boleh melarikan diri ke bilik yang lain. Dalam hal ini bantuan dari dalam amat diperlukan. PPA dalam kes sebegini dinasihatkan tidak mengetuk semua bilik kecuali nombor bilik yang disebutkan di dalam waran. Bagaimanapun pekerja-pekerja hotel tidak berani mendedahkan butiran pelanggan disebabkan mendapat tekanan daripada majikan hotel untuk melindungi kepentingan perniagaannya.<sup>215</sup>

#### **f. Kehadiran siasatan dan pemeriksaan di hospital**

Dalam kes apabila suspek tidak menghadirkan diri untuk proses siasatan dan pemeriksaan di hospital: jika suspek telah disaman untuk hadir bagi tujuan siasatan kemudian tidak menghadirkan diri akan menjejaskan kelicinan soal siasat. Terdapat kes yang terpaksa ditutup kerana fakta kes tidak mencukupi untuk dibuat tindakan lanjut ke Bahagian Pendakwaan.<sup>216</sup> Siasatan yang dibuat dengan pemeriksaan di hospital juga menjadi masalah jika suspek enggan memberi kerjasama, sementara kuasa yang ada

---

<sup>214</sup> Minit Muzakarah Ketua Penguat kuasa Agama Bersama Unit-unit Perisikan dan Pelaksanaan Operasi BPA bagi Tahun 2007 bertarikh 8hb Mac 2007, juga temu bual dengan Hj Yahya Hj Damit (Ketua Merinyu Agama) pada 7hb Disember 2009

<sup>215</sup> Temu bual dengan Hj Yahya Hj Damit (Ketua Merinyu Agama) dan Karim Hj Momin (Merinyu Kanan) pada 7hb Disember 2009.

<sup>216</sup> Kes jenayah Bab 172 MHEU/JUB/68/2004

memaksa suspek untuk itu masih belum jelas berbanding dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh pihak polis. Borang kebenaran pemeriksaan.<sup>217</sup>

**g. Semua kesalahan syariah adalah boleh jamin:**

Ini menyebabkan PPA dalam keadaan kejar mengejar. Ia juga memberi peluang yang mudah untuk suspek melarikan diri atau tidak hadir untuk membantu siasatan terutama yang melibatkan warganegara asing. Satu alternatif yang dibuat ialah dengan menahan pasport suspek bagaimanapun perkara ini masih tetap berlaku. Dalam *Kes Pendakwa Syarie lawan Sulastri Hj Basir* Defendan adalah seorang warga Indonesia telah membuat pengakuan di hadapan penguat kuasa telah melakukan persetubuhan haram (Bab 178 (4) Akta P77) bersama pasangannya merujuk kepada Bab 116 dan 117 CPC, bagaimanapun defendan tidak dapat dihadapkan ke mahkamah kerana melarikan diri walaupun usaha telah dibuat dengan kerjasama pihak Imigresen.<sup>218</sup>

**h. Kuasa terhad**

Terdapat peruntukan yang tidak dapat dilaksanakan kerana kuasa yang ada adalah terhad yang melibatkan lain-lain agensi seperti mahkamah dan pendakwa. Jarang sekali kes akan dibawa ke mahkamah secara terus, mahkamah pula dari amalannya tidak akan menerima kes tanpa siasatan lanjut. Ini menyebabkan kes PPA bertambah banyak dan memakan masa untuk diselesaikan. Selain itu pegawai penyiasat mengalami kesukaran jika melibatkan pihak swasta seperti syarikat telekomunikasi tertentu yang tidak membenarkan PPA mendapat sebarang maklumat daripada transaksi perhubungan pelanggannya dengan alasan PPA tidak ada undang-undang khas sepertimana yang diberikan oleh pihak polis.

---

<sup>217</sup> Lampiran N

<sup>218</sup> Kes Jenayah : MHEU/JUB/85/2001,

### **4.2.3 Isu-isu Pentadbiran:**

Seperti yang telah diterangkan di awal perbincangan mengenai isu-isu penguatkuasaan di mana aspek undang-undang merupakan aspek yang paling penting dalam perkara ini. Bagaimanapun ia tidak memadai setakat itu jika sekiranya sebuah undang-undang itu tidak ditadbir dengan baik. Oleh itu isu-isu pentadbiran dibincangkan di sini seperti masalah ketiadaan garis panduan, ketiadaan skim perkhidmatan, kekurangan pegawai penguatkuasa agama dan kekurangan kemudahan sokongan. Untuk jelasnya dibincangkan seperti berikut:

#### **a. Ketiadaan garis panduan yang jelas**

Dalam pengendalian siasatan bagi sesuatu kesalahan, seringkali terjadi perselisihan pendapat dan pandangan dalam kalangan PPA. Dalam hal ini satu garis panduan diperlukan sebagai tambahan kepada undang-undang dan peraturan yang ada. Amalan di Brunei amalan yang dilakukan ialah dengan merujuk kepada surat keliling yang diedarkan kepada PPA. Biasanya ia mengandungi nombor bilangan bagi setiap tahun. Surat keliling ini kebanyakannya adalah hasil daripada nasihat Peguam Negara<sup>219</sup> bagi setiap permasalahan undang-undang yang dirujuk kepada PN. Amalan merujuk kepada PN ini diamalkan sekian lama sejak tahun 70an lagi. Terdapat beberapa kelemahan mempraktikkan amalan ini antaranya pertama tidak semua PPA mengetahui kesemua siri bilangan surat keliling yang dikeluarkan pada setiap tahun. Keadaan ini lebih menimbulkan masalah jika terdapat PPA yang baru bertugas. Kedua susunan bahasanya sukar difahami di setiap peringkat PPA kerana Nasihat PN berbentuk jawapan kepada isu undang-undang, huraian yang panjang, tidak dibuat dalam bentuk format sebuah

---

<sup>219</sup> Mahkamah tidak terikat dengan nasihat peguam negara, *Gan Ak Kaw & Gan Kim Siew v Pentadbir Tanah Daerah Rembau* (1993) CLJ 136 dan kes *Nang Siew Pian* (1992) 2 MLJ 425

statut dan sukar dirujuk kerana dikeluarkan mengikut siri pada setiap tahun. PPA di Brunei juga mempunyai satu cara memudahkan tugas-tugas mereka iaitu menggunakan kaedah MPK (Manual Prosedur Kerja). Adalah menjadi amalan agensi-agensi kerajaan di Brunei mempunyai MPK di setiap jabatan. MPK biasanya berbentuk carta alir dan terdapat penjelasannya di dalam tajuk huraian. Bagaimanapun amalan ini semasa penulis membuat kajian ini MPK bagi setiap unit kecil BPA (Bahagian Penguatkuasa Agama) tidak dibuat dengan teratur disebabkan tidak semua ketua unit tersebut memahami bagaimana membuat MPK dengan betul. Jawatankuasa MPK di peringkat Kementerian Hal Ehwal Agama pula tidak menyelaraskan MPK mengikut standard yang ditetapkan.

**b. tidak wujud skim perkhidmatan penguatkuasa:**

Jawatan PPA dipilih daripada kalangan penjawat awam. Pengambilan bagi jawatan PPA yang rendah dipilih hasil dari temuduga sementara bagi ketua penguatkuasa agama dan penolongnya dipilih di kalangan pegawai berijazah walaupun tidak mempunyai latarbelakang pendidikan undang-undang. Pegawai-pegawai berijazah ini terdiri dari jawatan pegawai ugama, pegawai pelajaran ugama dan pegawai perkembangan ugama. Pegawai-pegawai ini biasanya tidak kekal lama kerana seringkali ditukar ke jabatan-jabatan lain. Masalah yang timbul ialah tidak ada penumpuan kepada kepimpinan yang berpengalaman menangani tugas-tugas penyiasatan. Sementara PPA yang mengetuai seksyen-seksyen tidak mempunyai peluang meningkatkan skim kenaikan jawatan mereka berdasarkan lama tempoh bertugas dan merit tugas. Begitu juga keadaan yang sama berlaku kepada Pegawai-pegawai bawahan. Skim yang ada sekarang ini nampak statik dan tidak berkembang mengikut keperluan semasa. Oleh yang demikian bagi meningkatkan profesionalisme penguatkuasaan agama perlu diwujudkan satu skim

penguatkuasa yang baru dengan gaji yang bersesuaian terutama bagi mengisi pegawai-pegawai kanan. Skim ini perlu diadakan untuk mengatasi masalah perpindahan PPA ke jabatan lain. Kebaikannya kepada PPA melalui skim ini dapat menikmati peluang kenaikan pangkat dengan jawatan kewujudan skim jawatan pegawai rendah dan kanan. Jawatan-jawatan ini nanti hendaklah memenuhi kriteria penguatkuasa agama yang berlatarbelakangkan undang-undang. Soal mewujudkan skim penguatkuasa perlu diberi perhatian kerana ia adalah boleh memartabatkan kedudukan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini. Salah satu usaha yang pernah dibuat ialah menaikkan kedudukan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dengan mewujudkan skim jawatan hakim-hakim syarie, pendaftar dan pegawai-pegawai mahkamah pada tahun 2001 bagaimanapun skim jawatan penguatkuasa setakat ini belum diwujudkan walaupun perancangan dan cadangan skim itu pernah diatitkan.<sup>220</sup>

### **c. Ketiadaan kemudahan sokongan/peralatan**

Umumnya mengetahui aspek-aspek penguatkuasaan adalah penting dalam menguatkuasakan sesebuah undang-undang. Pengawasan dan langkah-langkah pencegahan adalah perlu dalam menguatkuasakan undang-undang. Bentuk penguatkuasaan adalah pelbagai melalui dua cara iaitu secara umum dengan memberi ceramah dan kaunseling dan satu lagi pendekatan yang diambil secara khusus ialah pendekatan untuk menghukum pesalah. Cara kedua ini akan melalui proses-proses seperti tangkapan, pendakwaan dan perbicaraan. Penguatkuasaan di peringkat pra bicara adalah menjadi fokus perbincangan dalam bab ini. Adalah menjadi harapan kita khususnya dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah di Brunei dapat berjalan dengan lebih berkesan. Bagaimanapun usaha itu tidak akan tercapai dengan

---

<sup>220</sup> Surat KHEU kepada Pengerusi SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) Bil : 3MU/JUB/14/1999-PT-IV bertarikh 5hb Mac 2001



baik jika kemudahan sokongan tidak dibekalkan sepertimana agensi-agensi penguatkuasa yang lain.

Berdasarkan penelitian penulis, mendapati penguatkuasa agama di Brunei berhadapan dengan pelbagai kekurangan seperti berikut:

1. PPA tidak dibekalkan senjata dan peralatan yang bersesuaian: Lazimnya sebuah agensi penguatkuasa dibenarkan memiliki senjata yang sesuai untuk menguatkuasakan undang-undang bertujuan untuk mempertahankan diri atau mengelak suspek daripada melarikan diri. Perkara ini penting kerana kadangkala berlaku kes tangkapan di mana PPA dipukul oleh suspek dan juga ada kes sehingga boleh mengancam nyawa. Bagaimanapun PPA tidak dibenarkan memiliki senjata dan peralatan yang tertentu seperti belantan dan gari. Perkara ini dinasihatkan oleh Ketua Penasihat Undang-undang (KPU) di Peguam Negara disebabkan PPA tidak ada undang-undang yang khusus bagi membenarkan untuk memiliki senjata seperti yang diperuntukkan kepada penguatkuasa sivil seperti pihak polis<sup>221</sup> atau pegawai Biro Kawalan Narkotik.<sup>222</sup> Bab 16 dari Akta Agensi-Agensi Keselamatan Penggal 187 memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi seorang tanpa autoriti yang dibenarkan oleh undang-undang untuk membawa belantan atau gari di tempat awam. Menurut KPU lagi kebenaran kepada pihak polis diberikan kerana mereka telah dilatih secara mandatori sebelum menggunakan senjata dengan mengambil kira bila kekerasan munasabah (*reasonable force*) boleh digunakan menurut Perintah-Perintah Am (*General Orders*). Oleh kerana itu KPU menasihatkan PPA supaya membawa pihak polis bersama semasa membuat rondaan atau menjalankan waran sepertimana amalan yang sama juga digunakan di

---

<sup>221</sup> Royal Brunei Police Force Act Cap 50 S.14. "A police officer may in the performance of his duties carry arms and ammunition."

<sup>222</sup> Misuse of Drugs Act Cap. 27 S.2D. "(1) Every officer of the Bureau is hereby authorised to carry and use weapons, as ordered by the Director, for the effectual discharge of his duties. (2) In this Act, weapons" includes firearms and ammunition."

Malaysia di mana PPA tidak dibenarkan membawa senjata dan gari kerana tiada keperluan PPA untuk membawa senjata.<sup>223</sup>

2. Tidak disediakan kenderaan yang khas: satu lagi masalah yang dihadapi ialah PPA tidak disediakan kenderaan yang khusus bagi tujuan penguatkuasaan. Permohonan untuk memiliki kenderaan khas telah dibuat kepada pihak atasan bagaimanapun belum diluluskan. Pada masa ini PPA hanya menggunakan kenderaan persendirian untuk menjalankan tugas. Walaupun elaun perjalanan bertugas diberikan kepada setiap PPA atau mana-mana penjawat awam namun masalah itu nampak tidak teratur kerana agensi-agensi penguatkuasa sivil lazimnya menggunakan kenderaan yang khas apabila sesuatu operasi dijalankan terutama apabila operasi bersepadu yang melibatkan pasukan polis, kastam dan imigresen yang masing-masing mempunyai kenderaan rasmi kerajaan sedangkan penguatkuasa agama tidak memiliki kenderaan penguatkuasa yang khas. Perkara ini menimbulkan kesan psikologi dan rasa rendah diri kepada penguatkuasa agama. Terdapat juga kes di mana seorang PPA terpaksa menjalankan tugas dengan kenderaan sendiri walaupun setelah digantung lesen memandu oleh pihak berkuasa.<sup>224</sup>

3. Peruntukan perbelanjaan penyiasatan yang tidak mencukupi: Satu aspek yang menjadi faktor keberkesanan penguatkuasaan ialah peruntukan perbelanjaan. Di Brunei ia disebut sebagai *Perbelanjaan Penyiasatan*. Perbelanjaan yang diperuntukkan sebanyak BND35, 000 ÷ 12 bulan (Tiga puluh Lima Ribu Ringgit Brunei)<sup>225</sup> untuk keperluan setahun. Ini bererti purata perbelanjaan sebulan hanya BND2,916<sup>226</sup> Jumlah ini tidak mencukupi kerana ia terlalu sedikit. Sesuatu Aktiviti atau operasi secara

---

<sup>223</sup> Surat Bil AG/ADV/M/51 'Memohon pandangan dan ulasan mengenai penggunaan belantan sewaktu bertugas' Hj Mohd Yusree Hj Junaidi (Ketua Penasihat Undang-Undang) kepada Pengarah JHES bertarikh 3hb September 2009

<sup>224</sup> Temu bual dengan Zulaikha @ Zaliha Hj Umar Ketua Unit Jenayah Umum BPA pada 7hb Disember 2009

<sup>225</sup> BND1 = RM2.30 , BND35,000 = RM80,500

<sup>226</sup> RM6706.8

berkala atau tidak, memerlukan kos-kos seperti kegunaan antara perkara-perkara berikut:

Pertama: dalam menjalankan perisikan adakalanya satu kes disiasat berbulan-bulan sekurang-kurangnya tiga kali risikan, dalam hal ini strategik membayar sugu hati kepada pemberi maklumat terpaksa dibuat, biasanya maksimum bayaran sebanyak BND50 diberikan kepada pemberi maklumat mengikut budi bicara pegawai penyiasat dan kualiti maklumat yang diberikan.

Kedua: Oleh kerana alat perhubungan operasi tidak disediakan, perbelanjaan digunakan untuk membayar kad pra bayar kepada semua penguatkuasa secara bulanan. Peruntukan kad pra bayar yang diperuntukkan setiap bulan kepada PPA dengan kadar yang berbeza sebanyak BND60,<sup>227</sup> BND40<sup>228</sup> dan BND20<sup>229</sup> mengikut peranan dan pangkat PPA di setiap unit.

Ketiga: Strategik menggunakan Nombor kenderaan palsu yang disediakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat seringkali gagal, kerana ia mudah dikesan oleh suspek, sebagai alternatif PPA menggunakan wang perbelanjaan untuk menyewa kereta bagi tujuan perisikan.

Keempat: Apabila ada operasi di Kampung Ayer di Bandar Seri Begawan, 2 buah perahu sewa diperlukan untuk membawa PPA yang dibahagikan kepada pegawai perisik dan pelaksana waran. Kos penyewaan ialah BND30 x 2 perahu dikenakan setiap kali menjalankan tugas.

---

<sup>227</sup> RM138

<sup>228</sup> RM92

<sup>229</sup> RM46

Kelima: Apabila operasi bersepadu dalam menguatkuasakan kesalahan syariah (anjaran BPA) yang melibatkan penguatkuasa sivil lain, lazimnya perbelanjaan makan dan minum ditanggung oleh pihak penganjur.

Keenam: Apabila operasi dibuat di luar daerah, PPA memerlukan rumah sewa (rest house) di daerah berkenaan memandangkan kes-kes jenayah syariah kebanyakannya berlaku di waktu malam.

Ketujuh: Oleh kerana PPA tidak dilatih atau disediakan prasarana untuk memproses gambar semasa kejadian kes-kes syariah, biasanya PPA akan memproses gambar tersebut di kedai-kedai foto yang dibenarkan dengan menggunakan wang peruntukan perbelanjaan.

Kelapan: perbelanjaan juga digunakan untuk membeli peralatan untuk menjalankan siasatan seperti camera, camera video dan teropong.<sup>230</sup>

#### **4.2.4 Isu sumber tenaga manusia: Kekurangan Pegawai, kelemahan dan kecekapan PPA**

##### **a. Kekurangan pegawai**

Keruntuhan moral dan perlakuan maksiat di kalangan segelintir masyarakat sering didedahkan di media massa. Masalah yang dihadapi oleh golongan belia di negara ini sahaja dapat menggambarkan situasi ini. Berdasarkan statistik, seramai 242 remaja yang

---

<sup>230</sup> Ibid

hamil sebelum berkahwin dari 5,266 kelahiran pada tahun 2006.<sup>231</sup> Meskipun angka itu belum sampai di tahap yang membimbangkan tetapi apabila diukur dari segi jumlah penduduk Brunei seramai 380,000 orang adalah satu perkara yang sewajarnya diambil perhatian. Satu contoh yang lain ialah masalah meminum minuman keras. Walaupun kerajaan mengharamkan penjualan minuman keras di Negara Brunei Darussalam, kemasukannya hanya diberikan secara terhad kepada non Muslim tidak melebihi 2 botol atau 12 tin sahaja. Namun begitu sering kita dapati di tepi-tepi longkang<sup>232</sup> dan jalan-raya, kotak atau bekas-bekas minuman keras seolah-olah sebagai satu petunjuk menzahirkan rasa bangga kerana terlepas dari pengetahuan pihak berkuasa.

Adalah menjadi harapan semua kesalahan jenayah syariah dapat dibanteras ke tahap yang maksimum. Namun begitu usaha menguatkuasakan tidak berjalan dengan licin memandangkan kekurangan pegawai penguatkuasa agama. Isu ini sepatutnya tidak lagi timbul jika dilihat kepada usia penubuhan merinyu ugama kini dikenali penguatkuasa agama sudah menjangkau usia ke 50 tahun. Walaupun terdapat pertambahan penguatkuasa agama di tahun-tahun tertentu namun jumlah itu masih tidak seimbang dengan jumlah kes aduan dan tempoh masa proses untuk menyelesaikan satu-satu siasatan. Berdasarkan statistik aduan kesalahan jenayah syariah yang direkodkan di cawangan utama di Daerah Brunei Muara pada tahun sepanjang tahun 2007 berjumlah sebanyak 415 kes dengan purata sebulan sebanyak 32 kes.<sup>233</sup> Kes-kes ini hanya dikendalikan oleh 13 orang Penolong Pegawai Penyiasat (PPP), ini bererti setiap PPP mengendalikan sekurang-kurangnya 3 kes sebulan. Sedangkan bagi menyelesaikan satu

---

<sup>231</sup> *Morality Under Scrutiny* By Dewi Mohd Sofri <http://www.Brudirect.com/DailyInfo/New/Archive/Apr07/010407/nite18.htm>, 22 April 2010

<sup>232</sup> Empty Alcoholic Cans Pose An Eyesore, <http://www.Brudirect.com>, 20 June 2009, "...What has happened to the religious and moral values of our society today? Photo shows empty cans of an alcoholic beverage littering the vicinity of Dewan 1 Kampong Perpindahan Lambak Kanan. Not only that these irresponsible individuals are being disrespectful to the community by drinking alcohol, but they are also committing an offence against the law and religion. According to one of the nearby residents, they would usually find empty cans of alcoholic drinks every Friday and Sunday morning and they urged relevant authorities to take action against these irresponsible individuals.-- Courtesy of Borneo Bulletin"

<sup>233</sup> Statistik Aduan Jenayah Umum Dan Keluarga tahun 2007

kertas siasatan mengambil masa 14 hingga 60 hari.<sup>234</sup> Jika dilihat nisbah penduduk Brunei yang beragama Islam dengan bilangan PPA yang dikhususkan melaksanakan operasi dan rondaan di cawangan utama didapati nisbah rasionya ialah bagi setiap PPA akan mengendalikan 30,666 orang Islam di daerah tersebut.<sup>235</sup> Huraian lanjut nisbah ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

**Jadual 4: Jumlah penduduk beragama Islam dan PPA yang bertugas**

DAERAH	BILANGAN PENDUDUK YANG BERAGAMA ISLAM	BILANGAN PPA YANG BERTUGAS MEMBUAT RONDAAN DAN OPERASI WARAN	RATIO PPA
Brunei & Muara	276,000	9	1:30,666
Belait	66,000	6	1:11,000
Tutong	45,300	4	1:11,325
Temburong	10,100	4	1: 2525
<b>Jumlah</b>	397,400	23	-

Sumber: Jabatan Penerangan<sup>236</sup> dan BPA

Pada kebiasaannya penjawat awam yang bertugas secara bergilir (*shift*) mempunyai tiga waktu giliran iaitu 8 jam setiap hari. Bagaimanapun PPA yang ditugaskan hanya dua kumpulan shift kerana menghadapi masalah kekurangan pegawai. Masalah yang timbul apabila dikehendaki bekerja hampir 24 jam sehari terutama di hujung minggu dan operasi bersepadu yang dijalankan dengan agensi-agensi penguatkuasa lain.<sup>237</sup>

<sup>234</sup> Minit Mesyuarat Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) No : JS/A/17/99 bertarikh 09hb April 2007.

<sup>235</sup> Keramaian penduduk Islam berdasarkan maklumat Jabatan Penerangan, [http:// www. Information.gov.bn](http://www.Information.gov.bn) , About Brunei : Population, 22 April 2010

<sup>236</sup> Ibid

<sup>237</sup> Unit Rondaan dan pelaksanaan waran

Terdapat juga keadaan pada sesetengah kes yang memerlukan risikan awal, kebiasaannya dibuat sekurang-kurangnya tiga kali risikan. Risikan tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana kekurangan pegawai perisik yang ditugaskan hanya 3 orang sahaja. Kes-kes sebegini memakan masa yang lama dan melibatkan lebih masa bertugas dalam sehari.<sup>238</sup>

#### b. Kekurangan kemahiran dan kecekapan

Isu mengenai kekurangan kemahiran dan kecekapan begitu sinonim dengan penguatkuasa agama. Apabila timbul satu kes yang melibatkan ketidakcekapan PPA seperti salah tangkap dan tidak mematuhi prosedur, umumnya akan melabel PPA tidak mahir dalam menjalankan tugas-tugas penyiasatan.<sup>239</sup> Dalam satu kes di Mahkamah Rendah Syariah juga kelemahan PPA ini juga diulas dengan panjang lebar antaranya Hakim Syarie berkata:

*“Memandangkan kepada kelemahan pihak Penguatkuasa Agama dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti:*

- 1. Tidak menjalankan siasatan sempurna*
- 2. Hanya menerima aduan bulat-bulat tanpa melakukan siasatan sepertimana peruntukan hukum syarak dan undang-undang.*
- 3. Tidak begitu tahu akan peranan masing-masing semasa serbuan, bahkan ada penguatkuasa Agama yang hanya bertindak melihat-lihat sahaja dan kemudian beredar tanpa tahu apa yang sepatutnya dilakukan.*

---

<sup>238</sup> Minit Muzakarah Ketua Penguat kuasa Agama Bersama Unit-unit Perisik dan Pelaksanaan Operasi BPA bagi Tahun 2007 bertarikh 8hb mac 2007

<sup>239</sup> Meskipun perkara yang sama juga berlaku kepada penguatkuasa-penguatkuasa yang lain seperti polis. Dalam kes Richard Chia Kok Hiong yang dituduh melakukan pembunuhan sepasang suami isteri dan seorang anak perempuan pihak polis dikatakan cuai dalam prosedur pengambilan sampel DNA dimana akhirnya tertuduh dibebaskan. *“The court expressed its dissatisfaction over the way evidence was collected from the crime scene and preserved by the police. The court stated that DNA results would not have much weight as evidence if there were doubts on the manner of how these were collected and preserved. The court also noted from the evidence given by the pathologist that there were about 30 police officers going in and out of the crime scene when the victims' bodies were discovered on December 17 and that the area was not properly cordoned off. The judge in his ruling also stressed that no protective clothing's were worn by the investigators in the crime scene to protect the area from being contaminated. Testimonies also showed that the police had failed to observe the strict protocols in handling evidence for DNA testing's. The court then urged the police that these mistakes should not be repeated in future investigations. It also noted that the prosecution had failed to show Richard's motives”.* Brunei Times reported [http://kbhappening.blogspot.com/2006\\_11\\_01\\_archive.html](http://kbhappening.blogspot.com/2006_11_01_archive.html), <http://www.brudirect.com/DailyInfo/News/Archive/June05/280605/nite01.htm>, Temu bual penulis dengan peguam defendan Yusof Halim pada 28hb Julai 2009

4. *Tidak mengambil perhatian tentang kepentingan membuat sebarang catatan dalam buku diari masing-masing.*
5. *Tidak merampas sebarang barang bukti walaupun tahu akan kepentingannya dalam perbicaraan.*
6. *Tidak mengambil gambar-gambar yang penting untuk dijadikan barang kes.*
7. *Dan beberapa perkara lagi yang perlu diambil perhatian untuk diperbaiki.*<sup>240</sup>

Bahkan kelemahan PPA ini juga kadangkala mengundang campur tangan badan eksekutif walaupun sebenarnya mereka tidak memahami punca sebenar masalah tersebut.<sup>241</sup>

Selain daripada program dan latihan yang perlu diaturkan, faktor-faktor kelayakan akademik juga adalah salah satu sebab yang menyumbang kelemahan penguatkuasa agama. Ini disebabkan amalan pelantikan bagi pegawai di peringkat atasan yang terdiri dari ketua penguatkuasa agama (KPA), Penolong KPA dan ketua-ketua Merinyu tidak dilatih dalam bidang undang-undang atau sekurang-kurangnya pemegang Diploma Guaman Syarie di Universiti Brunei Darussalam (DGS). Berbeza dengan jawatan-jawatan Hakim Syarie dan Pendakwa Syarie kebanyakan mereka merupakan pegawai-pegawai yang berkelayakan di peringkat Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma. Ironinya, jawatan-jawatan pegawai atasan tersebut dipilih sesiapa sahaja di kalangan penjawat awam. Sistem pemilihan pegawai-pegawai PPA ini memberi kesan kepada mutu dan rentak penguatkuasaan contohnya dalam keadaan yang memerlukan jawapan segera yang melibatkan isu undang-undang.

Jelasnya, antara kelemahan-kelemahan yang telah di kenal-pasti terutama pegawai-pegawai penyiasat contohnya kurang cekap dalam penyediaan kertas siasatan (IP). Terdapat banyak kes yang ditolak oleh pihak pendakwa untuk diteruskan kerana IP tidak lengkap disebabkan kegagalan PPA membuat siasatan lebih lanjut atau tidak gigih dalam membuat siasatan sebagai contoh kes Aduan Bil: BM/ 95/2002 bagi Kesalahan

---

<sup>240</sup> Kes Jenayah Bil : Pendakwa Syarie Lawan Mohd Vaedmarny Elleys dan Hajah Sofinaz Hj Abd Majid (MRHS/J/BM: 83/2005)

<sup>241</sup> Memorandum Bil: KHEU(BHEM)9/98 bertarikh 17hb Julai 2006



Bab 177(1) & Bab 178(4). Kertas siasatan ini telah dirujuk kepada pihak pendakwa pada 14.5.2002, setelah penelitian dibuat di Bahagian Pendakwaan Syarie, tidak ada kesalahan di dapati di bawah Bab 177(1) dan Bab 178(4) kerana perkahwinan di antara suspek dan rakannya menurut perkahwinan undang-undang sivil telah diiktiraf dan disahkan oleh Pendaftar Perkahwinan Mahkamah Besar BSB dan tidak ada peruntukkan dalam Akta Perkahwinan Sivil yang mengisytiharkan tidak sah jika salah satu pasangan menganut agama Islam. Pihak Pendakwa membuat keputusan, tidak wujud kesalahan Khalwat dan Persetubuhan Haram kerana suspek dan rakannya adalah pasangan suami isteri yang sah di sisi undang-undang sivil. Kelemahan kertas siasatan ini disebabkan PPA gagal membuat siasatan lanjut berhubung dengan maklumat status perkahwinan suspek dan rakannya.<sup>242</sup>

#### **4.4 Kesimpulan**

Isu dan masalah PPA di Brunei dapat dilihat dari empat sudut, pertama: isu undang-undang kedua: penguatkuasaan ketiga: pentadbiran dan keempat sumber manusia. Kelemahan yang ketara dari segi perundangan ialah tentang pemberian kuasa-kuasa yang asas seperti tangkapan, penggeledahan, penggunaan senjata dan sebagainya. Kuasa-kuasa itu masih lagi kurang kemas kerana belum ada undang-undang yang khusus sama ada undang-undang substantif dan prosedur. Tidak dapat dinafikan pemakaian undang-undang sedia ada sekarang boleh menguatkuasakan kesalahan-kesalahan jenayah syariah bagaimanapun ia masih menimbulkan isu-isu dan masalah seperti kesukaran memenuhi elemen kesalahan dalam peruntukan substantif dan kekaburan prosedur penguatkuasaan. Kelemahan undang-undang ini sedikit sebanyak mengurangkan kelicinan penguatkuasaan. Dari aspek pentadbiran, masalah yang wujud

---

<sup>242</sup> Rumusan Kertas Kerja Muzakarah Antara Bahagian Penguatkuasa Agama, Bahagian Kawalan Aqidah Dan Bahagian Pendakwaan Syarie, ms 15

ialah panduan penguatkuasaan tidak disediakan oleh pentadbir untuk menjelaskan operasi penguatkuasaan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dalam bentuk kaedah atau amalan. Skim perkhidmatan PPA yang tidak dikemaskinikan, penyediaan keperluan tenaga manusia dan penyediaan kemudahan sokongan antara isu-isu pentadbiran yang menjadi masalah penguatkuasaan. Sementara dari segi sumber manusia kualiti dan kuantiti PPA menjadi isu yang boleh menghambat keberkesanan penguatkuasaan jenayah Syariah. Isu-isu dan permasalahan penguatkuasa agama ini akan dianalisis dengan lebih lanjut pada bab yang kelima.

## **BAB V:**

### **RUMUSAN, KESIMPULAN DAN PENUTUP**

#### **5.0 Pendahuluan**

Di dalam bab ini, perbincangan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis, kesimpulan keseluruhan bab dan hala tuju kajian masa hadapan. Pendekatan penulisan dalam menganalisis permasalahan penguatkuasaan agama masa kini dilihat dari sudut keberkesanan, kelancaran dan keteraturan penguatkuasaan. Setelah menganalisis isu dan permasalahan, akan dicadangkan beberapa cadangan penyelesaian bertujuan untuk dibuat langkah-langkah penambahbaikan kepada kepincangan dan kekurangan yang ada. Dengan cara ini nanti, usaha memperkasakan penguatkuasaan agama mencapai sasaran dan objektifnya sebagai agensi yang utama menguatkuasakan undang-undang jenayah Islam atau dalam masa yang terdekat ini status penguatkuasaan agama sekurang-kurangnya tidak jauh berbeza dengan perkembangan penguatkuasaan sivil.

#### **5.1 Rumusan dan cadangan**

Hakikatnya daripada perbincangan permasalahan di bab keempat menunjukkan bahawa sistem dan amalan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negara kita masih belum menunjukkan tahap kecemerlangan. Ini bukan bermakna penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei tidak berfungsi tetapi ia masih di tahap yang sederhana. Penulis mendapati ciri-ciri kelemahan penguatkuasaan jenayah Islam di Brunei masa kini tidak jauh berbeza dengan pengalaman di negeri-negeri di Malaysia (sebagai perbandingan). Perbezaan yang ketara dilihat ialah dari sudut kemas kini undang-undang. Undang-undang yang teratur sama ada substantif dan procedural menjadi isu yang bertindih (isu lama yang tidak diselesaikan). Pindaan undang-undang Jenayah dalam akta induk dan penggubalan undang-undang prosedur yang lebih menyeluruh nampak *rigid*

dibandingkan dengan undang-undang yang disediakan bagi agensi penguatkuasaan sivil yang lain. Faktor kelambatan pewartaan undang-undang yang baru, mengakibatkan proses penambahbaikan penguatkuasaan sedikit terganggu. Sebagai contoh satu seminar penguatkuasaan telah diatur kepada penguatkuasa agama pada bulan Oktober 2008.<sup>243</sup> Fasilitator luar negara didatangkan khusus menerangkan prosedur penguatkuasaan yang biasa diguna-pakai di Malaysia. Antara yang dikritik oleh fasilitator itu ialah mengapa penguatkuasa agama di Brunei menggunakan prosedur *search warrant* (waran bongkar) untuk menangkap OYDS sedangkan mekanisme itu lazimnya digunakan untuk mencari barang-barang curian dan bahan-bahan bukti lain, fasilitator itu mencadangkan supaya digunakan waran tangkap. Soalnya di sini, peruntukan waran tangkap itu tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta P77, lebih membingungkan lagi di dalam CPC pemakaian seksyen 59 dan 61 lazimnya digunakan untuk mencari barang-barang dalam premis seperti rumah dan hotel, seksyen yang terdapat dalam CPC itu masih tidak menepati kehendak penguatkuasaan kesalahan syariah lazimnya untuk mencari OYDS. Ironinya selepas kursus berakhir, penguatkuasa prosedur PPA masih tidak berubah kerana penguatkuasa agama masih mencari-cari peruntukan undang-undang yang jelas dan terkini.

Lebih membimbangkan lagi di era moden ini bentuk sistem sosial masyarakat mengalami perubahan dari segi intelektual, gaya hidup, hiburan, pergaulan dan lain-lain. Faktor-faktor globalisasi seakan-akan tidak mampu dibendung lagi dengan kebanjiran media-massa, akses kepada saluran-saluran sebegini begitu mudah diperolehi. Begitu juga semakin longgarnya kawalan institusi kekeluargaan. Implikasinya keadaan sosial masyarakat Islam (tidak terkecuali di Brunei) mudah dipengaruhi nilai-nilai dan

---

<sup>243</sup> Bengkel Pembangunan Kemahiran Hakim-Hakim Syariah Dan Pegawai-Pegawai Mahkamah Syariah, Negara Brunei Darussalam, Undang-Undang Acara Jenayah Syariah di Dewan Serbaguna, Tkt 1 Bangunan Mahkamah Besar Brunei Dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, B.S.B pada 27 Oktober-30 Oktober 2008

pengaruh-pengaruh barat. Cabaran inilah yang menanti pihak berkuasa agama untuk ditangani secara proaktif. Masalahnya di sini, mekanisme undang-undang jenayah dalam Akta P77 tidak menyediakan jenis-jenis kesalahan seperti perhubungan seks sesama jenis, sumbang mahram, pelacuran, muncikari, liwat, berlagak pondan, perbuatan tidak sopan di tempat awam, berjudi, murtad dan lain-lain. Kelambatan bertindak dan proses pewartaan menangguhkan lagi proses penguatkuasaan kerana ia merupakan antara mekanisme pencegahan yang boleh membantu untuk menangani masalah dan cabaran-cabaran semasa.

Selain aspek undang-undang penekanan dari segi pengawalan dan pentadbiran juga menjadi faktor kecemerlangan penguatkuasaan. Pengurusan penguatkuasaan termasuk menyediakan panduan dan arahan-arahan penguatkuasaan dari masa kesemasa. Merancang pelan-pelan tindakan, keperluan pegawai-pegawai penguatkuasa antara aspek yang kurang diberi penekanan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah di Brunei. Penekanan berkaitan penjelasan lanjut sesuatu operasi penguatkuasaan juga dikenali sebagai Arahan adalah satu bentuk prosedur pentadbiran bagaimana sesuatu proses penguatkuasaan dibuat. Arahan amalan ini dibuat dalam bentuk undang-undang namun berbeza dari susunan bahasanya yang mudah contohnya Arahan Tetap Ketua Penguatkuasa Agama di Kelantan 2007 dalam Arahan 10 mengenai waran geledah memperincikan langkah-langkah penggeledahan dibuat.<sup>244</sup>

---

<sup>244</sup> Arahan 10.

**Waran Geledah**

*Bagi tujuan memohon waran geledah, langkah-langkah yang berikut hendaklah dipatuhi oleh PPA-*

*(a) meneliti maklumat yang diterima bagi tujuan memohon waran geledah;*

*(b) jika berdasarkan maklumat yang diterima dan siasatan yang telah dijalankan, PPA mendapati bahawa waran geledah adalah diperlukan, waran geledah hendaklah dipohon daripada Hakim Syarie;*

*(c) bentuk waran geledah adalah seperti dalam Borang 4 Enakmen;*

*(d) semasa melaksanakan waran geledah, penghuni hendaklah dibenarkan hadir bersama;*

*(e) memastikan barang/benda yang disita dicatat dalam senarai barangibenda yang disita dan ditandatangani oleh tuan punya narangan yang berkenaan dan PPA; dan*

*(f) menyerahkan barang/benda yang disita kepada pegawai penyiasat.*

Pertukaran pegawai-pegawai kanan seringkali terjadi kerana tidak ada jawatan yang bagi jawatan tertinggi misalnya Ketua Penguatkuasa Agama (KPA) dan Penolongnya. Untuk menjalankan tugas-tugas itu dilantik mana-mana penjawat awam. Apa yang terjadi KPA sering berpindah ke jabatan lain sehingga ditukar ke jabatan yang tidak ada kena mengena dengan penguatkuasaan. Keadaan ini menimbulkan implikasi yang tidak teratur dari segi pengawalan pentadbiran secara lebih konsisten. Sebagai perbandingan seperti jawatan yang diamalkan di dalam pasukan polis, mana-mana anggotanya tidak boleh ditukar ke jabatan lain (bukan polis). Pertukaran hanya melibatkan pertukaran secara dalaman sahaja. Kesan daripada amalan yang konsisten ini boleh meningkatkan profesionalisme dalam tugas-tugas penguatkuasaan. Seperkara lagi masalah penguatkuasaan di Brunei tidak memberi perhatian soal-soal perkembangan staf contohnya peluang PPA melanjutkan pelajaran terutama bagi pegawai-pegawai yang berpotensi menjadi pegawai kanan. Bagaimanapun ada satu sekatan dari segi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kelemahan ketiadaan kemudahan sokongan dan peralatan juga boleh menjejaskan penguatkuasaan. Isu seperti menguatkuasakan kesalahan meminum minuman memabukkan seringkali menemui kegagalan kerana tidak ada keterangan selain bukti pengakuan yang dibuat di depan penguatkuasa. Kes-kes seperti ini sukar dibuktikan di mahkamah kerana OYDS sering mencabar pengakuannya itu. Oleh itu pihak pendakwa lebih cenderung tidak membawa kes seperti ini dengan alasan tidak cukup pembuktian sokongan. Di pihak pentadbiran penguatkuasa pula tidak gigih mendapatkan peralatan untuk mengukur tahap alkohol dalam badan OYDS. Namun bagi penulis, masalah ini tidak menganggap perkara itu sebagai masalah kerana ia boleh diselesaikan dengan menghadapkan kertas kerja sokongan kepada pihak atasan untuk mendapatkan peralatan tersebut.

Dengan perkembangan terbaru dalam bidang sains sewajarnya aspek mempelajari teknik-teknik penyiasatan baru dipergiatkan, penerokaan teknik-teknik baru seperti DNA bagi membuat penyiasatan dalam kes kehamilan luar nikah dan teknik menggunakan peralatan terbaru breath tester untuk menguatkuasakan kesalahan minuman keras. Sekurang-kurangnya ada satu unit atau makmal saintifik penguatkuasaan yang khusus yang digunakan oleh penguatkuasa menjalankan uji kaji secara praktikal. Mungkin ini pendapat yang idealistik, namun tujuan penulis di sini ialah sikap yang lebih serious, tersusun dan bersistematik adalah wajar dilaksanakan untuk membina kualiti penyiasatan. Penulis menjangkakan halangannya ialah tentang soal kewangan dan ia memerlukan kos yang besar. Bagaimanapun pendapat ini tidak boleh diterima kerana ia boleh dibuat secara berperingkat dan masalah ini perlukan pelan tindakan yang lebih terancang.

Dari segi kelemahan sumber manusia, aspek kualiti dan kuantiti penguatkuasa agama juga merupakan kelemahan yang sering diperkatakan juga boleh melemahkan penguatkuasaan secara lebih berkesan. Aspek ini jika dipandang ringan menjadikan tugas penguatkuasa agama sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Tidak dapat dipastikan sejauh mana tahap kelemahan di setiap PPA kerana ini boleh dibuat melalui kajian empirikal. Penulis tertarik dengan satu pendapat supaya penguatkuasa turut sama mengambil pendekatan seperti polis merekrut pengambilan baru di mana pegawai-pegawai ini diberikan latihan asas, ditanamkan sifat berdisiplin yang sewajarnya bagi seorang penguat kuasa.

## 5.2 Ke arah Pemerkasaan Penguatkuasaan Jenayah Syariah Dan Beberapa Cadangan

Memandangkan hayat agensi penguatkuasaan jenayah syariah di negara ini sudah menjangkau ke 50 tahun, sudah tiba masanya menilai kembali amalan dan perjalanan penguatkuasaan jenayah di negara ini. Usaha penaiktarafan ini perlu dibuat secepat mungkin agar isu dan masalah tidak tertunggak dan akhirnya memberi imej yang kurang baik kepada institusi agama di Brunei. Komitmen semua pihak, termasuk agensi-agensi kerajaan lain boleh menjayakan usaha ini. Perkembangan positif kerajaan dapat dilihat melalui hasrat Baginda Sultan Brunei dalam titahnya:

*”Alhamdulillah, negara kita, Brunei Darussalam terus menikmati keamanan dan kesejahteraan. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, sesebuah negara itu tidak akan dapat menikmati kebahagiaan.*

*Itulah harga keamanan dan kesejahteraan.*

*Sebab itu, usaha-usaha ke arah menjaga, mempertahankan dan meneruskan keamanan di negara ini adalah merupakan tanggungjawab besar kita bersama. Beta sangatlah menghargai kerjasama orang ramai kepada **agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan** Kerajaan Beta yang ditugaskan untuk itu.*

*Agensi-agensi berkenaan pula hendaklah sentiasa bersedia menghadapi apa jua bentuk ancaman, termasuk ancaman jenayah serta **gejala sosial** yang boleh merosakkan keamanan*

*Di dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ada serta juga kemungkinan ancaman berbentuk baru, agensi-agensi keselamatan perlu membuat persediaan yang proaktif.”<sup>245</sup>*

Daripada petikan titah Baginda ini, dapat kita fahami peri pentingnya aspek-aspek penguatkuasaan diberi sepenuh perhatian untuk membanteras sebarang aktiviti jenayah.

‘*Persediaan yang proaktif*’ seperti yang dinyatakan Baginda boleh ditafsirkan sebagai satu perancangan atau strategik yang berkesan untuk mengawal anasir-anasir yang

---

<sup>245</sup> Dititahkan pada 8 Jamadilakhir 1426/15 Julai 2005, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 [http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm\\_titahm&pg=bm\\_about\\_titahm&ac=60](http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_titahm&pg=bm_about_titahm&ac=60), 22 April 2010



bertentangan dengan nilai, agama dan undang-undang negara. Perancangan yang dibuat termasuk membuat penambahbaikan kekurangan yang ada. Sehubungan dengan itu, dalam konteks penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dicadangkan beberapa langkah seperti berikut:

### **1. memperkemaskan undang-undang**

Undang-undang yang teratur merupakan faktor yang utama ke arah mewujudkan penguatkuasaan yang berkesan atau dengan erti kata lain undang-undang yang komprehensif dapat membantu pelaksanaan penguatkuasaan. Perkara yang sama dilakukan di negara-negara Islam lain seperti Pakistan dan Malaysia di mana di negara-negara tersebut mengambil pendekatan memisahkan undang-undang substantif dan prosedur.

Satu anggapan yang mendakwa undang-undang yang sedia ada sekarang sudah mencukupi adalah satu pendapat yang tidak sejajar dengan realiti yang ada. Ini kerana undang-undang yang ada sekarang masih terdapat kelemahan yang harus diperbaiki segera. Dalam hal ini, isu pemakaian undang-undang prosedur sivil yang diamalkan lebih 40 tahun tidak seharusnya dipertahankan lagi. Kewujudan undang-undang prosedur yang lengkap dengan mengambil-kira konsep prinsip-prinsip syariah adalah satu keperluan. Dengan adanya undang-undang yang jelas dan lengkap nanti boleh merungkai masalah kekaburan undang-undang dan lompong-lompong dalam statut yang sedia ada.

## **2. memperkemaskan program dan latihan penguat kuasa agama :**

Persoalan yang sering timbul yang dihadapi oleh penguat kuasa agama ialah dilihat dari segi kekurangan kualiti penguatkuasaan iaitu kurang menguasai beberapa kemahiran yang diperlukan untuk menguatkuasakan undang-undang. Kajian ini mendapati antara kelemahan yang ada disebabkan faktor-faktor teknikal seperti tidak menjalankan intipan, kegagalan dan kecuaiian mematuhi prosedur siasatan, kertas siasatan tidak sempurna. Terdapat juga kelemahan yang tidak boleh dipandang ringan iaitu kurang terlatih dalam pengetahuan undang-undang.

Untuk menyelesaikan kelemahan-kelemahan penguatkuasa agama pada masa ini, pihak pengurusan (BPA) perlu menilai kembali program dan latihan yang ada pada masa ini. Perancangan yang lebih teliti dirancang dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Merancang program berdasarkan analisa keperluan latihan bagi mengenal pasti kumpulan sasaran (PPA) yang mengikuti program ini. Ini meliputi sama ada program latihan tersebut memberi penekanan kepada aspek pengetahuan undang-undang, teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran dan perubahan tingkah laku kumpulan sasaran seperti etika kerja dan pembangunan diri. Dengan cara ini, penambahbaikan dari segi sumber tenaga manusia dapat digunakan secara lebih produktif.
- ii. Merancang modul atau kurikulum latihan dilaksanakan dalam tempoh jangka masa tertentu bagi memastikan modul-modul ini seiring dengan perubahan informasi dan piawaian penguatkuasaan.

- iii. Merancang latihan secara dalaman 'in house training' dan latihan-latihan luaran seperti penempatan di agensi-agensi penguatkuasaan sivil seperti Pasukan Polis dan lain-lain.
- iv. Memastikan latihan yang diberikan secara lebih bersepadu dari segi teori dan praktikal.
- v. Menyusun latihan kepada kategori asas dan lanjutan supaya mudah diperbaiki mana-mana kekurangan yang ada.
- vi. Melatih kemahiran yang memerlukan tindakan fizikal seperti latihan mempertahankan diri dan cara-cara tangkapan.
- vii. Memberi penilaian tahap pengetahuan dan kemahiran yang telah dirancang dengan cara diberikan ujian atau peperiksaan mengikut modul yang telah dirancang.

Sehubungan dengan itu, tindakan yang lebih serius mustahak dilakukan dengan mewujudkan satu unit latihan bagi penguatkuasa agama yang khusus. Dengan adanya unit ini, dapat menumpukan perancangan latihan secara lebih teratur.

### **3. Mewujudkan skim jawatan penguatkuasaan.**

Jawatan-jawatan PPA terdiri dari Merinyu Hal Ehwal Agama MHEU (D4) , Ketua Merinyu(D3) , Merinyu Kanan (D3) , Penolong Pegawai Penyiasat (C3) dan Pegawai Penguat kuasa Agama (D4). Semenjak berkuat kuasanya Akta Mahkamah Syariah Penggal 184 berkuat kuasa pada tahun 2001 jawatan-jawatan Merinyu kini dikenali sebagai PPA namun dari segi tangga-gaji tidak dinaik-taraf sejajar dengan perubahan dari segi undang-undang. Soalnya, skim-skim yang ditawarkan pada masa ini masih tidak diwujudkan jawatan bagi pegawai-pegawai kanan seperti pegawai penyiasat (B2), Penolong Penguat kuasa Agama (B2 EB3) dan Ketua Penguat kuasa Agama (B3).

Seperkara lagi dinyatakan di sini, Ketua Penguat kuasa Agama (KPA) yang menjalankan tugas sekarang, lazimnya dipilih dari penjawat awam terdiri dari pegawai-pegawai dengan tangga gaji B2 hingga B3 berjawatan pegawai agama dan pegawai pelajaran ugama. Ini menyebabkan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas ini kerap kali berlaku pertukaran ke jabatan lain. Keadaan ini boleh menjejaskan kelicinan penguatkuasaan kerana pegawai yang ditempatkan itu tidak dilatih dalam bidang undang-undang.

Oleh yang demikian, adalah perlu mewujudkan jawatan-jawatan PPA berpangkat rendah dan kanan supaya membuka pegawai-pegawai yang lama mendapat kenaikan pangkat jawatan dan yang lebih utama untuk mengelakkan pertukaran ke jawatan yang lain. Jawatan-jawatan ini ertinya perlu diiktiraf sebagai jawatan profesional seperti skim perkhidmatan di dalam agensi penguatkuasaan sivil seperti Polis, Kastam, Imigresen dan sebagainya. Pertukaran pegawai di dalam agensi penguatkuasaan sivil hanya berlaku di antara seksyen bukannya ke jabatan lain yang tidak ada kena mengena dengan hal ehwal penguatkuasaan. Oleh kerana itu, wajar dipertimbangkan kewujudan skim jawatan yang baru, antara lain untuk memberi sebagai motivasi kepada PPA membina kemajuan diri dan secara langsung menjadikan penguatkuasaan agama sebagai profesion dan kerjaya.

#### **4. menubuhkan jawatankuasa penguat kuasa jenayah syariah di peringkat kebangsaan**

Penguatkuasaan jenayah Islam yang dikendalikan sekarang oleh BPA memerlukan sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak seperti pihak polis, imigresen, kastam, hospital, Jabatan Bandaran dan agensi-agensi bukan kerajaan. Sokongan oleh pihak-

pihak yang disebutkan itu adalah perlu kerana BPA tidak memiliki kuasa eksklusif menguatkuasakan sesetengah perkara sebagai contoh dalam menguatkuasakan kesalahan meminum minuman keras Bab 172 Akta P77. Penguatkuasaan kesalahan Bab 172 itu ada hubungannya dengan bidangkuasa pihak kastam yang boleh merampas apa-apa barang yang tersenarai dalam barang tegahan. Dalam masalah ini, berlaku dua tindakan yang berbeza daripada kesalahan yang sama di antara BPA dengan pihak kastam. Kuasa yang ada di antara keduanya perlukan kerjasama dan penyelarasan kerana ia lazimnya melibatkan masa, tempat dan individu yang sama. Selain daripada pihak kastam pihak hospital juga dilibatkan jika bahan bukti dan suspek perlu diperiksa tahap alkohol dalam badan suspek. Pihak hospital juga mempunyai tugas utama mereka yang banyak untuk merawat pesakit. Tidak dapat dipastikan sejauh mana penglibatan pihak hospital membantu BPA dalam hal penguatkuasaan. Namun penyelarasan dari segi kajian saintifik perlu dibuat agar kehendak undang-undang jenayah syariah terlaksana. Kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak ini lebih banyak tertumpu pada penguatkuasaan makanan halal dibandingkan kesalahan jenayah akidah dan maksiat.

Di dalam penguatkuasaan makanan halal terdapat jawatankuasa yang dilantik yang terdiri dari pengarah-pengarah dari Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), pihak polis, kastam dan peguam negara. Bagaimanapun untuk menangani masalah kesalahan moral tidak wujud jawatankuasa yang dilantik secara bersepadu. Tidak dapat dinafikan memang wujud satu jawatankuasa daripada penguatkuasaan sivil dan JHES membincangkan isu-isu sosial masyarakat yang dikenali sebagai Jawatankuasa keselamatan Negara yang mempunyai wakil-wakil ahli dari pelbagai agensi penguatkuasa. Bagaimanapun agenda yang berhubung dengan syariah banyak tertumpu pada kesalahan isu-isu akidah seperti kesalahan ajaran sesat dan penyelewengan akidah. Dalam hal ini, isu moral tidak diberi penekanan oleh jawatankuasa ini dengan lebih

serius. Oleh sebab itu, untuk melicinkan lagi masalah penguatkuasaan jenayah syariah perlu ditubuhkan satu jawatankuasa khusus bagi menangani gejala sosial dan perkara-perkara maksiat. Jawatankuasa ini perlu membincang dan menjadikan masalah jenayah syariah sebagai agenda kebangsaan. Dengan cara ini usaha mengawal perkara-perkara negatif masyarakat dapat diselaraskan melalui kerjasama padu dari pelbagai agensi dan secara tidak langsung dapat mewujudkan penguatkuasaan jenayah syariah dengan lebih berwibawa seperti yang diharapkan.

### **5. membangunkan bangunan khas penguat kuasa agama**

Penguat kuasa agama merupakan pelaksana undang-undang syariah seperti agensi penguat kuasa sivil yang lain. Penguat kuasa sivil kesemuanya mempunyai bangunan nya yang tersendiri. Memiliki bangunan yang tersendiri perlu diberi perhatian kerana ia memberi persekitaran penguat kuasa yang lebih kondusif (*conducive*). Persekitaran itu juga dapat membantu ke arah penguatkuasaan yang lebih baik, dengan adanya program, aktiviti dan rancangan penguatkuasaan dibantu oleh infrastruktur yang lebih teratur. Pembahagian unit-unit kecil dapat ditempatkan mengikut kesesuaian tugas. Bilik-bilik latihan kemahiran sama ada secara teori dan praktikal dapat diwujudkan dengan lebih sempurna. Dengan adanya bangunan yang kondusif itu mutu siasatan dapat dipertingkatkan dengan wujudnya bilik-bilik siasatan yang lebih selesa serta dibekalkan dengan peralatan yang bersesuaian seperti rakaman, pandang dengar dan sebagainya. Bilik-bilik siasatan yang disarankan menepati piawaian seperti yang lazim disediakan dalam hal siasatan. Dewan-dewan kuliah latihan secara teori dapat membangkitkan rasa keseronokan pembelajaran undang-undang dan hal-ehwal penguatkuasaan yang lebih sempurna. Di samping itu latihan kecergasan dapat dikekalkan dengan adanya dewan latihan jasmani bagi penguat kuasa agama kerana tugas penguat kuasa memerlukan

kesihatan jasmani yang sihat. Ini kerana lazimnya tugas penguatkuasaan dibuat mengikut giliran jadual. Kadangkala giliran tugas ini boleh mengganggu rutin harian dan kesihatan penguatkuasa, kerana ada kalanya tugas ini dijalankan pada waktu malam sehingga menjelang subuh. Oleh itu dengan adanya dewan latihan jasmani itu dapat menjadikan seorang penguat kuasa yang sihat dan seterusnya dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Begitu juga dengan adanya bilik-bilik yang mencukupi dapat menyusun penempatan bilik-bilik pentadbiran secara yang lebih teratur.

#### **6. menyediakan keperluan sokongan seperti kenderaan, peralatan yang sesuai dan senjata**

Secara umumnya mana-mana agensi penguat kuasa memerlukan alat-alat bantu untuk membuat siasatan. Ianya perlu supaya tindakan penguat kuasa itu dibuat dengan lebih licin dan tepat tanpa menghabiskan masa dan tenaga yang banyak. Tanpa adanya peralatan seperti camera, alat perakam, teropong, alat pengukur pernafasan (*breath tester*) dan *radio-phone*, *walkie-talkie*, alat-alat perhubungan kecekapan dan kejayaan yang cemerlang masih jauh untuk dicapai. Perkara ini sewajarnya diambil perhatian oleh pihak pentadbir meskipun ia melibatkan masalah-masalah teknikal. Membekalkan PPA dengan peralatan yang sesuai merupakan satu usaha yang perlu dilakukan. Keperluan kepada peralatan tersebut juga perlu ditingkatkan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian modal dan rekaan terbaru.

Seperkara lagi dalam membincangkan mengenai dengan peningkatan keupayaan PPA ini ialah keperluan kepada kenderaan yang khusus dalam menjalankan tugas. Pada masa ini meskipun BPA yang mengendalikan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam masih tidak disediakan kenderaan yang khusus. Ini berbeza sekali dengan agensi

penguatkuasaan agama yang mengendalikan kes-kes yang mendatangkan keuntungan ekonomi melalui pengeluaran lesen dan sijil halal di mana agensi ini banyak diberi tumpuan berbanding dengan penguatkuasaan jenayah. Oleh sebab itu pihak pentadbir perlu melihat penyediaan keperluan tanpa membezakan penguatkuasaan yang ekonomi dan *non economic* kerana kewibawaan dan kecekapan penguatkuasaan jenayah merupakan perkara asas untuk mewujudkan keselamatan, kestabilan dan keharmonian beragama di negara ini.

Di samping itu PPA perlu dibekalkan dengan senjata yang bersesuaian. Pada masa ini PPA tidak mempunyai apa-apa senjata untuk tujuan mempertahankan diri dan bagi tujuan penguatkuasaan seperti belantan dan gari. Penggunaan senjata api seperti pistol adalah sesuatu yang asing untuk dibincangkan kerana ada setengah pendapat beranggapan kesalahan jenayah syariah tidak membawa kepada hukuman mati, bagaimanapun kewajarannya harus dipertimbangkan, ini disebabkan, keselamatan PPA tidak terlepas daripada menghadapi ancaman dan cabaran. Sehingga ada beberapa kes PPA ada yang di pukul, di tampar dan teruk lagi ditembak semasa menjalankan tugas.

## **7. menambah peruntukan perbelanjaan PPA**

Perlu diingat semua tindakan dan pergerakan PPA dalam menguatkuasakan undang-undang melibatkan kos seperti membayar pemberi maklumat, perhubungan kad pra-bayar, perbelanjaan makan-minum terutama di waktu tengah malam, perbelanjaan perisikan dan kos minyak kenderaan persendirian. Bagaimanapun kos-kos ini tidak mencukupi dengan peruntukan khas perbelanjaan. Ini dibebankan lagi dengan bertambahnya aduan kes jenayah dalam setiap bulan. Keadaan ini menyebabkan kadang kalanya sesetengah kes menjadi lambat dan kekurangan.



### 5.3 Kesimpulan

Makna Penguatkuasaan secara umumnya iaitu satu proses tangkapan oleh pihak-pihak tertentu sehinggalah dijatuhi hukuman oleh seorang hakim. Bagaimanapun di dalam kajian ini, tumpuan khusus bagi makna penguatkuasaan yang dimaksudkan ialah satu proses di peringkat pra bicara yang dijalankan oleh pihak pelaksana selain pihak pendakwa dan hakim syarie. Kajian ini bermula dengan penjelasan tentang kemasukan dan penerimaan Islam ke negara Brunei Darussalam seawal kurun ke 10 Masihi. Ia telah membuka lembaran sejarah perkembangan Islam termasuk penguatkuasaan undang-undang jenayah. Kedatangan Islam di negara ini turut membawa bersama sistem perundangannya tersendiri. Perundangan ini kemudiannya diterjemahkan dalam HKB di samping masih mengekalkan unsur-unsur adat tempatan. Dengan wujudnya HKB, perkembangan undang-undang syariah banyak bergantung kejayaannya dari sokongan dan komitmen sultan-sultan yang memerintah. Sistem undang-undang Islam terus diamalkan dan dikuatkuasakan dengan jayanya terutama pada kurun ke 15 hingga kurun ke 18. Kehakiman Islam sepanjang tempoh tersebut, dibantu oleh ahli-ahli agama yang mengambil peranan sebagai penasihat sultan-sultan dan pembesar-pembesar dalam pentadbiran negara. Sejarah Brunei telah memaparkan fakta, penguatkuasaan undang-undang jenayah dilaksanakan berdasarkan kes-kes jenayah yang pernah diputuskan pada zaman itu. Dibuktikan juga, kerajaan kesultanan Brunei sudah mempunyai agensi penguatkuasa yang dikenali sebagai patih iaitu penguat kuasa yang berperanan seperti polis menguatkuasakan setiap perintah yang diberikan oleh sultan dan Hakim Diraja. *Patih* mempunyai tugas menangkap pesalah sebelum dihadapkan untuk perbicaraan. Zaman itu merupakan era keemasan penguatkuasaan undang-undang jenayah sekitar lebih kurang 300 tahun lamanya. Sistem tersebut tidak dapat dipertahankan lagi apabila pengaruh Inggeris mula menghakis tradisi turun temurun ini. Bermula dengan Perjanjian-Perjanjian 1888 dan penerimaan Residen Inggeris di Brunei pada tahun 1906

menghambat arus perkembangan undang-undang jenayah Islam. Inggeris diberi kebebasan mentadbir negara dengan syarat tidak mencampuri hal ehwal agama dan adat tempatan. Bagaimanapun akhirnya, Inggeris berjaya menembusi sistem keadilan jenayah tempatan setelah memperkenalkan dwi sistem iaitu Mahkamah Awam dan Mahkamah Kathi. Ironinya, pentadbiran Mahkamah Kathi terbiar tanpa sokongan peruntukan perbelanjaan negara. Bidang kuasa Mahkamah Kathi juga disempitkan dalam lingkungan undang-undang diri orang Islam sahaja apabila diperkenalkan Muhammadan Laws Enactment pada tahun 1912. Pada awal pentadbiran Residen Inggeris pasukan polis ditubuhkan untuk menguatkuasakan undang-undang awam sementara Mahkamah Kathi tidak mempunyai penguat kuasa agama yang khusus menguatkuasakan undang-undang Enakmen 1912. Pada tahun 1955 Enakmen adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kathi diperkenalkan dengan memansuhkan Enakmen 1912 yang memperuntukkan mengenai beberapa aspek pentadbiran agama termasuk kesalahan undang-undang jenayah Islam yang sempit. Penguatkuasaan jenayah dalam Enakmen hanya berkuat kuasa pada tahun 1960 apabila dilantik beberapa orang penguatkuasa yang dikenali sebagai Merinyu. Bermula saat itu, perkembangan positif telah berlaku apabila Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan (BPP) ditubuhkan dan akhirnya diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) pada tahun 1986. Dengan berkuatkuasa Akta Mahkamah Syariah 2001, bahagian ini ditukar namanya menjadi Bahagian Penguatkuasa Agama (BPA) di bawah JHES yang di anggotai seramai 59 orang anggota. Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan, BPA berdepan dengan isu dan masalah dalam melaksanakan beberapa peruntukan di dalam Akta tersebut. Faktor kualiti dan kuantiti penguat kuasa menjadi isu yang utama dalam membincangkan isu-isu penguatkuasaan. Latihan kemahiran penguatkuasa agama secara sistematik diperlukan untuk menyelesaikan masalah ini. Di samping itu masalah undang-undang juga, menjadi faktor keberkesanan penguatkuasaan undang-undang

tidak dapat dijalankan dengan baik disebabkan ketiadaan undang-undang prosedur yang komprehensif dan juga terdapat undang-undang yang kabur. Selain itu aspek-aspek pengurusan pentadbiran penguatkuasaan juga perlu diberi perhatian seperti menyediakan faktor-faktor sokongan seperti skim perkhidmatan penguat kuasa, perbelanjaan yang mencukupi, bangunan yang lebih kondusif, peralatan penyiasatan dan senjata yang bersesuaian. Program-program perlu disusun perlu dibuat berdasarkan teori dan praktikal agar dapat memperkasakan setiap penguatkuasa agama. Kejayaan penguatkuasaan ini tidak akan terlaksana dengan baik jika tidak ada sokongan orang ramai membanteras perlakuan jenayah Islam dengan memberikan maklumat kepada pihak penguat kuasa agama. Kerajaan juga perlu menilai kembali polisi sokongan kepada penguatkuasaan jenayah Islam dengan menyelesaikan perkara-perkara teknikal dengan lebih bersungguh-sungguh. Usaha ini nanti mungkin dapat memartabatkan kembali keagungan penguatkuasaan jenayah Islam.

### **5.3.1 Kajian di masa hadapan**

Kajian mengenal pasti isu dan masalah penguatkuasaan ini perlu dibuat dari masa ke semasa supaya penambahbaikan dapat dilakukan. Kegagalan mengenal pasti punca dan masalah penguatkuasaan akan menyebabkan kedudukan penguat kuasa agama di takuk yang lama. Pembaharuan perlu dibuat dengan mengkaji dan meneroka teknik-teknik penyiasatan yang terkini sebagai contoh dalam bidang forensik seperti penggunaan kaedah DNA, penggunaan teknologi canggih beberapa kemahiran mendapatkan maklumat dari OYDS. Begitu juga kajian tentang kemahiran pengambilan bahan bukti dan penyimpanannya yang tidak disentuh dalam kajian ini. Kajian yang akan datang dicadangkan mengkaji apakah program dan latihan yang benar-benar dapat merealisasikan seorang penguatkuasa yang berwibawa dan profesional. Kajian lanjutan

mengenai penguatkuasaan juga boleh dibuat tentang pendakwaan dan perkembangan terkini di mahkamah syariah.

### **5.3.2 Penutup**

Berdasarkan objektif kajian, penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam pada hari ini masih lagi banyak perkara yang perlu diperbaiki. Usaha penambahbaikan di pelbagai sudut perlu dibuat secara berterusan berdasarkan keperluan perkembangan semasa. Melalui cara ini, penguatkuasaan agama boleh menjadi sebuah agensi yang relevan menangani isu-isu moral di Brunei. Penguatkuasaan agama juga harus bersedia dari sekarang melengkapkan organisasi dan anggotanya dengan keperluan dan kemahiran penguatkuasaan untuk menghadapi pertambahan bidangkuasa yang diberikan oleh statut-statut yang digubal pada masa ini dan mungkin dilaksanakan di masa hadapan. Apa yang perlu di capai oleh penguatkuasa agama ialah integriti atau memberi kepercayaan kepada umum bahawa institusi agama amnya boleh melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

**CONTOH TEMUBUAL BERSTRUKTUR**

<b>A. MAKLUMAT RESPONDEN</b>
Nama: Jantina: Jawatan: Nama bahagian:
<b>B. SOALAN TEMU BUAL</b>
1. Berapa lamakah (Tuan/HJ-) berkhidmat sebagai penguatkuasa agama
2. Dalam tempoh perkhidmatan, apakah kursus/program yang telah dihadiri oleh Tuan/Hj
3. Apa pendapat Tuan/Hj, <ol style="list-style-type: none"><li>Adakah kursus yang telah disusun dapat membantu menjalankan tugas-tugas penguatkuasa.</li><li>Adakah kandungan kursus yang telah disusun menepati dengan tugas-tugas penguatkuasaan secara teori dan praktik</li><li>Apa kelemahan kursus yang diberikan</li></ol>
4. Apakah masalah-masalah yang dihadapi di bahagian tuan/hj di dalam melakukan tugas: <ol style="list-style-type: none"><li>aspek undang-undang: _____ _____ _____</li><li>aspek pentadbiran: _____ _____ _____</li><li>Sumber manusia: _____ _____ _____</li><li>Dan Lain-lain: _____ _____ _____ _____</li></ol>



Makam Raja Ayang yang terletak di Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan.

**Kesalahan Jenayah di Bawah Akta P77 Semakan 1984**

<b>BIL</b>	<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>SEKSYEN</b>	<b>HUKUMAN</b>
1.	Gagal menghadiri sembahyang Jumaat	171	Denda \$100 bagi kesalahan pertama, atau denda \$200 bagi kesalahan kedua, atau denda \$500 bagi kesalahan ketiga dan berikutnya.
2.	Meminum minuman yang memabukkan	172	Denda \$500 bagi kesalahan pertama, <b>atau</b> denda \$750 bagi kesalahan kedua, atau denda \$1000 bagi kesalahan ketiga dan berikutnya.
3.	Makan di khalayak ramai di bulan Ramadan atau menjual kepada orang Islam sebarang minuman, makanan atau tembakau	173	Denda \$500 bagi kesalahan pertama, atau denda \$750 bagi kesalahan kedua, atau denda \$1000 bagi kesalahan ketiga dan berikutnya.
4.	Khalwat	177 (1)  177 (2)	Penjara sebulan <b>atau</b> denda \$1000 bagi kesalahan pertama, penjara 2 bulan <b>atau</b> denda \$2000 bagi kesalahan kedua dan berikutnya.  Penjara 14 hari atau denda \$500 bagi kesalahan pertama, penjara

			sebulan atau denda \$1000 bagi kesalahan kedua dan berikutnya
5.	Persetubuhan luar nikah	178 (1)  178 (2)  178(3)  178 (4)	Penjara sebulan <b>atau</b> denda \$1000, atau penjara 2 bulan <b>atau</b> denda \$2000  Penjara 7 hari atau denda \$200  ( Bab 178 (1) dan (2) dimansuhkan oleh Bab 146 Perintah Undang-Undang Keluarga 1999)  Penjara 5 Tahun bagi Lelaki, dan penjara setahun bagi perempuan  Penjara 6 bulan , atau denda \$5000
6.	Mengislamkan secara tidak sah	181	Penjara sebulan <b>atau</b> denda \$1000
7.	Sengaja melalaikan tugas rasmi	182	Penjara 3 bulan atau didenda \$2000
8.	Membocorkan rahsia	183	Penjara 3 bulan atau didenda \$2000
9.	Masjid-masjid yang menyalahi undang-undang	184	Denda \$10,000 dan boleh Mahkamah meroboh bangunan tersebut.
10.	Pengajaran agama tanpa kebenaran	185	Penjara sebulan <b>atau</b> denda \$1000
11.	Ajaran sesat	186	Penjara 3 bulan atau didenda \$2000
12.	Mengeluarkan fatwa selain mufti	187	Penjara 3 bulan atau didenda \$2000



13.	Mencetak, menyiarkan, menjual atau mengimport buku-buku agama yang bertentangan dengan hukum syarak atau adat Brunei	188	Penjara 6 bulan atau didenda \$4000
14.	Menyalahgunakan al-Quran	189	Penjara sebulan atau denda \$8000
15.	Penghinaan terhadap pihak-pihak berkuasa agama	190	Penjara sebulan atau denda \$1000
16.	Penghinaan terhadap agama	191	Penjara 6 bulan atau denda \$4000
17.	Tidak membayar zakat atau fitrah	192	Penjara 14 hari atau denda \$1000
18.	Menghasut untuk meninggalkan tugas ugama	193	Penjara 6 bulan atau denda \$4000
19.	Bersubahat terhadap kesalahan Bab 172 atau 173 (untuk orang yang bukan Islam akan didakwa di Mahkamah Majistret)	195	<b>Boleh di denda</b> \$400 bagi kesalahan pertama, atau denda \$800 bagi kesalahan kedua dan berikutnya

20.	Bersubahat terhadap kesalahan selain Bab 172 (untuk orang yang bukan Islam akan didakwa di Mahkamah Majistret)	196	<b>Boleh dihukum</b> menurut syarat-syarat dari Penggal V Kanun Hukuman Jenayah (Penal Code)
-----	--	-----	--

**Kesalahan Jenayah di Bawah Perintah Undang-undang keluarga Islam 1999**

<b>BIL</b>	<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>SEKSYEN</b>	<b>HUKUMAN</b>
	Poligami tanpa kebenaran	123	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Perceraian di luar mahkamah tanpa kebenaran mahkamah	124	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Tidak membuat laporan	125 (1)  125(2)	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali  Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Laporan palsu	126	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Meninggalkan suami atau isteri	127	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Menganiaya suami atau isteri	127 (1)  127 (2)	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali  Denda tidak melebihi \$2000 atau

			penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan diperintahkan dikembalikan harta
	Tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri	129	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Isteri tidak taat	130	Denda tidak melebihi \$500, bagi kesalahan pertama, atau denda tidak melebihi \$1000 bagi kesalahan kedua atau berikutnya.
	Jadi murtad untuk membatalkan perkahwinan	131	Penjara tidak melebihi 5 tahun
	Bersekedudukan semula di antara orang-orang yang bercerai	132 (1) 132(2) 132(3)	Denda tidak melebihi \$1000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Kegagalan dengan sengaja untuk mematuhi perintah	133	Mengarahkan jumlah yang kena bayar atau penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran


			bulanan yang masih belum dibayar, atau penjara tidak melebihi satu tahun
	Penghinaan terhadap mahkamah	134	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Perkahwinan dengan melanggar perintah ini	135	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Hukuman kerana tidak mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga , dsb	136	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali
	Gagal melaksanakan perjanjian	137	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali
	Percubaan dan persubahatan	138	Hukuman sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu
	Hukuman Am	139 (1)  139 (2)	Denda tidak melebihi \$2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali  Jika denda yang dikenakan tidak dibayar boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi separuh daripada hukuman penjara yang

			diperuntukkan bagi kesalahan itu atau 7 hari jika kesalahan itu boleh dihukum dengan denda sahaja
--	--	--	---


**KAD WARAN**



Gambar 1: Kad Waran dan pelantikan MHEU berdasarkan Bab 65 Akta Penggal 77



Gambar 2: Kad Waran (muka depan) Di bawah Bab 26 (b) Akta Penggal 184



Gambar 3: Kad Waran (muka belakang) Di bawah Bab 26 (b) Akta Penggal 184

JHEU 3.1



JPK

No. Susunan Fail : .....  
JENAYAH

AKTA MAJLIS UGAMA DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI  
PENGAL 77 PINDAAN 1984  
Bab 78 Merujuk Bab III CPC

**SALINAN ADUAN**

No. Pengaduan : ..... Tempat berlaku : .....  
No. MHEU : ..... Daerah : .....  
Perkara : ..... No. BAB : .....  
Pada Jam : ..... Hari/bulan : .....  
Benamaan Tahun Hijrah : .....  
Nama Aduan : ..... Laki-laki atau Perempuan : .....  
Bangsa : ..... Agama : ..... Pekerjaan : .....  
Tempat Kediaman : ..... No. Kad Pengenalan : .....

**Kenyataan Aduan :**

Saya berikrar bahawa di dalam perkara ini saya akan bercakap betul, semuanya yang betul tiada yang lain melainkan yang betul.

**NAMA SAKSI :**

.....  
.....  
.....  
.....

*Merincya Hal Ehsaal Ugama*  
*Daerah Brunei/Muara/Tutong/Belaat/Temburong*



Alamat Telegram :  
 'RELIGIOUS BRUNEI'  
 221057 - 60  
 222558  
 222960  
 222565 - 68



**Jabatan Hal Ehwal Ugama**  
 Bahagian Penyiasatan dan  
 Pendakwaan  
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
 MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS  
 BANDAR SERI BEGAWAN 1180  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**INGATAN :**

Nyatakan bilangan surat apabila  
 menywab kelak.

Tarikh : ..... 19 .....

Bil : ..... 14 .....

**AKTA MAJLIS UGAMA DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI PENGGAL 77 PINDAAN 1984**  
 (SEKSYEN 78 Merujuk Seksyen 115 C. P. C.)

Nama : .....  
 Alamat : .....  
 Pekerjaan : .....

Dengan ini Awang/Dayang adalah dikehendaki menghadirkan diri ke Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
 Negara Brunei Darussalam, Bahagian Bilik Merinyu Ugama, (Bahagian Penyiasatan) pada : .....  
 Hari : ..... Jam : ..... Pagi/Petang.  
 Untuk menjalankan Penyiasatan.

Butir-Butir Kesalahan :-

Bab : ..... Tarikh : .....  
 Jam : .....  
 Tempat Kejadian : .....  
 .....  
 .....

Merinyu Ugama Yang Bertugas :

Tandatangan Penerima :

( ..... )

( ..... )

JALAN ELIZABETH II, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.  
 TEL. - 242565, 242566, 242567, 242568, 242569, 242570, 242571 & 242572.  
 TELEX : PHEU/BU 2597. CABLE ADDRESS : 'RELIGIOUS'.



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
 AKTA MAJLIS UGAMA DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI  
 (BOND DAN BOND JAMIN SELEPAS DITANGKAP)  
 (BAB 78 MERUJUK BAB : 29, 33, 34 CPC BRUNEI)  
 Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 Di Bawah Bab 26 (b)

Bahawa saya .....  
 beralamat di .....  
 dibawa ke hadapan Mahkamah ..... di bawah satu waran  
 yang telah dikeluarkan/ditangkap tanpa waran bagi memaksa saya hadir pada menjawab tuduhan :  
 Bab ..... di bawah Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, sesungguhnya  
 saya mengaku bahawa saya sendiri akan hadir ke Mahkamah: .....  
 pada jam ..... pagi/petang. Pada ..... haribulan ..... 20 .....  
 pada menjawab tuduhan itu, dan seterusnya menghadirkan diri sehingga sebaliknya diarahkan oleh  
 Mahkamah, dan jika sekiranya saya mungkir maka saya sendiri terikat membayar kepada Kebawah Duli  
 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebanyak \$ .....  
 ringgit (yang dengan ini saya menyimpan).

Bertarikh pada : ..... haribulan ..... 20 .....

PERINGATAN :


.....  
Tandatangan

Bahawa sesungguhnya saya (atau kami) mengaku sendiri (atau diri kami) menjadi penjamin-penjamin bagi  
 .....  
 beralamat .....  
 tersebut di atas yang ianya akan hadir di hadapan Mahkamah .....  
 Pada ..... haribulan ..... 20 ..... hadapan, pada menjawab tuduhan  
 kerana mana ia telah ditangkap, dan seterusnya akan menghadirkan dirinya sehingga sebaliknya diarahkan  
 oleh Mahkamah ; dan jika sekiranya ia mungkir dalam perkara ini, maka tertanggunglah ke atas saya sendiri  
 (atau diri kami bersama-sama dan masing-masing membayar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
 Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebanyak \$ ..... ringgit (yang  
 saya atau kami) dengan ini menyimpan.

Bertarikh pada : ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
Tandatangan

360/PPM/KBM/1/1996.Pt.1.



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

AKTA MAJLIS UGAMA DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI PENGGAL 77

MAHKAMAH KADI BESAR/KADI DAERAH: BRUNEI DAN MUARA/HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARA'IAH.

**WARAN UNTUK MEMERIKSA TEMPAT SIMPANAN YANG DISYAKI**

(BAB 78 MERUJUK SEKSYEN 61 C.P.C.)


KEPADA PEGAWAI PENGKUATKUASA AGAMA/MERINYU MERINYU HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI.

Oleh sebab laporan telah dibuat kepada saya dan setelah dilakukan penyasatan maka saya percaya bahawa **SEBUAH BILEK SEWA YANG BERSAMBONG DENGAN RUMAH YANG BERALAMAT NO: 637 KAMPONG SALAMBIGAR JALAN MUARA BRUNEI DARUSSALAM.** adalah digunakan sebagai tempat **MELAKUKAN KESLAHAN DIBAWAH AKTA MEJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH MAHKAMAH KADI PENGGAL 77.**


Dengan ini kamu diberi kuasa dan dikehendaki dalam tempoh selama **21** hari dari hari ini: **30HB.MUHARRAM,1422 BERSAMAAN DENGAN 24HB.APRIL,2001.** untuk memasuki rumah/tempat yang disebutkan dengan bantuan yang ada akan dikehendaki dan untuk menggunakan kekerasan yang berpatutan jika perlu untuk tujuan itu: atau untuk memenksa setiap rumah/tempat yang disebutkan itu bahagian: **KESELURUHAN BILEK BILEK DIDALAM BILEK SEWA YANG BERALAMAT DIATAS.**

Dan untuk merampas dan mengambil sebarang alat-alat dan benda-benda yang kamu percayai munasabah disimpan untuk tujuan membuat dokumen-dokumen dan seumpamanya dan membawa barang tersebut pada ketika itu juga ke Mahkamah ini mengembalikan Warah ini dengan segera berserta dengan satu laporan pengesanan apa yang telah kamu lakukan kepada barang-barang itu: setelah dilaksanakan

Diserahkan dengan tandatangan saya dan Mahkamah pada hari ini **30HB.MUHARRAM,1422, BERSAMAAN DENGAN 24HB.APRIL, 2001.**




(Tandatangan dan Nama Jawatan)  
Kadi Daerah Brunei & Muara  
Negara Brunei Darussalam



MAHKAMAH KADI DAERAH BRUNEI/MUARA,  
KANTOR HAL EHWAL SYARA'IAH,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1180.


TEL: 242565 EXT: 323  
: 230  
: 237



Peringatan:

Jika didapati mana mana orang yang melakukan kesalahan dibawah Akta Majlis Ugama dan Mahkamah Mahkamah Kadi, Penggal 77, hendaklah ditangkap dan dibawa kehadapan Mahkamah seberapa segera atau dilepaskan dengan Bon sebanyak \$1,000.00 (Ringgit Brunei) bagi lelaki dan \$500.00 (Ringgit Brunei) bagi perempuan atau dengan bon jamin diri.

Jika yang ditangkap bukan warga Negara Brunei Darussalam, atau bukan pendudukan tetap Negara Brunei Darussalam, maka passportnya hendaklah ditahan sebagai syarat jaminan.



(Tandatangan dan Nama Jawatan)  
Kadi Daerah Brunei & Muara  
Negara Brunei Darussalam

JALAN ELIZABETH II, BANDAR SERI BEGAWAN 2058, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.  
TEL.: 242565, 242566, 242567, 242568, 242569, 242570, 242571 & 242572.  
TELEX: PHEUB BU 2597. CABLE ADDRESS: "RELIGIOUS".

13.2.5  
HEUB: 2A

JPK



KENYATAAN SAKSI/ORANG  
YANG DISYAKI

SUSUNAN DALAM PENYIASATAN

No. : .....

ADUAN : ..... IKRAR

**AKTA MAJLIS UGAMA DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI PENG. 77**  
**(Bab 78 Merujuk Bab 116 dan 117 (1) & (2) CPC)**

PERKARA : ..... No. BAB : .....

KENYATAAN DARIPADA : .....

Di hadapan : ..... Pada : .....

Bersamaan Tahun Hijrah : ..... Jam : .....

Pekerjaan : ..... Bangsa : .....

Alamat : ..... Umur : ..... Tahun

Ugama : ..... No. Kad Pengenalan : ..... Warna : .....

Bahawa saya memberikan pernyataan yang benar yang saya ketahui dalam kes ini :

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---


---

---

---

---


---




BIL. ADUAN 85/2001

**BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN**Kepada,  
Unit Maklumat Khas**MEMOHON REKOD KESALAHAN**

Dipohonkan kerjasama dari pihak tuan untuk memberikan rekod kesalahan nama yang tersebut di bawah ini jika ada dalam simpanan tuan bagi kegunaan Penyiasatan dan Pendakwaan keatasnya dan bersama ini disertakan lampiran biodata yang berkenaan.

NAMA PENUH	SULASTRI BTE HJ BASIR.		
JENIS DOKUMEN	NOMBOR	KELUARAN NEGARA	
KAD PENGENALAN	976567	H	BRUNEI INDONESIA
PASSPORT	4 612 692		INDONESIA.
TARIKH MEMOHON	9. 5. 2001		
NAMA PEMOHON	MOHD ASRI BIN HJ MATSAWALI		
TANDA TANGAN			

KEPADA,  
MU 91 MOHD. ASRI BIN HAJI MATSAWALI

<b>TIDAK ADA REKOD KESALAHAN</b>	
TARIKH	NAMA DAN TANDA TANGAN
09/05/2001	 ( MU 64 HJH. JIJAH BINTI MAT YASSIN )

**DIARI SIASATAN**

Jheo.12			Jheo.12		
Tarikh	Jam	Kejadian	Tarikh	Jam	Kejadian

**KEBENARAN PEMERIKSAAN HOSPITAL**

**MEMBERI KEBENARAN BAGI PEMERIKSAAN DOKTOR DAN PERMOHONAN  
UNTUK LAPORAN PERLIBATAN RUMAH SAKIT KERAJAAN BRUNEI DAN  
KLINIK-KLINIK PRIVATE BRUNEI DAN NEGARA-NEGARA ASEAN**

Saya -----  
 Kad Pengenalani No/Passport No : ----- Warna : -----  
 Dengan ini saya mengakui memberikan kebenaran kepada Pegawai-pegawai  
 Penguatkuasa Ugama, Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Hal-Ehwal  
 Syariah, Kementerian Hal-Ehwal Ugama, Brunei Darussalam, bagi pemeriksaan  
 keatas diri saya dan memohonkan laporan perubatan saya.

**PERKARA** \* : -----  
 -----  
 -----

**BUTIR-BUTIR MENGENAI DIRI SAYA ADALAH SEPERTI BERIKUT:-**

**Alamat sekarang** : -----  
 -----  
 -----

**Pekerjaan** : -----  
 -----

**Tarikh ditahan / Rawatan** : -----

**Bil. Daftar Perubatan Rumah Sakit / Klinik Kerajaan Brunei.** : -----

**Bil. Daftar Perubatan Klinik-klinik Private dalam Negara Brunei** : -----

**Bil. Daftar Perubatan Klinik-Klinik Private di Negara-negara Asean.** : -----

**Tarikh/Bulan/Tahun Pemeriksaan Doktor** : -----

**Nama Rumah Sakit/Klinik Kerajaan/Klinik-klinik Private.** : -----

Tandatangan,

Tarikh : -----



## BIBLIOGRAFI

### Buku-Buku Terbitan:

Bahasa Melayu

*Kamus Undang-undang* (2005) Penerbit Fajar Bakti: Selangor Darul Ehsan.

*Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim*, (1988) Kuala Lumpur: Universiti Malaya, CET 1.

*Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas kerja Seminar Sejarah Brunei II* (1999), Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah.

*Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah*, (2005) Bandar Seri Begawan: Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Monir Yaacob (peny) (1995), *Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah*, Kuala Lumpur: IKIM

Abdul Monir Yaacob (Peny) (2002), *Pembangunan Undang-undang Di Rantau Asean*, Kuala Lumpur: IKIM.

Abdul Monir Yaacob, Siti Shamsiah Md.Supi (2003), *Pendakwaan Dan Penyiasatan konsep Dan Amalan*, Kuala Lumpur: IKIM.

Ahmad Hidayat Buang et al. (2007), *Undang-Undang Islam Di Malaysia Prinsip Dan Amalan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Ibrahim et al (1990), *Al-Ahkam Undang-Undang Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia*, Kuala Lumpur : DBP, Jil 2 Bhg II .

Asri Puteh (2003), *Hukum Kanun*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Hassan Bin Ab. Rahman, Dr Hj, (2007), *Ke arah Penaiktarafan Kuasa-Kuasa Penguatkuasa Agama Dalam Amalan Kehakiman Dan Guaman Syarie Di Malaysia*, Bandar Baru Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Jamil Al Sufri, Dr (1994) "*Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kertas-Kerja Seminar Sejarah Brunei*", Bandar Seri Begawan: Kementerian Kebajikan Belia Dan Sukan.

Jamil Al-Sufri, Dr Awg Mohd, (1997) *Tarsilah Brunei: zaman kegemilangan dan kemasyhurannya*, Kementerian Kebajikan Belia Dan Sukan.

- Mahmud Saedon Awg Othman, Prof. Dato' Dr. Hj (1996), *Perlaksanaan Dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: DBP.
- Mahmud Saedon A. Othman (1996), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: DBP.
- Mat Zain Serudin, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Datu Seri Setia Ustaz Dr (1996), *Brunei Sebuah Negara Islam: Latarbelakang Keislamannya*, Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei UBD.
- Matassim bin Haji Jibah, Awang Haji (2004), *Dokumentasi*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mimi Kamariah Majid (1991), *Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohammad Shariff Abu Samah, Dato' Hj (et al.) (2008) *Alman Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, Petaling Jaya: ILBS.
- Mohd Hisham Mohd Kamal, (peny) (2009), *Isu-Isu Kebebasan Beragama & Penguatkuasaan Undang-Undang Moral*, Gombak: Jabatan Undang-undang Islam UIA.
- Pg Dr Hj Mohammad Pg Abd Rahman (2001), *Islam Di Brunei Darussalam*, Cet 2, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sabitha Marichan (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Selangor: Prentice Hall.
- Simar Angas (1992), *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium Brunei.
- Yahya Ibrahim, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia (2000), *Sejarah Dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiah.
- Zainul Rijal Abu Bakar (2008), *Isu-Isu Syariah Di Malaysia Kearah Meletakkan Hak Kepada Yang Berhak*, Kuala Lumpur: UITM.

#### Bahasa Inggeris

- Bradley A W and Ewing K D (2003), *Constitutional and Administrative Law*, 13th Edi, Edinburgh: Pearson Education Limited.
- Hawira Nor Mohamad Hahim (et al.) (2009), *Law, Morality, Justice, Freedom and Equality: The Underlying Concepts*, Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Hooker, M.B (1992) *Undang-Undang Islam Di Asia Tenggara*, Rohani Abdul Rahim (terj.), Kuala Lumpur: DBP.
- Horton, A.V.M (1986) *Administration in Brunei 1906-1959*, Hull: University Of Hull.

Majul, Ceaser Adib (1978), *Muslim in the Philippines*, Manila: St Mary Publishing House 3<sup>rd</sup> Edition.

Neil Parpworth (2008), *Constitutional & Administrative Law*, 5th Edi, Oxford: Oxford University Press.

O.Hood Phillips and Jackson (2001), *Constitutional & Administrative Law*, 8th Edi, London: Sweet & Maxwell.

Robert Nicholl, (Edi) (1990), "*European Sources For the History of Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*", Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei.

William George Maxwell and William Summer Gibson (1925) *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son Ltd.

Bahasa Arab

Ibn Qayyim (t.t), *Turuq al-Hukmiyah*, Kahirah: Matba'ah Al-Madani.

al-Zuhailiyy, Dr Muhammad, (1995), *Tarikh al-qadha fi al- Islam*, Beirut: Dar al-Fikr.

Rafa'at Fauzi (Edi) et al. (1988), *Talkhis Sahih Imam Muslim*, Cet 1. Cairo: Dar Al-Salam.

## **Jurnal**

IIU Law Journal, 1992, Vol 2

*Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (JMBRAS)* (1982) Vol 55 Pt 2 No 243, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Jurnal Darussalam* Bil 1 1992, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah.

*Jurnal Darussalam* Bil 5 2004, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah.

*Jurnal Darussalam Bil 5 Tahun 2004*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah.

*Jurnal Darussalam* Bil 7 2007, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah

*Jurnal Hukum* (1999), Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Jilid XIII Bhg. 1

*Jurnal Undang-Undang Syariah Di Brunei Darussalam* (2001), Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka .Jil 1 Bil 1.

*Jurnal Undang-Undang Syariah Di Brunei Darussalam* (2002), Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka .Jil 2 Bil 3.

*Jurnal Undang-Undang Syariah Di Brunei Darussalam* (2002), Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka .Jil 2 Bil 2.

## **Kertas-Kerja**

*“Muzakarah Penguatkuasa Agama, Bhg Kawalan Akidah dan Bhg Pendakwaan Syarie”* Anjuran Unit Perundangan Islam KHEU Brunei pada Julai 2007.

*Rumusan Kertas Kerja Muzakarah Antara Bahagian Penguatkuasa Agama, Bahagian Kawalan Aqidah Dan Bahagian Pendakwaan Syarie*, Bertempat: Dewan Utama Pusat Dakwah Islamiah KHEU Brunei, Pada 12hb.Jun, 2008M

Mohammad Daud Ismail (2005) “Masalah Dan Cabaran Yang Dihadapi Dalam Perlaksanaan Undang-Undang Keterangan Di Mahkamah Syariah” dalam *Seminar Undang-Undang Keterangan Syariah Dan Sivil*, Anjuran KHEU, Pada 5 & 6 September 2005 bertempat di Orchid Garden Hotel.

Nasimah Hussin, Dr (2008), “Isu-isu terkini kesalahan-kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah” dalam *Seminar Isu-Isu Mahkamah Ke 10 Peringkat Kebangsaan*, Anjuran Jabatan Undang-undang Islam Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim & JKSM , bertempat Mahkamah Mut Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, 12 & 13 November 2008

Othman Ishak, Prof Dr (1995), “Kearah Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam” dalam *Seminar Sistem Kehakiman Syara' Negara Brunei Darussalam*, bertempat di Dewan Persidangan Antarabangsa Berakas, Anjuran KHEU, pada 10-12 Jun 1995

Sakeria Samela (2008), “Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Acara Jenayah Syariah” dalam *Seminar Semakan Semula Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran* Anjuran IKIM Bertempat Dewan Besar IKIM pada 1 Apr 2008

Shamrahayu A. Aziz (2008) , “Penguatkuasaan Jenayah Syariah Dalam Konteks Perundangan” dalam *Seminar Isu-Isu Mahkamah Ke 10 Peringkat Kebangsaan*, Anjuran Jabatan Undang-undang Islam Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim & JKSM , bertempat Mahkamah Mut Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, 12 & 13 November 2008

Siti Zubaidah Ismail (2008) “ Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah” dalam *Seminar Semakan Semula Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran* , Anjuran IKIM, Bertempat Dewan Besar IKIM, pada 1 Apr 2008.

Zulfakar Ramlee, Dr (2008), Keterangan Forensik Dan Dokumentar Dalam Perbicaraan Jenayah Syariah” dalam *Seminar Isu-Isu Mahkamah Ke 10 Peringkat Kebangsaan*, Anjuran Jabatan Undang-undang Islam Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim & JKSM , bertempat Mahkamah Mut Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, 12 & 13 November 2008.

## **Kajian Ilimiah**

Horton. A.V.M (1985), *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-1959 A sultanate Regenerated*, Thesis Of Doctor Philosophy in South East Asian Studies. Hull: University of Hull.

Rashidah Bte Mohd Hanifah (1998), *Adat Istiadat Kebesaran Brunei: Pengurniaan gelaran Menurut perspektif Islam*. Tesis Sarjana Sastera UKM Bangi

Siti Zaliha Salim (1992), “*Sistem Kehakiman Brunei Dan Perbandingannya dengan sistem Kehakiman Islam*”, MA Tesis, Bangi: UKM.

Zulfikri Yaso (2006), *Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah: Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Disertasi, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

## **Laporan**

Peel WJ, (1948) *Annual Report on Brunei for the Year 1946*, British Residence Office, Bandar Brunei p.80-81

Douglas F.W (1914), *Annual Report on the State of Brunei for the year 1913*, Singapore: Government Printing Singapore.

McArthur M.S.H (1907), *Annual Report on the State of Brunei for the year 1906*, Bandar Brunei: British Resident Office.

Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama 1971, 1974 dan 1976

Laporan Tahunan KHEU 1986-1995, Bandar Seri Begawan: KHEU

Laporan Tahunan KHEU 1999-2000, Bandar Seri Begawan: KHEU

Laporan Tahunan KHEU 2001 -2002, Bandar Seri Begawan: KHEU

## **Memorandum/Minit/Surat**

3MU/JUB/14/1999-PT-IV bertarikh 5hb Mac 2001

BPC.1/7 Memorandum: Chief Police Officer to Religious Secretary State Customs & Religious Affairs Department 21st July 1959.

BRO AP.01/786/58 No 1 sumber didapati dari Arkib Negara Jabatan Muzium

Memo Dari Pegawai Ugama Kanan/Penyiasatan (Dato Hj Adb Salam Abd Razak) kepada MHEU (111/JUB/PPP/5/80) bertarikh 22 Disember 1983

Memo Peguam Negara (PN) kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama (PHEU): AG/ADV/33 bertarikh 10 Disember 1971

Memo Pendakwa Mahkamah Kathi (Hj Sawas Hj Jebat) kepada Ketua Merinyu (1080JUB/PMK/4/75) bertarikh 10 Jan 1983

Memo PN kepada PHEU 13/AG/LEGN/1/11 bertarikh: 12 Mei 1973

Memo PUK (Dato Hj Salam) kepada MHEU ref: 1/JUB/BP/2/83pt.2 bertarikh 5 April 1990.

Memorandum Bil: KHEU (BHEM) 9/98 bertarikh 17hb Julai 2006

Memorandum dari Peguam Negara (PN) Kepada Pengetua Hal ehwal Agama (PHEU) bertarikh 10 Disember 1971, Ref: AG/ADV/33,

Memorandum dari Peguam Negara Kepada Pengetua Hal ehwal Ugama bertarikh 10 Disember 1971, ref: AG/ADV/33

Memorandum PHEU kepada PN “Peraturan Merinyu Hal Ehwal Agama” 12hb Februari 1973 Ref 99/JUB/65/62,

Memorandum PN kepada PHEU 12 Mei 1973 Ref 13/AG/LEGN/I/II

Memorandum Peguam Negara kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama 13/AG/LEGN/I/II bertarikh 12hb Mei 1973

Memorandum Peguam Negara kepada Pengetua Hal Ehwal Ugama 13/AG/LEGN/I/II bertarikh 12 Mei 1973

Minit Mesyuarat Pentadbiran BPA 14hb Mei 2007

Minit Mesyuarat Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) No: JS/A/17/99 bertarikh 09hb April 2007.

Minit Muzakarah Ketua Penguat kuasa Agama Bersama Unit-unit Perisikan dan Pelaksanaan Operasi BPA bagi Tahun 2007 bertarikh 8hb Mac 2007.

Minute Sheet PN (Abas Hj Serudin) kepada Pendakwa Mahkamah Kadzi 26/AG/LEGN/R/1-PT.II bertarikh 9hb November 1976

SCRWO, 11/1954 memorandum: secretary to Religious council to secretary to Resident Brunei 18th March 1959

Surat Bil AG/ADV/M/51 'Memohon pandangan dan ulasan mengenai penggunaan belantan sewaktu bertugas' Hj Mohd Yusree Hj Junaidi (Ketua Penasihat Undang-Undang) kepada Pengarah JHES bertarikh 3hb September 2009

Surat keliling Pegawai Ugama Kanan (Hj Sawas Hj Jebat) Bil :1/1992 bertarikh 18 ogos 1992

Surat keliling Pegawai Ugama Kanan (Hj Sawas Hj Jebat) Bil: 1/1994 bertarikh 19 Oktober 1994

Surat KHEU kepada Pengerusi SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) Bil: 3MU/JUB/14/1999-PT-IV bertarikh 5hb Mac 2001

Surat PPDB AD 13/CIC/34/34/1 (SR) Vol.10 bertarikh 07 Disember 2006

### **Temubual**

Abdullah bin Ali (Ketua Ketua Merinyu Hal Ehwal Agama) pada 19hb September 2009

Hj Yahya Hj Damit (Ketua Merinyu Agama) pada 7hb Disember 2009

Karim Hj Momin (Merinyu Kanan) pada 7hb Disember 2009.

Hj Sawas Hj Jebat, Bekas Ketua Bahagian Pendakwaan dan Penyiasatan JHES. Temubual pada 7 Februari 2009

Yusof Halim, Sankaran Halim Advocates and Solicitors pada 28hb Julai 2009

Zulaikha @ Zaliha Hj Umar Ketua Unit Jenayah Umum BPA pada 7hb Disember 2009

### **Statistik**

*Statistik Kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang direkodkan di seluruh Negara dari tahun 2004 hingga Januari-Jun 2008*-sumber dari Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah KHEU Brunei.

Statistik Aduan Jenayah Umum Dan Keluarga tahun 2007

### **Risalah**

*Muzium Polis Pasukan Polis Di-Raja Brunei* (2009), Bandar Seri Begawan: Muzium PDB

Manual Prosedur Kerja Bahagian Pendakwaan Syarie 2006

Cadangan Pembayaran Elaun Khas Pegawai-Pegawai BPA JHES

Carta Alir kerja Unit Aduan 2008

Kursus pegawai-pegawai bahagian I , II dan sebahagian pegawai-pegawai Bahagian III dan IV , ceramah mengenai pendakwaan penyiasatan dan penangkapan oleh Dato seri setia Hj Abd Salam B. Abd Razak dan Awg Hj Sawas bin Hj Jebat

### **Pamflet**

Pamflet Unit Penapisan Dan Kawalan Terbitan-Terbitan, Pusat Dakwah Islamiah 2008

### **Akhbar**

Media Permata, 14 Ogos 2008:1, “*Terkejut Isu Sosial*”.

### **Internet**

“Substance *Law*” <http://www.duhaime.org/LegalDictionary/S/SubstantiveLaw.aspx>, 22 April 2010

Brunei Times reported [http://kbhappening.blogspot.com/2006\\_11\\_01\\_archive.html](http://kbhappening.blogspot.com/2006_11_01_archive.html), 22 April 2010

*Jabatan Penerangan*, <http://www.information.gov.bn>, About Brunei: Population, 22 April 2010

*Morality Under Scrutiny* By Dewi Mohd Sofri <http://www.brudirect.com/DailyInfo/New/Archive/Apr07/010407/nite18.htm>, 22 April 2010

*Robert Peel*. [http://en.wikipedia.org/wiki/Robert\\_Peel#Police\\_reform](http://en.wikipedia.org/wiki/Robert_Peel#Police_reform) Monday, 22 April, 2010

Sejarah Ringkas, <http://www.polis.gov.bn/history.htm>, Pasukan Polis Diraja Brunei, 22 April 2010

*Time Will Tell Suspect's Fate*, <http://www.brudirec.com/DailyInfo/News/y2k/Oct06/281006.htm>, 22 April 2010